



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

**PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014

**PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN



KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	
INTISARI LAPORAN	ix
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	3
BAHAGIAN II	
PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
2. Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh	7
3. Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan (Indeks Akauntabiliti)	54
4. Pengurusan Kewangan Di Jabatan Perikanan Malaysia	78
5. Pengurusan Kewangan Di Hospital Utama Negeri	102
6. Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negeri	120
7. Pengauditan Secara Mengejut	133
BAHAGIAN III	
PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS BAGI MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM	
8. Penilaian Khas Terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi	147
BAHAGIAN IV	
PERKARA AM	
9. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 Dan 2014	151
10. Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara	151
PENUTUP	159
LAMPIRAN	
LAMPIRAN A1 - Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	165
LAMPIRAN A2 - Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia	169
- Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014	170
- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	171
- Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	173
- Penyata Akaun Memorandum Pada 31 Disember 2014	174
- Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014	175

KATA PENDAHULUAN



KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/Jabatan serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen bagi setiap kali Parlimen bersidang ataupun tiga kali setahun selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi Inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 4 jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. **Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. **Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program/projek Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang ditetapkan; dan

1.4. **Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai objektif penubuhannya.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014

Bahagian II : Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan

Bahagian III : Penglibatan Jabatan Audit Negara Dalam Penilaian Khas Bagi Meningkatkan Akauntabiliti Pengurusan Wang Awam

Bahagian IV : Perkara Am

3. Pengauditan yang dijalankan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 mendapati penyata tersebut pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2014, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut serta rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Hasil pengauditan terhadap pengurusan kewangan pula mendapati beberapa Kementerian dan Jabatan masih tidak mematuhi peraturan kewangan dengan sepenuhnya. Kelemahan ini antaranya adalah disebabkan oleh kecuaiian dalam mematuhi peraturan/prosedur kewangan yang ditetapkan; kekurangan kakitangan dan latihan dalam aspek pengurusan kewangan serta ketiadaan penyeliaan dan pemantauan yang rapi.

4. Semua Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk pengesahan mereka. Jabatan Audit Negara juga telah mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan Persekutuan memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut:

4.1. Melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA). Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 8 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan perolehan, pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan deposit, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan Jabatan. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang diberi tahap penarafan yang sangat baik boleh dijadikan sebagai *role model* kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Ini boleh meningkatkan lagi tahap motivasi Kementerian/Jabatan Persekutuan agar lebih gigih memperbaiki dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing.

4.2. Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara bagi menilai sama ada pengurusan kewangan di pejabat perwakilan tersebut adalah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Pada tahun 2014, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 10 pejabat perwakilan dengan memberi tumpuan kepada 5 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan, pengurusan deposit/pendahuluan serta pengurusan aset dan stor. Semakan juga telah dijalankan terhadap pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri.


4.3. Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Kementerian/Jabatan juga

hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menilai sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 244 pejabat Kerajaan Persekutuan di seluruh negara.

4.4. Jabatan Audit Negara juga terus terlibat dalam membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) bagi tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 43 Ketua Jabatan. Penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan urusan kenaikan pangkat Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan hanya akan dipertimbangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Jabatan Audit Negara dan Perbendaharaan Malaysia mengesahkan bahawa pegawai berkaitan telah mengambil tindakan pembetulan terhadap kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan.

4.5. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ditubuhkan untuk memeriksa dan memantau urusan kewangan negara bagi memastikan kewangan negara ditadbir dan diuruskan secara teratur, cekap dan telus. Mesyuarat PAC turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. Bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015, PAC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 76 kali dan 2 kali lawatan projek.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan ini dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha dengan gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
9 September 2015

INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dan rekod perakaunannya juga telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh

2. Pada tahun 2014, Kerajaan Persekutuan (Kerajaan) memperoleh hasil berjumlah RM220.626 bilion iaitu meningkat sejumlah RM7.256 bilion (3.4%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM213.370 bilion. Pada tahun yang sama, Parlimen telah meluluskan peruntukan mengurus berjumlah RM222.081 bilion dan sejumlah RM219.589 bilion (98.9%) daripada jumlah yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Manakala bagi perbelanjaan pembangunan, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM39.503 bilion (98.4%) daripada peruntukan yang diluluskan yang berjumlah RM40.163 bilion. Kerajaan mengalami defisit berjumlah RM37.353 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.49%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dalam negeri dan luar negeri yang berjumlah RM109.083 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

Pengurusan Kewangan Di Kementerian/Jabatan Persekutuan

3. Pada tahun 2014, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) di 24 Kementerian dan 51 Jabatan Persekutuan untuk menilai sama ada pengurusan kewangan mereka telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan. Berdasarkan pengauditan tersebut, pada keseluruhannya berlaku sedikit penurunan prestasi kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun 2014 berbanding 2 tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak 20 Kementerian mencapai tahap sangat baik berbanding 23 Kementerian pada tahun 2013 dan 22 Kementerian pada tahun 2012. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan pula menunjukkan peningkatan di mana

pada tahun 2014, sebanyak 29 (56.9%) daripada 51 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding 21 (46.7%) daripada 45 Jabatan pada tahun 2013 dan 21 (53.9%) daripada 39 Jabatan pada tahun 2012. Manakala pada tahun 2014, sebanyak 4 Kementerian dan 22 Jabatan berada pada tahap baik. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di 14 Hospital Utama Negeri dan 13 Jabatan Perikanan Negeri di seluruh negara. Bagi Kementerian Luar Negeri, pengauditan telah dijalankan di 10 buah pejabat perwakilan Malaysia di luar negeri.

4. Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan secara mengejut di 244 pejabat Persekutuan di peringkat Negeri dan Daerah. Hasil daripada pengauditan ini, beberapa kes telah dikesan seperti daftar mel, buku tunai dan buku panjar wang runcit tidak diselenggarakan dengan kemas kini; pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap. Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan Peringkat Ibu Pejabat dan Negeri yang berkenaan untuk tindakan susulan.

5. Selain daripada menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan Ketua Jabatan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015, penilaian khas telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan 43 Ketua Jabatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

6. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) ditubuhkan untuk memeriksa dan memantau urusan kewangan negara bagi memastikan kewangan negara ditadbir dan diuruskan secara teratur, cekap dan telus. Mesyuarat PAC turut dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Audit Negara, Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. Bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015, PAC telah mengadakan mesyuarat sebanyak 76 kali dan 2 kali lawatan projek.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2014



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1.1. PENDAHULUAN

1.1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia berasaskan perakaunan tunai ubah suai.

1.1.2. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 27 Februari 2015. Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2014 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am.

1.1.2.2. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan sumber dan penggunaan dana bagi tahun 2014. Sumber dana adalah terdiri daripada hasil, terimaan pinjaman dalam/luar negeri serta bantuan luar negeri, terimaan modal dan terimaan amanah. Penggunaan dana adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dalam/luar negeri dan bantuan luar negeri serta perbelanjaan amanah.

1.1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan kedudukan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya.

1.1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan sebahagian aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Persekutuan. Aset kewangan Kerajaan terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Manakala liabiliti pula terdiri daripada Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

1.2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

1.2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2014. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian/Jabatan Persekutuan yang berkenaan melalui surat pengurusan sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

1.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

1.3.1. Bagi mengesahkan ketepatan baki sesuatu akaun, dokumen sokongan seperti Sijil Pengesahan Baki, Senarai Baki Perseorangan dan Penyata Penyesuaian yang menjelaskan perbezaan antara baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dengan baki yang ada di rekod Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah diperlukan. Sehubungan dengan ini, pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat telah mengemukakan dokumen sokongan berkenaan dan pengauditan yang dijalankan mendapati baki yang ditunjukkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah bersamaan dengan baki yang ditunjukkan di dokumen tersebut.

1.3.2. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti pada 31 Disember 2014 serta hasil operasi dan aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN



BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

2. PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2014, Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap data kewangan tahun 2014 dan tahun sebelumnya bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan pengesahan daripada pihak ketiga turut dijalankan bagi tujuan pengesahan maklumat. Hasil analisis adalah seperti berikut:

2.1. TERIMAAN DAN PENGGUNAAN DANA

Sumber utama dana Kerajaan Persekutuan adalah hasil, pinjaman dalam negeri, bantuan luar negeri serta terimaan lain. Dana ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, perbelanjaan pembangunan, bayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain. Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2014 adalah berjumlah RM220.626 bilion manakala terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan adalah berjumlah RM1.113 bilion. Perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula adalah berjumlah RM219.589 bilion dan RM39.503 bilion masing-masingnya. Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM37.353 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.49%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman dalam negeri dan luar negeri yang berjumlah RM109.083 bilion. Selain daripada membiayai perbelanjaan pembangunan, pinjaman ini juga digunakan untuk membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.


2.1.1. Hasil

2.1.1.1. Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2014, hasil Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM220.626 bilion dengan peningkatan sejumlah RM7.256 bilion (3.4%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM213.370 bilion. Hasil cukai dan terimaan bukan hasil menunjukkan peningkatan manakala hasil bukan cukai dan hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan penurunan. Kutipan hasil bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti **Carta 2.1** manakala trend kutipan hasil bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 mengikut jenis hasil adalah seperti **Carta 2.2**.

CARTA 2.1
KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014



CARTA 2.2
KUTIPAN HASIL MENGIKUT JENIS HASIL
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014




2.1.1.2. Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh Cukai Pendapatan Individu dan Syarikat; Hasil Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit; Duti Eksais Terhadap Barangan Import dan Cukai Jualan Atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri. Perkembangan ekonomi domestik yang stabil serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyumbang kepada peningkatan hasil. Bagaimanapun, kutipan Cukai Pendapatan Petroleum serta Faedah Dan Perolehan Daripada Pelaburan menunjukkan pengurangan berbanding dengan tahun 2013 disebabkan penurunan harga petroleum mentah dan terimaan dividen yang lebih rendah daripada syarikat Kerajaan. Contoh hasil yang menunjukkan peningkatan/penurunan yang ketara pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.1
PENINGKATAN/PENURUNAN HASIL YANG KETARA

JENIS HASIL	PUNGUTAN HASIL (Tahun)		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Cukai Pendapatan Syarikat	58,175.26	65,239.51	7,064.25	12.1	Peningkatan konsisten kutipan cukai melalui Skim Ansuran Anggaran Cukai (CP204) serta pembayaran baki cukai selepas CP204.
Cukai Pendapatan Individu	23,054.56	24,422.79	1,368.23	5.9	Peningkatan pembayaran cukai melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB).
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	13,417.89	14,253.82	835.93	6.2	Peningkatan kutipan cukai lesen kenderaan bermotor, levi ke atas pekerja asing dan bayaran pendaftaran perniagaan.
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	3,797.88	4,468.40	670.52	17.7	Peningkatan permintaan kenderaan import bersaiz sederhana.
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	5,626.19	6,130.39	504.20	9.0	Peningkatan pengeluaran barangan perkilangan tempatan disebabkan permintaan tinggi barangan tempatan apabila berlaku kejatuhan nilai ringgit.
Cukai Pendapatan Petroleum	29,753.12	26,956.14	(2,796.98)	(9.4)	Pengurangan cukai petroleum (CP250) disebabkan penurunan harga minyak mentah dunia serta penurunan bayaran baki cukai.
Faedah Dan Perolehan Daripada Pelaburan	35,305.51	33,755.93	(1,549.58)	(4.4)	- Terimaan dividen yang lebih rendah daripada Syarikat Kerajaan. - Sebahagian dividen untuk tahun 2014 diterima dan diakaunkan pada tahun kewangan 2015.

2.1.1.3. Hasil Kerajaan Persekutuan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan sekiranya ada lebihan hasil, lebihan tersebut dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2014, sejumlah RM1.037 bilion lebihan hasil telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Adalah didapati lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan berkurangan setiap tahun. Jumlah hasil, perbelanjaan mengurus dan lebihan hasil yang dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan bagi tempoh tahun berakhir 31 Disember 2010 hingga 31 Disember 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.3
HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PINDAHAN LEBIHAN HASIL KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN BAGI TEMPOH TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010 HINGGA 31 DISEMBER 2014



2.1.1.4. Pada akhir tahun 2014, Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM37.353 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada paras 3.49%. Nisbah defisit kepada KDNK ini menunjukkan trend penurunan setiap tahun iaitu daripada 5.64% pada akhir tahun 2010 kepada 3.49% pada akhir tahun 2014. Penurunan kadar defisit pada tahun 2014 antaranya disumbangkan oleh peningkatan KDNK dan pengurangan perbelanjaan pembangunan. Nisbah defisit Kerajaan Persekutuan kepada KDNK pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.2
NISBAH DEFISIT KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014


PERKARA	TAHUN				
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)
Hasil	159,652.96	185,418.92	207,912.75	213,370.21	220,625.67
Perbelanjaan Mengurus	(151,632.61)	(182,593.79)	(205,537.08)	(211,270.34)	(219,589.14)
Lebihan Hasil	8,020.35	2,825.13	2,375.67	2,099.87	1,036.53
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	1,526.47	1,082.20	2,634.97	1,569.43	1,113.77
Jumlah	9,546.82	3,907.33	5,010.64	3,669.30	2,150.30
Perbelanjaan Pembangunan	(52,791.63)	(46,416.36)	(46,932.45)	(42,209.80)	(39,503.49)
Defisit	(43,244.81)	(42,509.03)	(41,921.81)	(38,540.50)	(37,353.19)
KDNK	765,965	881,080	937,532	984,453	1,070,008
Nisbah Defisit Kepada KDNK (%)	5.64	4.82	4.47	3.91	3.49

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar

2.1.2. Pinjaman Dan Jaminan Berkanun


2.1.2.1. Kerajaan Persekutuan telah membuat pinjaman dari dalam dan luar negeri serta memperoleh pinjaman luar negeri bagi menampung defisit, membayar balik hutang dan membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pinjaman dalam negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Manakala pinjaman luar negeri terdiri daripada pinjaman multilateral dan bilateral. Pinjaman yang diterima pada tahun 2014 adalah berjumlah RM109.083 bilion terdiri daripada bantuan dari luar negeri berjumlah RM274.10 juta (0.3%) dan pinjaman dalam negeri termasuk bagi membiayai pinjaman perumahan berjumlah RM108.809 bilion (99.7%). Secara keseluruhannya, pinjaman yang diterima telah berkurangan sejumlah RM2.687 bilion (2.4%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM111.770 bilion. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.4
PENERIMAAN PINJAMAN DALAM NEGERI DAN
PINJAMAN LUAR NEGERI PADA TAHUN 2010 HINGGA 2014




2.1.2.2. Pada tahun 2014, Kerajaan telah membuat pelbagai bayaran balik pinjaman berjumlah RM66.495 bilion iaitu berkurangan sejumlah RM7.169 bilion (9.7%) berbanding tahun 2013 yang berjumlah RM73.664 bilion. Sebanyak 99% daripada jumlah bayaran balik pinjaman tersebut adalah bagi pinjaman dalam negeri. Butirannya adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.5
BAYARAN BALIK PINJAMAN DALAM NEGERI DAN
PINJAMAN LUAR NEGERI PADA TAHUN 2010 HINGGA 2014



2.1.2.3. Hutang awam terdiri daripada hutang dalam negeri yang berjumlah RM566.052 bilion (97.1%) dan hutang luar negeri berjumlah RM16.776 bilion (2.9%). Secara keseluruhannya hutang awam menunjukkan peningkatan daripada RM539.858 bilion pada akhir tahun 2013 kepada RM582.828 bilion pada akhir tahun 2014 iaitu meningkat sejumlah RM42.970 bilion (8.0%). Peningkatan jumlah hutang ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan hutang dalam negeri. **Nisbah hutang awam kepada KDNK pada akhir tahun 2014 adalah pada paras 54.47%.** Kedudukan hutang awam Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti **Carta 2.6** dan nisbah hutang awam kepada KDNK pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti **Jadual 2.3**.

CARTA 2.6
HUTANG AWAM KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014




JADUAL 2.3
NISBAH HUTANG AWAM KEPADA KELUARAN DALAM NEGERI KASAR
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014

PERKARA	2010	2011	2012	2013	2014
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Jumlah Hutang Awam	407,101	456,128	501,617	539,858	582,828
KDNK	765,965	881,080	937,532	984,453	1,070,008
Nisbah Hutang Awam Kepada KDNK (%)	53.15	51.77	53.50	54.84	54.47

Nota: KDNK - Keluaran Dalam Negeri Kasar


2.1.2.4. Perbelanjaan kerana hutang negara (kos bagi mendapatkan pinjaman dan faedah pinjaman) juga menunjukkan peningkatan bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Pada tahun 2013, perbelanjaan kerana hutang negara adalah berjumlah RM20.776 bilion dan meningkat sejumlah RM1.812 bilion (8.7%) kepada RM22.588 bilion pada tahun 2014. Kedudukan perbelanjaan kerana hutang negara pada tahun 2014 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.7
PERBELANJAAN KERANA HUTANG NEGARA
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014



2.1.2.5. Selain pinjaman dari dalam dan luar negeri, Kerajaan Persekutuan juga memberi jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh badan berkanun/syarikat seperti yang dibenarkan oleh Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965. Pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan juga menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Pada akhir tahun 2014, amaun belum selesai pinjaman dalam dan luar negeri yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan bagi 3 badan berkanun dan 24 syarikat secara keseluruhannya adalah berjumlah RM172.019 bilion iaitu meningkat sejumlah RM14.519 bilion (9.2%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM157.50 bilion. Peningkatan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional; Bank Pembangunan Malaysia Berhad; Danainfra Nasional Berhad dan Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Kedudukan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2014 dan 4 tahun sebelumnya adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.8
PINJAMAN YANG DIJAMIN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014



2.1.3. Perbelanjaan Mengurus


2.1.3.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2014, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2014 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM217.651 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM6.605 bilion yang terdiri daripada peruntukan tambahan pertama berjumlah RM4.612 bilion yang diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 2014 serta peruntukan khas dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang berjumlah RM1.993 bilion. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM2.175 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM222.081 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2014 adalah berjumlah RM219.589 bilion (98.9%) daripada jumlah yang diperuntukkan. Peruntukan dan perbelanjaan mengurus pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.4
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
PADA TAHUN 2013 DAN 2014

PERKARA	TAHUN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Peruntukan				
i. Asal	201,917.00	217,651.00	15,734.00	7.8
ii. Tambahan Peruntukan	15,014.04	4,612.10	(10,401.94)	(69.3)
iii. Waran Khas Dan Pendahuluan Darat Peruntukan Luar Jangka	603.67	1,992.97	1,389.30	230.1
iv. Waran Penyekatan Peruntukan	(6,974.59)	(2,174.80)	4,799.79	68.8
v. Pengurangan Semula Peruntukan	6,086.95	0.00	(6,086.95)	(100.0)
Jumlah Peruntukan Mengurus	216,647.07	222,081.27	5,434.20	2.5
Perbelanjaan Sebenar	211,270.34	219,589.14	8,318.80	3.9
Perbelanjaan Kurang Daripada Peruntukan	5,376.73	2,492.13	-	-

2.1.3.2. Perbelanjaan mengurus tahun 2014 meliputi pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah RM115.097 bilion; emolument berjumlah RM66.947 bilion; perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM34.259 bilion; aset berjumlah RM1.802 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.484 bilion. Perbelanjaan bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap merupakan perbelanjaan terbesar Kerajaan Persekutuan dan ia menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2010 hingga 2014 mengikut jenis perbelanjaan adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.9
PERBELANJAAN MENURUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014



2.1.3.3. Analisis Audit selanjutnya terhadap perbelanjaan mengurus mendapati 4 Kementerian/Jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan. Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku disebabkan tiada peruntukan awal disediakan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pesara. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pembayaran adalah untuk emolumen. Kementerian Luar Negeri pula memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku disebabkan faktor luar jangka yang tidak dapat dielakkan antaranya peningkatan kos sewaan bangunan pejabat Perwakilan dan kediaman, yuran sekolah dan bil utiliti. Faktor lain adalah kejatuhan nilai matawang ringgit, penganjuran program dan aktiviti di luar negeri serta lawatan rasmi bagi operasi *Search and Rescue* MH370 dan MH17. **Pada 17 Jun 2015, Parlimen telah meluluskan peruntukan tambahan bagi menampung perbelanjaan melebihi peruntukan tersebut.** Butiran aktiviti yang menyumbang kepada perbelanjaan melebihi peruntukan keseluruhan Kementerian/Jabatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.5
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN

MAKSUD PERBELANJAAN	TUJUAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR		PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN
			(RM Juta)	(%)	(RM Juta)
Jabatan Perkhidmatan Awam	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap : Pasca Perkhidmatan	76.74	363.77	474.0	287.03
Kementerian Kesihatan Malaysia	Emolumen : Pembangunan Kesihatan Keluarga	1,729.83	1,930.55	111.6	200.72
Kementerian Pendidikan Malaysia	Emolumen : Pendidikan Menengah	13,553.36	13,981.38	103.2	428.02
Kementerian Luar Negeri	Perkhidmatan Dan Bekalan : Pejabat Perwakilan Luar Negeri	163.52	190.35	116.4	26.83

2.1.3.4. Selain itu, semakan Audit mendapati 7 Kementerian/Jabatan telah memohon membuat virement berjumlah RM41.58 juta untuk menampung perbelanjaan bagi 19 aktiviti. Bagaimanapun, virement yang diluluskan itu tidak dibelanjakan malah peruntukan asal selepas ditolak kurangan (waran sekatan) masih mempunyai baki. Adalah juga didapati Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah membuat virement berjumlah RM23.05 juta tetapi peruntukan asal dan virement tersebut tidak dibelanjakan. Perkara ini berlaku disebabkan perbelanjaan bagi program/aktiviti berkenaan yang bersifat perbelanjaan modal telah diselaraskan sebagai perbelanjaan pembangunan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.6
VIREMEN DILULUSKAN TETAPI TIDAK DIBELANJAKAN

KEMENTERIAN/ JABATAN	BIL. AKTIVITI	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta)	KURANGAN (RM Juta)	VIREMEN (RM Juta)	PERUNTUKAN MUKTAMAD (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERUNTUKAN ASAL TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Suruhanjaya Pilihan Raya	1	9.00	0.00	0.40	9.40	7.57	1.43
Jabatan Perdana Menteri	11	116.07	(5.79)	4.97	115.25	102.24	8.04
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2	60.79	0.00	3.90	64.69	57.55	3.24
Kementerian Kerja Raya	1	429.00	(25.00)	8.00	412.00	153.87	250.13
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1	12.63	0.00	0.38	13.01	11.53	1.10
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	266.00	0.00	23.05	289.05	0.00	266.00
Kementerian Pertahanan	2	468.13	(0.95)	0.88	468.06	465.32	1.86
JUMLAH	19	1,361.62	(31.74)	41.58	1,371.46	798.08	531.80


Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 20 Mac 2015 Hingga 19 Jun 2015

Kementerian/Jabatan memaklumkan virement tidak dibelanjakan kerana langkah penjimatan, pembekal lewat menghantar bekalan, tuntutan lewat diterima, kerja lewat disiapkan, ketiadaan tempoh Akaun Kena Bayar, waran peruntukan tambahan lewat diterima serta peruntukan tidak dibelanjakan di peringkat negeri. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan dengan Kementerian/Jabatan terlibat.

2.1.4. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] menetapkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Kementerian/Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit mendapati bayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM2.896 bilion telah dibuat pada tahun 2014 iaitu berkurangan sejumlah RM0.528 bilion (15.4%) berbanding tahun 2013. Sebahagian besar daripada bayaran tersebut adalah untuk pembayaran subsidi minyak, padi dan barangan lain serta bayaran utiliti dan tuntutan perjalanan. Perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.10
PERBELANJAAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)
PADA TAHUN 2011 HINGGA 2014



2.1.5. Perbelanjaan Pembangunan

2.1.5.1. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM230 bilion sebagai peruntukan pembangunan yang akan diagihkan setiap tahun sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang merupakan rancangan lima tahun pembangunan Malaysia. Sejumlah RM44.500 bilion telah diluluskan sebagai anggaran asal perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2014. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan daripada Simpanan Luar Jangka berjumlah RM1.922 bilion sebagai tambahan kepada peruntukan asal tersebut. Bagi tempoh yang sama, Kerajaan telah mengeluarkan Waran Penyekatan Peruntukan berjumlah RM6.259 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad untuk pembangunan adalah berjumlah RM40.163 bilion. Sehingga akhir tahun 2014, secara keseluruhannya Kementerian/Jabatan Persekutuan telah membelanjakan sejumlah RM39.503 bilion (98.4%) daripada peruntukan yang diluluskan. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.7
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2013 DAN 2014

PERKARA	TAHUN 2013 (RM Juta)	TAHUN 2014 (RM Juta)
Peruntukan:		
- Anggaran Asal*	47,750.00	44,500.00
- Tambahan Pertama/Pendahuluan Daripada Peruntukan Luar Jangka	649.38	1,921.99
- Pengurangan Semula Peruntukan	2,096.54	-
JUMLAH	50,495.92	46,421.99
Waran Penyekatan Peruntukan	(6,032.17)	(6,258.56)
JUMLAH	44,463.75	40,163.43
Perbelanjaan Sebenar	42,209.80	39,503.49
Peratus Perbelanjaan	94.9%	98.4%

Nota: (*) - Tidak Termasuk Peruntukan Simpanan Luar Jangka Yang Berjumlah RM2 Bilion

2.1.5.2. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2014 bagi 25 Kementerian/Jabatan Persekutuan mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan iaitu peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Bagaimanapun, jumlah peruntukan tidak dibelanjakan telah berkurangan berbanding dengan tahun 2013. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.8
KELEMAHAN PENGURUSAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

PERKARA	2013			2014		
	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
Peruntukan Dibelanjakan Kurang Daripada 50%	12	28	539.88	7	15	31.38
Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan	5	8	14.06	6	9	9.48

- a. Sejumlah RM44.70 juta yang diluluskan pada tahun 2014 bagi membiayai 15 projek di 7 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50%. Semakan Audit mendapati **hanya RM13.32 juta (29.8%) daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan menjadikan sejumlah RM31.38 juta tidak dibelanjakan**. Perkara ini berlaku antara lainya berpunca daripada kelewatan pelaksanaan projek, tiada kelulusan penyelarasan akhir harga projek atau bayaran kurang daripada anggaran keperluan semasa. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.9
PERUNTUKAN DIBELANJAKAN KURANG DARIPADA 50%

PERATUS PERBELANJAAN (%)	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN TERLIBAT	BIL. PROJEK TERLIBAT	JUMLAH PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2014 (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta)
< 10	3	3	2.95	0.09	2.86
10 ≤ 20	3	3	9.10	1.12	7.98
20 ≤ 30	1	2	11.00	2.78	8.22
30 ≤ 40	3	3	4.62	1.63	2.99
40 ≤ 50	4	4	17.03	7.70	9.33
JUMLAH		15	44.70	13.32	31.38

- b. Adalah didapati 6 Kementerian telah membuat pindah peruntukan berjumlah RM9.48 juta bagi membiayai 9 projek. Bagaimanapun, pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada peruntukan asal. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.10
PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN ASAL (RM Juta) (a)	PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta) (b)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta) (c)	PERUNTUKAN ASAL TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) (d) = [(a) - (c)]	JUMLAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN (RM Juta) [(b) + (d)]
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2	2.60	0.44	2.57	0.03	0.47
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1	31.00	0.16	30.96	0.04	0.20
Kementerian Pendidikan Malaysia	1	1.47	0.53	1.17	0.30	0.83
Kementerian Kesihatan Malaysia	2	164.00	4.00	155.06	8.94	12.94
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	49.89	4.02	49.12	0.77	4.79
Kementerian Sumber Manusia	2	4.20	0.33	3.95	0.25	0.58
JUMLAH	9	253.16	9.48	242.83	10.33	19.81

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 10 Jun 2015

Kementerian/Jabatan memaklumkan pindah peruntukan tidak dibelanjakan kerana tuntutan pembayaran oleh kontraktor adalah kurang daripada peruntukan.

2.1.6. Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

2.1.6.1. Wang pendahuluan kepada kontraktor adalah bayaran pendahuluan yang dibenarkan kepada kontraktor tempatan yang memerlukan modal untuk melaksanakan kerja awalan. Semua bayaran pendahuluan dicaj terus kepada

vot projek berkenaan. Kementerian/Jabatan perlu menyelenggara akaun subsidiari mengenainya bagi merekodkan bayaran pendahuluan yang akan diselaraskan melalui potongan yang dibuat daripada bayaran kemajuan projek. Peraturan dan syarat bagi bayaran pendahuluan ini dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4/2013.

2.1.6.2. Semakan Audit mendapati wang pendahuluan kepada kontraktor yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus, pembangunan dan akaun amanah yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM948.97 juta iaitu berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:


JADUAL 2.11
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM DIKUTIP BALIK
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014

TAHUN	BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		(RM Juta)	(%)
2010	1,283.92	-	-
2011	1,535.76	251.84	19.6
2012	1,045.27	(490.49)	(31.9)
2013	1,106.32	61.05	5.8
2014	948.97	(157.35)	(14.2)

2.1.6.3. Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor

- a. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4/2013 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut. Baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2014 meningkat sejumlah RM34.88 juta berbanding akhir tahun 2013. Kedudukan baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik walaupun kemajuan kerja telah mencapai 75% atau projek terbengkalai/ditamatkan pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

CARTA 2.11
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG
BELUM DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH
MENCAPAI 75% ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014




- b. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 5 Kementerian masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM198.63 juta daripada 50 syarikat walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.12
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM
DIKUTIP BALIK WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%
ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN

KEMENTERIAN	BIL. SYARIKAT		BAKI WANG PENDAHULUAN YANG MASIH BELUM DIKUTIP/DIMBUH BALIK (RM Juta)
	KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAPAI 75%	PROJEK TERBENGKALAI/ DITAMATKAN	
Kementerian Pendidikan Malaysia	16	9	73.64
Kementerian Pengangkutan	-	4	66.89
Kementerian Kerja Raya	-	16	35.68
Kementerian Pertahanan	-	3	17.97
Kementerian Dalam Negeri	-	2	4.45
JUMLAH	16	34	198.63

- c. Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik bagi projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah ditamatkan/terbengkalai/siap melebihi 75% menunjukkan peningkatan yang ketara (>100%) iaitu peningkatan sejumlah RM54.16 juta berbanding dengan tahun 2013 manakala Kementerian Pengangkutan menunjukkan penurunan sejumlah RM19.84 juta (22.9%) kepada RM66.89 juta. Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan dari tahun 2012 sehingga 2014. Trend baki wang pendahuluan kontraktor yang belum dikutip balik bagi projek yang terbengkalai/ditamatkan/siap melebihi 75% mengikut Kementerian adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.12
BAKI WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR YANG BELUM
DIKUTIP WALAUPUN KEMAJUAN KERJA TELAH MENCAIPI 75%
ATAU PROJEK TERBENGKALAI/DITAMATKAN



Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Hingga 8 Mei 2015

Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa bagi sebahagian kes, tindakan sedang diambil untuk merampas Wang Jaminan Pelaksanaan manakala bagi sebahagian kes yang lain, Kementerian akan mengambil kira amaun ini dalam Akaun Penamatan oleh Juru Perunding. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula memaklumkan bahawa kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah atau dalam proses timbang tara. Manakala Kementerian Kerja Raya memaklumkan bahawa sebahagian kes masih dalam proses tindakan mahkamah dan bagi kes yang telah selesai di peringkat mahkamah, tuntutan akan dibuat daripada kontraktor. Kementerian Kerja Raya juga akan mengambil tindakan merampas Wang Jaminan Pelaksanaan atau menghapus kira sebahagian pendahuluan kepada kontraktor yang tidak dapat dikutip balik bagi kes kontraktor yang telah muflis. Kementerian Pengangkutan pula memaklumkan bagi projek yang masih belum dibayar sepenuhnya, pendahuluan kepada kontraktor akan dikutip balik semasa bayaran kemajuan atau diambil kira dalam penutupan akaun.

2.1.7. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59

2.1.7.1. Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) Kod 853207 sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2014, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 50 permohonan pendahuluan diri berjumlah RM19.65 juta kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi pembayaran di bawah AP 59. Adalah diperhatikan pendahuluan diri bagi

pembayaran di bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2014 telah berkurangan sejumlah RM1.62 juta (7.6%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM21.27 juta. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.13
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 YANG DILULUSKAN
OLEH PERBENDAHARAAN MALAYSIA PADA TAHUN 2013 DAN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	KELULUSAN PADA TAHUN 2013		KELULUSAN PADA TAHUN 2014	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
Polis DiRaja Malaysia	4	1.16	1	14.60
Kementerian Dalam Negeri	1	0.01	22	2.28
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1	0.20	5	0.93
Kementerian Pendidikan Malaysia	6	0.36	9	0.87
Kementerian Pertahanan	4	13.31	2	0.46
Jumlah Kecil	16	15.04	39	19.14
Kementerian/Jabatan Lain	13	6.23	11	0.51
JUMLAH KESELURUHAN	29	21.27	50	19.65

2.1.7.2. Sehingga akhir tahun 2014, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM25.19 juta melibatkan 14 Kementerian/Jabatan. Baki yang belum diselaraskan pada tahun 2014 telah meningkat sejumlah RM0.69 juta berbanding dengan tahun 2013. Tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan adalah selama 15 tahun iaitu kes pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 1999. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.14
PENDAHULUAN DIRI DI BAWAH AP 59
YANG BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2014	
		(RM Juta)	TEMPOH
Polis DiRaja Malaysia	5.89	20.43	2005 - 2014
Jabatan Pendaftaran Negara	-	1.01	2014
Kementerian Dalam Negeri	7.91	0.70	1999 - 2014
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	0.22	0.60	2011 - 2014
Jabatan Imigresen Malaysia	2.30	0.55	2009 - 2014
Kementerian Pendidikan Malaysia	0.30	0.48	2006 - 2014
Jumlah Kecil	16.62	23.77	1999 - 2014
Kementerian/Jabatan Lain	7.88	1.42	2006 - 2014
JUMLAH KESELURUHAN	24.50	25.19	1999 - 2014

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 1 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015

Kementerian/Jabatan memaklumkan sebahagian pembayaran di bawah AP 59 telah/sedang diselaraskan dan sebahagian sedang menunggu keputusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.

2.1.7.3. Pada tahun 2014, enam Kementerian/Jabatan **telah berjaya menyelaraskan** kesemua pembayaran di bawah AP 59. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.15
KEMENTERIAN/JABATAN YANG BERJAYA MENYELARASKAN
KESEMUA PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 PADA TAHUN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI BELUM DISELARASKAN PADA 31.12.2014 (RM Juta)
Jabatan Perdana Menteri	3.49	0.00
Kementerian Pertahanan	2.17	0.00
Kementerian Kerja Raya	0.37	0.00
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	0.08	0.00
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	0.04	0.00
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia	0.02	0.00

2.1.7.4. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.2/2013 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat dengan serta-merta tidak lewat 14 hari daripada tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 137 sampel pembayaran di bawah AP 59 mendapati 114 (83.2%) daripadanya yang berjumlah RM12.86 juta melibatkan 9 Kementerian/Jabatan telah dibayar melebihi tempoh 14 hari. Tempoh kelewatan bayaran adalah antara 5 hingga 104 hari. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.16
PEMBAYARAN DI BAWAH AP 59 MELEBIHI TEMPOH 14 HARI

KEMENTERIAN/JABATAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)
Polis DiRaja Malaysia	47	10.06	5 - 104
Jabatan Pendaftaran Negara	1	1.01	5
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	4	0.64	5 - 36
Kementerian Pertahanan	14	0.60	14 - 51
Kementerian Pendidikan Malaysia	38	0.17	10 - 59
Jabatan Imigresen Malaysia	5	0.18	15 - 24
Jabatan Perdana Menteri	2	0.12	8
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2	0.07	6
Agensi Antidadah Kebangsaan	1	0.01	38
JUMLAH KESELURUHAN	114	12.86	5 - 104

Nota: () - Tempoh Kelewatan Dikira Selepas 14 Hari Dari Tarikh Kelulusan Diterima*

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 5 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015

Kementerian/Jabatan memaklumkan bahawa pembayaran di bawah AP 59 melebihi 14 hari antaranya disebabkan proses penyediaan dokumen bayaran kepada pelbagai pembekal mengambil masa yang lama. Kementerian Kewangan Malaysia pula memaklumkan bahawa peringatan telah diberi kepada Kementerian/Jabatan supaya pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.

2.1.7.5. Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

- a. 15 daripada 37 laporan siasatan lewat dikemukakan antara 13 hingga 382 hari.
- b. 19 laporan siasatan yang sepatutnya dikemukakan pada tahun 2014 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 4 Mac 2015. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 4 Mac 2015 bagi 19 kes tersebut adalah antara 197 hingga 390 hari.

Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.17
KELEWATAN MENGEMUKAKAN LAPORAN SIASATAN
KEPADA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KEMENTERIAN/JABATAN	LAPORAN SIASATAN DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 2014		LAPORAN SIASATAN BELUM DIKEMUKAKAN	
	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN* (Hari)	BIL. KES	TEMPOH KELEWATAN* SEHINGGA 04.03.2015 (Hari)
Jabatan Imigresen Malaysia	4	135 - 382	1	197
Kementerian Pertahanan	3	51 - 142	-	-
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	3	25 - 90	-	-
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2	90	-	-
Kementerian Kesihatan Malaysia	1	13	-	-
Agensi Antidadah Kebangsaan	1	31	-	-
Kementerian Pendidikan Malaysia	1	17	1	296
Polis DiRaja Malaysia	-	-	16	275 - 390
Jabatan Pendaftaran Negara	-	-	1	275
JUMLAH	15	13 - 382	19	197 - 390

Nota: () - Tempoh Dikira Selepas 60 Hari Daripada Tarikh Kelulusan Pelarasan Dikeluarkan Oleh Perbendaharaan Malaysia*

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 5 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015

Kementerian/Jabatan memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana proses siasatan mengambil masa yang lama.

2.1.7.6. Arahan Perbendaharaan 59 turut menetapkan bahawa Kementerian/Jabatan perlu membuat pelarasan dalam tempoh 60 hari daripada tarikh surat arahan pelarasan pendahuluan diri dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah lewat membuat pelarasan bagi 2 kes pendahuluan diri antara 31 hingga 322 hari.


2.2. LANGKAH UNTUK MENAMBAH DANA

Antara langkah proaktif yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi menambah hasil Kerajaan Persekutuan adalah dengan mendapatkan balik tunggakan hasil dan tunggakan bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri; Perbadanan Kemajuan Negeri; Badan Berkanun; Pihak Berkuasa Tempatan; Koperasi; Syarikat dan Pelbagai Agensi dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

2.2.1. Akaun Belum Terima


2.2.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.765 bilion (3.5%) iaitu daripada RM21.810 bilion pada tahun 2013 kepada RM22.575 bilion pada tahun 2014. Peningkatan ABT sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan ABT Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Perbendaharaan Malaysia. ABT JKDM meningkat sejumlah RM142.48 juta (9.7%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 hasil keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKDM. Manakala peningkatan ABT di Perbendaharaan Malaysia pula disebabkan peningkatan tunggakan bayaran balik pinjaman. Selain itu, selaras dengan perakaunan akruan yang akan dilaksanakan, Kementerian/Jabatan juga telah mengambil langkah untuk mengenal pasti ABT baharu. Kedudukan Akaun Belum Terima (bersih) pada akhir tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 2.13
AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH)
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014




2.2.1.2. Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), JKDM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014. **Carta 2.14** menunjukkan peratusan jumlah ABT (bersih) Kementerian/Jabatan pada akhir tahun 2014.

CARTA 2.14
AKAUN BELUM TERIMA (BERSIH) MENGIKUT KEMENTERIAN/JABATAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014



2.2.1.3. Akaun Belum Terima yang dihapus kira pada tahun 2014 adalah berjumlah RM0.512 bilion iaitu penurunan sejumlah RM1.343 bilion berbanding tahun 2013. **Carta 2.15** menunjukkan jumlah kasar ABT, jumlah yang telah dihapus kira dan jumlah ABT yang berusia melebihi 6 tahun. Akaun Belum Terima yang berusia melebihi 6 tahun berkurangan sejumlah RM0.978 bilion pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013 disebabkan sebahagiannya telah dihapus kira. Lima hapus kira ABT melebihi tempoh 6 tahun yang tertinggi adalah seperti **Jadual 2.18**.

CARTA 2.15
AKAUN BELUM TERIMA KASAR, DIHAPUS KIRA
DAN BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014



Nota: ABT - Akaun Belum Terima

JADUAL 2.18
HAPUS KIRA AKAUN BELUM TERIMA MELEBIHI 6 TAHUN
YANG TERTINGGI PADA TAHUN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH (RM Juta)
Perbendaharaan Malaysia	132.98
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	126.07
Kementerian Kesihatan Malaysia	12.17
Jabatan Perkhidmatan Awam	1.66
Jabatan Perdana Menteri	0.30

2.2.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati 50% daripada ABT bersih bagi 3 Kementerian pada akhir tahun 2014 telah berusia melebihi tempoh 6 tahun. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.19
LEBIH 50% DARIPADA ABT (BERSIH) TELAH BERUSIA MELEBIHI 6 TAHUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	JUMLAH BERSIH ABT	ABT MELEBIHI TEMPOH 6 TAHUN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Kementerian Belia Dan Sukan	33.73	29.21	86.6
Kementerian Luar Negeri	4.74	3.34	70.5
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	4.32	3.08	71.3

Nota: ABT - Akaun Belum Terima

Pada pendapat Audit, usaha mengutip balik ABT perlu diteruskan dengan lebih proaktif terutama tunggakan ABT yang tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 bagi mengelakkan hapus kira ABT. Hapus kira ABT merupakan suatu kerugian kepada Kerajaan.

2.2.2. Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak

2.2.2.1. Kerajaan Persekutuan adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Perseorangan serta Pelbagai Agensi untuk membiayai pelbagai tujuan. Baki pinjaman belum selesai pada akhir tahun 2013 berjumlah RM92,547,188,214 dinyatakan semula kepada RM92,444,600,374 untuk mengambil kira pelarasan pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia.

2.2.2.2. Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 526 (49%) daripada 1,074 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 34 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman

pada akhir tahun 2014 meningkat sejumlah RM0.794 bilion (9.3%) menjadi RM9.366 bilion berbanding dengan RM8.572 bilion pada akhir tahun 2013. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM1.426 bilion di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2027.

2.2.2.3. Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2014. Walaupun pada tahun 2014 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman yang dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.20
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA AKHIR TAHUN 2014

PEMINJAM	PINJAMAN							TEMPOH*
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	(%)	
		BIL.	(%)					
				(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(Tahun)	
Syarikat**	111	50	45.0	3,108.775	3,591.085	482.31	15.5	1 - 10
Kerajaan Negeri	882	410	46.5	3,500.42	3,791.72	291.30	8.3	1 - 16
Badan Berkanun	18	14	77.8	1,196.823	1,386.08	189.257	15.8	1 - 23
Pihak Berkuasa Tempatan	41	38	92.7	428.34	436.23	7.89	1.8	21 - 27
Pelbagai Agensi	10	3	30.0	265.87	97.53	(168.34)	(63.3)	2 - 14
Perbadanan Kemajuan Negeri	2	1	50.0	56.13	47.82	(8.31)	(14.8)	12
Koperasi	10	10	100.0	15.75	15.75	-	-	18 - 34
JUMLAH	1,074	526	49.0	8,572.108	9,366.215	794.107	9.3	1 - 34

Nota: (*) - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan diaudit

(**) - Tidak Termasuk Tunggakan Pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang telah diluluskan untuk dihapus kira

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam. Bagi pinjaman baru, Kementerian Kewangan Malaysia akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman bagi memastikan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.

a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat

Pada 31 Disember 2014, sebanyak 50 (45%) daripada 111 pinjaman yang disalurkan kepada 34 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu

hingga 10 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM3.591 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.482 bilion (15.5%) berbanding RM3.109 bilion pada akhir tahun 2013. Bayaran balik pinjaman berjumlah RM599.16 juta adalah termasuk pelarasan terhadap perkara-perkara berikut:

- i. Bayaran balik faedah selepas tamat tempoh bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.51 juta bagi pinjaman UDA Holdings Berhad.
- ii. *Prepayment* anuiti tahun 2015 hingga 2016 bagi pinjaman Sabah Electricity Sdn. Bhd. berjumlah RM3.91 juta.
- iii. Penyelesaian penuh pinjaman tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM42.69 juta bagi pinjaman Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.

Selain daripada bayaran balik anuiti tahun 2014, pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:

- i. Tunggakan faedah lewat bayar (default interest) tahun 2014 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, JKP Sdn. Bhd., Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., Perwaja Steel Sdn. Bhd., Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Equal Concept Sdn. Bhd., Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB), Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd. dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.
- ii. Tunggakan faedah lewat bayar (default interest) dari tahun 2012 bagi pinjaman National Feedlot Corporation (NFC) Sdn. Bhd. berjumlah RM0.34 juta.
- iii. Pelarasan mata wang asing kepada Ringgit Malaysia berjumlah RM7.98 juta dan pelarasan bayaran balik tunggakan pinjaman tahun 2013 berjumlah RM109.30 juta bagi pinjaman Malaysian Debt Ventures Berhad (MDV).
- iv. Hapus kira faedah tertunggak dan faedah lewat bayar (default interest) dari tahun 2010 hingga 2011 berjumlah RM3.79 juta dan pelarasan faedah tertunggak tahun 2014 berjumlah RM2.94 juta bagi pinjaman Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.
- v. Pelarasan penjadualan semula jadual bayaran balik bagi pinjaman Agro Qas Sdn. Bhd. berjumlah RM3.60 juta.
- vi. Tunggakan anuiti tahun 2013 bagi pinjaman M.Y. Ikan Sdn. Bhd. berjumlah RM1.89 juta.
- vii. Penjadualan semula jadual bayaran balik bagi pinjaman Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. berjumlah RM20.80 juta.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat kerajaan/bukan kerajaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.21
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN SYARIKAT KERAJAAN/BUKAN KERAJAAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

SYARIKAT	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	2	1	50.0	496.74	165.58	TBB	-	662.32	4
Cyberview Sdn. Bhd.	4	1	25.0	571.38	5.38	(32.38)	11.51	555.89	5
Prasarana Malaysia Berhad (dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad)	3	2	66.7	426.99	9.28	TBB	-	436.27	2
UDA Holdings Berhad	10	7	70.0	288.00	14.75	(29.48)	5.51	278.78	3 - 8
Malaysia Venture Capital Management Berhad	2	1	50.0	258.26	-	(7.85)	13.98	264.39	4
Malaysian Debt Ventures Berhad (MDV)	4	1	25.0	406.95	208.39	(248.06)	(117.28)	250.00	2
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1	1	100.0	223.40	-	TBB	-	223.40	7
Yayasan Tekun Nasional	9	3	33.3	TT	257.60	(40.00)	-	217.60	1
Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.	7	2	28.6	TT	115.28	TBB	5.50	120.78	1
Perwaja Steel Sdn. Bhd.	1	1	100.0	63.80	29.72	TBB	5.92	99.44	3
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	9	1	11.1	0.005	147.94	(77.90)	0.333	70.378	1
Equal Concept Sdn. Bhd.	1	1	100.0	44.51	21.07	TBB	3.85	69.43	3
Malaysia Building Society Berhad	1	1	100.0	64.14	-	(1.40)	-	62.74	4
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	2	2	100.0	46.14	6.06	TBB	-	52.20	5 - 10
Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.	1	1	100.0	88.00	-	(50.92)	(0.85)	36.23	4
Premium Agro Products Sdn. Bhd.	1	1	100.0	22.40	11.20	TBB	-	33.60	3
Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB)	5	3	60.0	TT	20.49	TBB	0.90	21.39	1
PKPS Agro Industries Sdn. Bhd.	3	3	100.0	15.64	5.31	(0.20)	-	20.75	4
National Feedlot Corporation (NFC) Sdn. Bhd.	1	1	100.0	TT	17.49	TBB	0.34	17.83	1
Sabah Electricity Sdn. Bhd.	14	2	14.3	TT	19.43	(6.20)	3.91	17.14	1
MIMOS Berhad	1	1	100.0	14.85	-	TBB	-	14.85	3
White Heron Dairy Farm Sdn. Bhd.	1	1	100.0	11.39	-	TBB	-	11.39	5
JKP Sdn. Bhd.	2	2	100.0	7.15	3.62	(0.54)	0.74	10.97	1 - 2
Airport Limo (M) Sdn. Bhd.	1	1	100.0	6.00	3.40	(1.00)	0.06	8.46	5
SME Ordnance Sdn. Bhd.	1	1	100.0	5.21	2.42	TBB	0.39	8.02	3
Agro Qas Sdn. Bhd.	1	1	100.0	2.60	1.78	(1.40)	3.60	6.58	3
Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)	13	2	15.4	TT	14.24	(8.33)	-	5.91	5
A-Winn Global Market Services Sdn. Bhd.	1	1	100.0	4.43	1.10	TBB	-	5.53	5
M.Y. Ikan Sdn. Bhd.	1	1	100.0	TT	1.89	TBB	2.05	3.94	2
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1	1	100.0	TT	2.483	TBB	0.004	2.487	6

SYARIKAT	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Asia E-Learning Sdn. Bhd.	1	1	100.0	TT	1.50	TBB	-	1.50	1
Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Bhd.	1	1	100.0	0.64	0.65	(0.40)	-	0.89	2
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	3	0	0	20.80	5.00	(5.00)	(20.80)	TT	-
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	2	0	0	19.35	26.06	(88.10)	42.69	TT	-
JUMLAH KESELURUHAN	111	50	45.0	3,108.775	1,119.113	(599.16)	(37.643)	3,591.085	1 - 10

Nota: - Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

- Tidak Termasuk Tunggakan Pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. yang telah diluluskan untuk dihapus kira

(*) - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit

TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia telah/akan membuat penjadualan/penstrukturan semula pinjaman bagi 10 syarikat manakala penyelesaian baki akan dibuat secara share swap bagi satu syarikat, lelongan harta bagi 3 syarikat dan hapus kira sebahagian pinjaman bagi satu syarikat. Kementerian Kewangan Malaysia juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap 3 syarikat.

b. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri

Pada tahun 2014, sebanyak 410 (46.5%) daripada 882 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 16 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.292 juta (8.3%) iaitu daripada RM3.500 bilion pada akhir tahun 2013 menjadi RM3.792 bilion pada akhir tahun 2014. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Kerajaan Negeri Kedah, Pahang, Kelantan, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Terengganu, Johor, Sabah dan Selangor telah berkurangan. Bagaimanapun, tiada perubahan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejumlah RM635.88 juta (14.5%) telah dibayar balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding dengan RM4.384 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan pinjaman dan anuiti tahun 2014). Bayaran balik pinjaman berjumlah RM635.88 juta ini adalah termasuk:

- i. Penyelesaian tunggakan bagi pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

- ii. Penyelesaian tunggakan anuiti tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Johor, Sabah, Selangor dan Sarawak.
- iii. Hapus kira pinjaman tertunggak sehingga tahun 2014 dan hapus kira pinjaman pokok dari tahun 2015 hingga 2038 bagi Kerajaan Negeri Kelantan.
- iv. Penyelesaian bayaran balik pokok dan faedah bagi Kerajaan Negeri Sembilan menggunakan bayaran balik hasil.
- v. Lebihan bayaran balik pokok tahun 2014 bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak.

Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.22
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KERAJAAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

KERAJAAN NEGERI	PINJAMAN								TEMPOH (Tahun)
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA / PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	
		BIL.	%						
Kedah	103	99	96.1	1,043.64	130.32	(30.56)	-	1,143.40	1 - 15
Pahang	130	112	86.2	654.02	138.36	(2.20)	-	790.18	1 - 13
Terengganu	94	47	50.0	434.37	50.23	(61.29)	-	423.31	1 - 16
Johor	55	7	12.7	423.38	9.58	(28.71)	-	404.25	2 - 8
Kelantan	38	27	71.1	277.00	47.64	(60.97)	41.17	304.84	1 - 9
Melaka	61	56	91.8	225.55	59.30	(12.26)	-	272.59	1 - 9
Perlis	36	26	72.2	141.63	15.30	(9.68)	-	147.25	1 - 8
Negeri Sembilan	19	10	52.6	111.38	42.47	(10.03)	2.42	146.24	1 - 8
Sabah	92	3	3.3	66.87	180.83	(209.38)	-	38.32	1 - 8
Selangor	9	2	22.2	49.27	27.00	(41.18)	-	35.09	1 - 3
Perak	45	18	40.0	31.82	16.02	(4.80)	-	43.04	1 - 13
Sarawak	187	2	1.1	40.00	162.95	(161.68)	0.45	41.72	7 - 14
Pulau Pinang	13	1	7.7	1.49	3.14	(3.14)	-	1.49	5
JUMLAH	882	410	46.5	3,500.42	883.14	(635.88)	44.04	3,791.72	1 - 16

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelarasan Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit*

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan pinjaman meningkat disebabkan oleh Kerajaan Negeri tidak membuat bayaran balik terutamanya pinjaman bagi projek bekalan air. Tunggakan bayaran balik pinjaman dijangka akan dapat diselesaikan setelah projek bekalan air siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri. Kementerian Kewangan Malaysia juga akan mengambil langkah memotong geran tahunan dan memasukkan klausa tambahan dalam perjanjian baru antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan komitmen Kerajaan Negeri membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun

Pada tahun 2014, tiga Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.386 bilion iaitu meningkat sejumlah RM189.26 juta (15.8%) berbanding tahun 2013. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 23 tahun. Adalah didapati sejumlah RM1.052 bilion (75.9%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan adalah melibatkan tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Maklumat lanjut kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.23
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BADAN BERKANUN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

BADAN BERKANUN	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Perbadanan Aset Keretapi (PAK)	7	7	100.0	1,057.88	2.34	(8.00)	-	1,052.22	10 - 22
Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK)	3	2	66.7	116.69	199.17	TBB	-	315.86	1 - 2
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	6	5	83.3	21.89	2.05	(5.94)	-	18.00	7 - 23
Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah Malaysia	1	0	0	0.36	28.06	(28.42)	-	TT	-
Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	1	0	0	0.003	7.20	(7.20)	(0.003)	TT	-
JUMLAH	18	14	77.8	1,196.823	238.82	(49.56)	(0.003)	1,386.08	1 - 23

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit*

TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan sebahagian baki pinjaman Perbadanan Aset Keretapi (PAK) berjumlah RM651.06 juta telah dihapus kira manakala sebahagian lagi pinjaman akan distrukturkan semula.

d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan

Pada akhir tahun 2014, tunggakan bayaran balik pinjaman 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 41 pinjaman adalah berjumlah RM436.23 juta meningkat sejumlah RM7.89 juta (1.8%) berbanding tahun 2013. Tempoh tunggakan bayaran balik bagi ketiga-tiga PBT adalah antara

21 hingga 27 tahun. Adalah didapati sepanjang tahun 2014 hanya DBKL membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM8.65 juta manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.24
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	26	23	88.5	212.78	16.54	(8.65)	-	220.67	21 - 22
Majlis Perbandaran Seberang Perai	3	3	100.0	187.35	-	TBB	-	187.35	26 - 27
Majlis Perbandaran Pulau Pinang	12	12	100.0	28.21	-	TBB	-	28.21	21 - 22
JUMLAH	41	38	92.7	428.34	16.54	(8.65)	-	436.23	21 - 27

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit*
TBB - Tiada Bayaran Balik

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan dihapus kira setelah isu pewartaan tanah selesai.

e. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi

Semakan Audit mendapati 3 pelbagai agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM97.53 juta yang mana berkurangan sejumlah RM168.34 juta (63.3%) berbanding pada akhir tahun 2013 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara 2 hingga 14 tahun. Pengurangan yang ketara ini disebabkan hapus kira pinjaman tertunggak sehingga tahun 2014 bagi pinjaman Jabatan Penerbangan Awam. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.25
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PELBAGAI AGENSI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

PELBAGAI AGENSI	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Amanah Ikhtiar Malaysia	8	2	25.0	45.37	55.36	(10.00)	-	90.73	2
Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi	1	1	100.0	6.80	-	TBB	-	6.80	14
Jabatan Penerbangan Awam	1	0	0	213.70	38.12	(899.80)	647.98	TT	-
JUMLAH	10	3	30.0	265.87	93.48	(909.80)	647.98	97.53	2 - 14

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit*

TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia akan mengadakan mesyuarat dengan Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi untuk membincangkan penyelesaian bayaran balik pinjaman. Kementerian Kewangan Malaysia juga sedang mendapatkan pandangan Bahagian Undang-Undang berkaitan keperluan pindaan Surat Ikatan Amanah bagi Amanah Ikhtiar Malaysia sebelum penstrukturan semula pinjaman dilaksanakan.

f. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri

Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2013, dua pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri (PKN) Negeri Sembilan dan Perlis mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM56.13 juta dengan tempoh tunggakan 12 tahun. Pada tahun 2014, PKN Negeri Sembilan telah mendapat kelulusan hapus kira faedah berjumlah RM8.31 juta. Manakala bagi PKN Perlis, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman masih tiada perubahan. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.26
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Perlis	1	1	100.0	47.82	-	TBB	-	47.82	12
Negeri Sembilan	1	0	0	8.31	-	TBB	(8.31)	TT	-
JUMLAH	2	1	50.0	56.13	-	-	(8.31)	47.82	12

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit*

TBB - Tiada Bayaran Balik

TT - Tiada Tunggakan

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan penjadualan semula bagi pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis akan dibuat setelah penjualan aset selesai dilaksanakan.

g. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi

Pada akhir tahun 2014, kedua-dua koperasi tidak membuat bayaran balik pinjaman dan jumlah tunggakan kekal RM15.75 juta. Tempoh tunggakan adalah antara 18 hingga 34 tahun. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.27
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KOPERASI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

KOPERASI	PINJAMAN								
	BIL.	ADA TUNGGAKAN		TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2013 (RM Juta)	ANUITI TAHUN 2014 (RM Juta)	BAYARAN TAHUN 2014 (RM Juta)	PENJADUALAN SEMULA/ PELARASAN (RM Juta)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK 31.12.2014 (RM Juta)	TEMPOH* (Tahun)
		BIL.	(%)						
Koperasi Belia Nasional Berhad	9	9	100.0	9.69	-	TBB	-	9.69	28 - 34
Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad	1	1	100.0	6.06	-	TBB	-	6.06	18
JUMLAH	10	10	100.0	15.75	-	-	-	15.75	18 - 34

Nota: Bayaran Dan Penjadualan Semula/Pelaras Diambil Kira Bagi Tempoh Sehingga 31.12.2014

() - Tempoh tunggakan ansuran di Jadual Bayaran Balik hingga tahun penyata kewangan yang diaudit
TBB - Tiada Bayaran Balik*

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia akan mengeluarkan Notice of Demand kepada Koperasi Belia Nasional Berhad bagi menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman. Manakala, bayaran balik pinjaman oleh Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad akan dibuat setelah proses penjualan aset selesai dilaksanakan.

2.3. PELABURAN

2.3.1. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am

Pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelaburan kumpulan wang amanah dan pelaburan am. Pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang amanah adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 9 dan 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Manakala pelaburan am ialah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada kumpulan wang amanah. Pada akhir tahun 2014, secara keseluruhannya

nilai buku pelaburan telah berkurangan sejumlah RM0.618 bilion (2.6%) kepada RM23.415 bilion berbanding RM24.033 bilion pada akhir tahun 2013. Bagi pelaburan Kumpulan Wang Amanah, jumlah pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Luar Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2013 tetapi Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri dan Sekuriti Kerajaan Malaysia menunjukkan penurunan. Manakala bagi pelaburan am, Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri dan Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri menunjukkan penurunan apabila pelaburan dalam Sukuk Global dan *Money Market Operation* dikurangkan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.28
PELABURAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

PERIHAL	NILAI BUKU		PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
	31.12.2013 (RM Juta)	31.12.2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PELABURAN KUMPULAN WANG AMANAH				
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	7,514.28	7,364.29	(149.99)	(2.0)
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	4,133.35	5,007.13	873.78	21.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,024.71	1,951.81	(72.90)	(3.6)
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	0.11	440.11	440.00	(>100.0)
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	0.67	0.67	0.00	-
Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	13,673.12	14,764.01	1,090.89	8.0
PELABURAN AM				
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,203.98	6,142.95	(61.03)	(1.0)
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	4,153.78	2,506.04	(1,647.74)	(39.7)
Pelbagai	1.67	1.67	0.00	-
Jumlah Pelaburan Am	10,359.43	8,650.66	(1,708.77)	(16.5)
JUMLAH KESELURUHAN	24,032.55	23,414.67	(617.88)	(2.6)

2.3.2. Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi

2.3.2.1. Pada akhir tahun 2014, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 109 agensi yang terdiri daripada satu agensi antarabangsa, 6 Badan Berkanun Persekutuan dan 102 syarikat. Kerajaan Persekutuan memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM29.883 bilion pada akhir tahun 2014 berbanding dengan RM29.679 bilion pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sejumlah RM0.204 bilion (0.7%). Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.29
PEGANGAN SAHAM OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

KATEGORI	BILANGAN		NILAI BUKU SAHAM		PENINGKATAN	
	2013	2014	31.12.2013 (RM Juta)	31.12.2014 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Agensi Antarabangsa	1	1	38.58	38.58	-	-
Badan Berkanun Persekutuan	6	6	1,218.85	1,218.85	-	-
Syarikat	106	102	28,421.71	28,625.59	203.88	0.7
JUMLAH	113	109	29,679.14	29,883.02	203.88	0.7

2.3.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan telah melupuskan pegangan saham dengan nilai buku berjumlah RM30.50 juta di dalam syarikat Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd. apabila syarikat dibubarkan pada bulan Oktober 2014. Berikutan pembubaran ini, Kerajaan telah menerima bayaran berjumlah RM4.87 juta dan mengalami kerugian berjumlah RM25.63 juta.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tindakan pembubaran syarikat adalah merupakan langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan tanggungan kerugian berterusan serta pembaziran sumber.

2.4. PENGURUSAN KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN, KUMPULAN WANG AMANAH AWAM DAN DEPOSIT

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebahagian Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung. Peruntukan yang disalurkan dalam Kumpulan Wang Amanah ini perlu dikendalikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang ataupun Surat Ikatan Amanah yang berkaitan. Kumpulan Wang Amanah Awam pula ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan sumbangan wang daripada badan dan orang perseorangan kepada Kerajaan bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang berkenaan. Manakala deposit pula merupakan wang yang diterima oleh Kerajaan khusus bagi sesuatu maksud yang ditetapkan di bawah undang-undang atau perjanjian. Deposit hendaklah dikembalikan melalui bayaran balik atau pelarasan apabila mencapai maksud yang ditetapkan.

2.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikategorikan kepada 3 Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Baki ketiga-tiga Kumpulan Wang pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.30
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Kumpulan Wang Pembangunan	(40,535.07)	(53,911.94)	(13,376.87)	(33.0)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,324.94	1,239.54	(85.40)	(6.4)
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	29,605.22	23,282.34	(6,322.88)	(21.4)
JUMLAH	(9,604.91)	(29,390.06)	(19,785.15)	(>100.0)

2.4.1.1. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan untuk memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan adalah berjumlah RM1.240 bilion berbanding dengan baki tahun 2013 yang berjumlah RM1.325 bilion. Pengauditan yang dijalankan mendapati perkara berikut:


a. Pinjaman Perumahan Yang Belum Selesai

Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 1,097,086 pinjaman perumahan telah dikeluarkan di mana baki pinjaman perumahan yang belum selesai adalah berjumlah RM65.774 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 469,077 pinjaman dengan baki RM21.818 bilion telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui penssekuritan. Dengan itu pada akhir tahun 2014, Bahagian Pinjaman Perumahan mempunyai 628,009 akaun pinjaman dengan baki pinjaman belum selesai berjumlah RM43.956 bilion. Kedudukan baki pinjaman perumahan belum selesai bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 2.31
BAKI PINJAMAN PERUMAHAN BELUM SELESAI
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014

TAHUN	PINJAMAN			BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI		
	BIL. AKAUN	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		JUMLAH (RM Juta)	PENINGKATAN/(PENURUNAN)	
		Bil.	(%)		(RM Juta)	(%)
2010	508,874	-	-	26,007.23	-	-
2011	545,711	36,837	7.2	31,207.87	5,200.64	20.0
2012	584,793	39,082	7.2	36,430.60	5,222.73	16.7
2013	585,801	1,008	0.2	36,317.68	(112.92)	(0.3)
2014	628,009	42,208	7.2	43,956.16	7,638.48	21.0

CARTA 2.16
PINJAMAN PERUMAHAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014



Nota: BPP - Bahagian Pinjaman Perumahan

b. Akaun Pinjaman Berbaki Kredit

Akaun pinjaman perumahan berbaki kredit memberi gambaran seolah-olah Kerajaan berhutang dengan peminjam. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2014, terdapat 50,152 akaun pinjaman perumahan berbaki kredit dengan baki kena faedah pinjaman antara RM0.01 hingga melebihi RM100,000. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.32
AKAUN PINJAMAN BERBAKI KREDIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

BAKI KREDIT [BAKI KENA FAEDAH] (RM)	BILANGAN FAIL	JUMLAH BAKI KREDIT (RM Juta)
100,000.00 hingga 500,000.00	68	10.90
50,000.00 hingga 99,999.99	170	11.19
10,000.00 hingga 49,999.99	1,476	28.31
1,000.00 hingga 9,999.99	22,422	69.82
100.00 hingga 999.99	12,837	5.99
50.00 hingga 99.99	1,528	0.11
0.00 hingga 49.99	11,651	0.07
JUMLAH	50,152	126.39

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan isu berbaki kredit ini berlaku disebabkan waris peminjam masih belum mengemukakan Surat Tadbir Harta bagi kes kematian atau masih tertakluk kepada kes-kes perundangan dan menyebabkan Bahagian Pinjaman Perumahan tidak dapat membuat bayaran baki kredit berkenaan. Bahagian Pinjaman Perumahan sedang berusaha untuk mengemaskini rekod pinjaman berbaki kredit melalui aktiviti Data Cleansing secara berterusan. Cadangan Data Cleansing secara menyeluruh akan dijalankan

secara out sourcing selepas Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) beroperasi mulai 1 Oktober 2015.

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan

- i. Bayaran balik pinjaman perumahan tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM937.64 juta melibatkan 44,155 akaun pinjaman. Tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM42.36 juta (4.7%) dan bilangan akaun yang mempunyai tunggakan meningkat sebanyak 137 akaun (0.3%) berbanding dengan tahun 2013. **Jadual 2.33** menunjukkan kedudukan jumlah dan bilangan akaun pinjaman yang mempunyai tunggakan pada akhir tahun 2010 hingga 2014. Manakala **Jadual 2.34** menunjukkan jumlah dan bilangan akaun pinjaman yang mempunyai tunggakan mengikut kategori perkhidmatan pada akhir tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013.

JADUAL 2.33
AKAUN PINJAMAN PERUMAHAN TERTUNGGAK
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2010 HINGGA 2014

PADA AKHIR TAHUN	BILANGAN PEMINJAM			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK		
	BILANGAN PADA 31 DISEMBER	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
		BILANGAN	(%)		(RM Juta)	(%)
2010	42,966	-	-	721.45	-	-
2011	44,589	1,623	3.8	779.78	58.33	8.1
2012	50,291	5,702	12.8	850.40	70.62	9.1
2013	44,018	(6,273)	(12.5)	895.28	44.88	5.3
2014	44,155	137	0.3	937.64	42.36	4.7

JADUAL 2.34
AKAUN PINJAMAN PERUMAHAN TERTUNGGAK
MENGIKUT KATEGORI PERKHIDMATAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014 BERBANDING 2013

KATEGORI PERKHIDMATAN	BIL. AKAUN PINJAMAN		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		JUMLAH TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN (RM Juta)		JUMLAH PENINGKATAN	
	2013	2014	Bil.	(%)	2013	2014	(RM Juta)	(%)
Anggota Tentera	18,224	17,958	(266)	(1.5)	341.15	368.13	26.98	7.9
Anggota Polis	2,740	2,796	56	2.0	53.04	53.57	0.53	1.0
Lain-lain Kakitangan Kerajaan	23,054	23,401	347	1.5	501.09	515.94	14.85	3.0
JUMLAH	44,018	44,155	137	0.3	895.28	937.64	42.36	4.7

- ii. Mengikut rekod Bahagian Pinjaman Perumahan, tuntutan sekali gus, tindakan guaman serta arahan potongan gaji/pencen telah diambil terhadap 34,838 peminjam dengan amaun tunggakan berjumlah RM859.77 juta. Bagaimanapun, tiada status tindakan direkodkan bagi 9,317 pinjaman dengan amaun tunggakan berjumlah RM77.87 juta.

Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Dan Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Antara 21 Mei 2015 Hingga 19 Jun 2015

Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan pinjaman sentiasa berlaku disebabkan oleh potongan gaji terhenti kerana peminjam berpindah tempat bertugas, peminjam tidak memaklumkan persaraan, tentera bersara tanpa pencen dan juga meninggalkan perkhidmatan. Tindakan mengesan peminjam yang mempunyai tunggakan mengambil masa yang lama kerana memerlukan pihak ketiga untuk membantu seperti Kementerian/Jabatan akhir peminjam, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya. Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB) telah mula digunakan mulai Mac 2015 untuk mengesan akaun pinjaman tertunggak melalui modul Kawalan Kredit.

d. Penssekuritan

- i. Sebanyak 469,077 akaun pinjaman perumahan telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui 18 terbitan penssekuritan dengan nilai jualan RM34.338 bilion. Terimaan bagi kesemua terbitan tersebut adalah RM27.441 bilion selepas ditolak diskaun berjumlah RM6.897 bilion. Sehingga 31 Disember 2014, Bahagian Pinjaman Perumahan telah membayar balik ansuran pokok dan faedah berjumlah RM18.404 bilion bagi 18 terbitan penssekuritan tersebut kepada Cagamas MBS Berhad. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.35
BAYARAN BALIK PENSEKURITAN PINJAMAN PERUMAHAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

TERBITAN	HARGA JUALAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)			BAKI POKOK MENGIKUT TERBITAN (RM Juta)
		Pokok	Faedah	Jumlah	
1	1,937.00	1,644.08	406.61	2,050.69	292.92
2	2,844.50	1,313.13	843.55	2,156.68	1,531.37
3	2,898.73	1,343.23	835.64	2,178.87	1,555.50
4	2,538.18	894.38	647.41	1,541.79	1,643.80
5	3,015.97	1,502.51	679.94	2,182.45	1,513.46
6	3,064.73	1,202.61	710.06	1,912.67	1,862.12
7	2,605.47	813.59	565.98	1,379.57	1,791.88
8	706.70	229.33	153.15	382.48	477.37
9	2,297.80	1,120.50	439.39	1,559.89	1,177.30
10	283.64	93.67	62.32	155.99	189.97
11	1,452.09	461.56	282.74	744.30	990.53
12	1,186.32	272.75	247.62	520.37	913.57
13	830.22	195.88	158.62	354.50	634.34
14	639.48	132.41	124.32	256.73	507.07
15	692.38	170.27	124.35	294.62	522.11
16	617.02	121.12	114.47	235.59	495.90
17	4,269.66	126.03	167.07	293.10	4,143.63
18	2,458.10	107.43	96.15	203.58	2,350.67
JUMLAH	34,337.99	11,744.48	6,659.39	18,403.87	22,593.51

Sumber: Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia

- ii. Diskaun pensekuritian berjumlah RM6.897 bilion dihapus kira melalui peruntukan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Sehingga akhir tahun 2014, peruntukan berjumlah RM2.691 bilion telah diterima oleh Bahagian Pinjaman Perumahan dan hapus kira diskaun pensekuritian yang telah dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.36
HAPUS KIRA DISKAUN PENSEKURITIAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

TERBITAN	JUMLAH DISKAUN PENSEKURITIAN (RM Juta)	JUMLAH DIHAPUS KIRA (RM Juta)	BAKI BELUM DIHAPUS KIRA (RM Juta)
1	406.30	406.30	-
2	810.15	508.59	301.56
3	863.16	392.02	471.14
4	443.47	169.99	273.48
5	628.51	233.07	395.44
6	535.27	194.04	341.23
7	595.94	191.20	404.74
8	161.22	51.73	109.49
9	478.50	149.53	328.97
10	64.10	20.03	44.07
11	300.51	87.65	212.86
12	269.50	78.61	190.89
13	186.77	51.36	135.41
14	149.28	41.05	108.23
15	141.28	36.50	104.78
16	134.44	34.73	99.71
17	470.26	29.39	440.87
18	258.40	15.07	243.33
JUMLAH	6,897.06	2,690.86	4,206.20

2.4.1.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pada akhir tahun 2014, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah berjumlah RM23.282 bilion, iaitu berkurangan sejumlah RM6.323 bilion (21.4%) berbanding dengan tahun 2013. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2013 dan 2014 mengikut 5 kategori akaun utama adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.37
PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

KATEGORI AKAUN UTAMA	BAKI PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	9,810.38	2,156.82	(7,653.56)	(78.0)
Akaun Perniagaan	82.51	77.67	(4.84)	(5.9)
Akaun Pinjaman	7,133.89	7,763.64	629.75	8.8
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,207.80	1,255.62	47.82	4.0
Pelbagai Kumpulan Wang	11,370.64	12,028.58	657.94	5.8
JUMLAH	29,605.22	23,282.33	(6,322.89)	(21.4)

Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut:

a. Akaun Pinjaman - Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam

Kerajaan telah mewujudkan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Pembiayaan Komputer bagi memberi kemudahan kepada anggota perkhidmatan awam untuk membeli kenderaan dan komputer. Pada akhir tahun 2014, baki Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan adalah berjumlah RM666.41 juta manakala Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam berbaki RM93.15 juta. Semakan Audit terhadap akaun/rekod subsidiari bagi kedua-dua akaun mendapati perkara berikut:


i. Akaun Pinjaman Berbaki Kredit

Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2014, sebanyak 453 akaun pinjaman kenderaan berbaki kredit berjumlah RM0.55 juta dan sebanyak 940 akaun pembiayaan komputer berbaki kredit berjumlah RM0.28 juta. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi kedua-dua akaun menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada 11,141 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 453 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer juga menunjukkan penurunan daripada 5,981 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 940 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014. Kedudukan akaun pinjaman berbaki kredit bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti jadual dan carta berikut:

JADUAL 2.38
AKAUN PINJAMAN KENDERAAN DAN PEMBIAYAAN KOMPUTER
BERBAKI KREDIT PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2014

TAHUN	KENDERAAN				KOMPUTER			
	BIL. AKAUN PINJAMAN	BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)		BIL. AKAUN PINJAMAN	BAKI AKHIR KREDIT (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			Bil.	(RM Juta)			Bil.	(RM Juta)
2011	11,141	18.99	-	-	5,981	7.53	-	-
2012	8,545	13.53	(2,596)	(5.46)	3,188	15.37	(2,793)	7.84
2013	3,426	6.99	(5,119)	(6.54)	1,693	0.62	(1,495)	(14.75)
2014	453	0.55	(2,973)	(6.44)	940	0.28	(753)	(0.34)

CARTA 2.17
AKAUN PINJAMAN BERBAKI KREDIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2011 HINGGA 2014



ii. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Bayaran balik pinjaman kenderaan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM2.81 juta yang melibatkan 1,054 akaun pinjaman. Manakala bayaran balik pembiayaan komputer yang tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM1.18 juta melibatkan 921 akaun pinjaman. Butiran lanjut seperti jadual berikut:

JADUAL 2.39
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

TEMPOH TUNGGAKAN (Bulan)	KENDERAAN		KOMPUTER	
	BIL. AKAUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)	BIL. AKAUN PINJAMAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM Juta)
1 hingga 10	1,017	2.64	124	0.11
11 hingga 20	29	0.14	125	0.18
Melebihi 20	8	0.03	672	0.89
JUMLAH	1,054	2.81	921	1.18

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 30 April 2015 Hingga 8 Jun 2015

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan untuk menyelesaikan kes akaun berbaki kredit dan akaun yang mempunyai tunggakan. Antara tindakan yang diambil adalah mengeluarkan notis tuntutan, membuat potongan gaji dan merujuk kes kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian. Sehingga 30 April 2015, akaun pinjaman berbaki kredit telah berjaya dikurangkan kepada 86 akaun bagi pinjaman kenderaan dan 299 akaun bagi pembiayaan komputer. Selain itu, JANM sedang berusaha melengkapkan dan mengemas kini akaun pinjaman untuk memastikan maklumat lengkap dapat dipindahkan ke Sistem 1GFMS bagi tujuan pelaksanaan perakaunan akruan.

b. Akaun Pinjaman - Pendahuluan Diri/Pelbagai

- i. Pendahuluan diri adalah merupakan pendahuluan yang diluluskan kepada penjawat awam bagi pelbagai bayaran seperti bayaran sewa hotel dan elaun makan semasa menjalankan tugas rasmi di luar pejabat, pendahuluan sewaan rumah di luar negara, bayaran balik emolumen dan sebagainya. Manakala pendahuluan pelbagai adalah sejumlah wang yang diberikan kepada ketua jabatan atau pegawai yang diberi kuasa yang memerlukan wang tunai untuk membiayai perbelanjaan program/aktiviti yang diluluskan. Pendahuluan diri dan pelbagai perlu dibayar balik/diselaraskan dalam tempoh tertentu. Baki pendahuluan diri dan pelbagai yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM88.44 juta dan RM1.58 juta masing-masingnya. Semakan Audit mendapati sebahagian daripada baki pendahuluan diri/pelbagai yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2014 merupakan baki pendahuluan diri/pelbagai yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.40
BAKI PENDAHULUAN DIRI DAN PELBAGAI TAHUN SEBELUMNYA
YANG MASIH BELUM DISELARASKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

AKAUN PENDAHULUAN	JUMLAH BELUM DISELARASKAN (RM Juta)
PENDAHULUAN DIRI	
Pengangkutan Dan Perbelanjaan Sara Hidup Dalam Malaysia	0.11
Pengangkutan Dan Perbelanjaan Sara Hidup Luar Negeri	1.45
PENDAHULUAN PELBAGAI	
Istana Negara	0.12
Kementerian Luar Negeri	0.08

- ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati 14 akaun pendahuluan diri melibatkan pelbagai Kementerian/Jabatan berbaki kredit. Butirannya seperti jadual berikut:

JADUAL 2.41
AKAUN PENDAHULUAN DIRI BERBAKI KREDIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

AKAUN PENDAHULUAN DIRI	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN/NEGERI	BAKI KREDIT (RM Juta)
Bayaran Terlebih Emolumen	17	7.63
Pendahuluan Sewa Rumah Di Luar Negeri	1	1.37
Pengangkutan Orang Dan Perbelanjaan Sara Hidup Luar Negeri	11	1.06
Pengangkutan Orang Dan Perbelanjaan Sara Hidup Dalam Negeri	14	0.52
Deposit Sewa Luar Negeri	1	0.42
Jumlah Kecil		11.00
9 Akaun Pendahuluan Diri Lain	21	0.19
JUMLAH KESELURUHAN		11.19

Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 17 April 2015 Hingga 8 Jun 2015

JANM sedang bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan untuk mengemas kini rekod akaun subsidiari bagi pendahuluan diri/pelbagai. Tindakan menyemak, mengesah dan mengenal pasti rekod transaksi sedang/telah dilaksanakan. Kementerian/Jabatan juga memaklumkan bahawa tindakan telah/sedang diambil untuk menyelesaikan isu mengenai akaun pendahuluan diri berbaki kredit.

2.4.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Akaun Amanah Khas Dan Akaun Amanah Am. Pada akhir tahun 2014, baki kumpulan wang telah berkurangan sejumlah RM2.127 bilion berbanding dengan tahun 2013. Pengurangan baki ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh penurunan baki Akaun Amanah Am antaranya Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) yang berkurangan sejumlah RM2.138 bilion dan Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PF I) berjumlah RM288.56 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2013 dan 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.42
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014

KATEGORI AKAUN	BAKI PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Amanah Khas				
Kumpulan Wang Dius Api	275.68	307.30	31.62	11.5
Faedah Atas Pelaburan Untuk Deposit Mahkamah	225.79	227.96	2.17	1.0
Pelbagai Amanah Khas	145.37	140.67	(4.7)	(3.2)
Jumlah Amanah Khas	646.84	675.93	29.09	4.5
Amanah Am				
Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PF I)	1,958.57	1,670.01	(288.56)	(14.7)
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)	5,097.19	2,958.97	(2,138.22)	(41.9)
Akaun Amanah Dana Khas	716.58	890.85	174.27	24.3
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	471.90	486.45	14.55	3.1
Akaun Amanah Membangun/Menaik taraf Sistem Pemetungan Untuk Pembangunan Baru	526.94	480.91	(46.03)	(8.7)
Pelbagai Amanah Am	1,288.75	1,416.39	127.64	9.9
Jumlah Amanah Am	10,059.93	7,903.58	(2,156.35)	(21.4)
JUMLAH KESELURUHAN	10,706.77	8,579.51	(2,127.26)	(19.9)

2.4.2.1. Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)

Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) telah ditubuhkan pada 23 Disember 2011. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM10 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Sejumlah RM8.322 bilion (83.2%) daripada RM10 bilion tersebut telah diperuntukkan kepada 16 Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan 340 projek dan sehingga 31 Disember 2014 sejumlah RM7.143 bilion telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati Surat Kuasa Berbelanja telah dikeluarkan kepada 2 Kementerian bagi membiayai 2 projek. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2014 projek tersebut masih belum dilaksanakan. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.43
PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

KEMENTERIAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN* (RM Juta)	TAHUN JANGKA MULA PROJEK
Kementerian Dalam Negeri	1	1.10	2012
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1	57.80	2013
JUMLAH	2	58.90	2012 - 2013

Nota: () - Peruntukan Diluluskan Mengikut Surat Kuasa Berbelanja*

Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 5 Jun 2015

Kementerian Dalam Negeri memaklumkan peruntukan tidak dibelanjakan kerana projek masih tidak dapat dilaksanakan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pula memaklumkan projek masih dalam peringkat perolehan.

2.4.3. Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima untuk maksud tertentu seperti Wang Jaminan Pelaksanaan dan Deposit Mahkamah Tinggi. Pada akhir tahun 2014, Deposit Am yang dipegang oleh Kerajaan adalah berjumlah RM9.971 bilion iaitu meningkat sejumlah RM0.505 bilion (5.3%) berbanding akhir tahun 2013 yang berjumlah RM9.466 bilion. Manakala Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diwujudkan sebelum bayaran atau pelarasan dibuat kepada akaun tertentu seperti Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatil, Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT) dan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan. Secara keseluruhannya baki Akaun Deposit Pelarasan menunjukkan pengurangan daripada RM272.26 juta pada akhir tahun 2013 kepada RM226.10 juta pada akhir tahun 2014. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.44
AKAUN DEPOSIT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2013 DAN 2014


KATEGORI DEPOSIT	BAKI PADA 31.12.2013 (RM Juta)	BAKI PADA 31.12.2014 (RM Juta)	PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	9,465.98	9,970.55	504.57	5.3
Deposit Pelarasan	272.26	226.10	(46.16)	(16.9)
JUMLAH	9,738.24	10,196.65	458.41	4.7

Semakan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

2.4.3.1. Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal Dan Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT)

- a. Cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan ke Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal. Manakala, pemindahan wang secara elektronik yang dikembalikan oleh bank disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan dengan mengkreditkan Akaun Pembatalan Bayaran EFT. Pada akhir tahun 2014, baki Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal adalah berjumlah RM35.65 juta iaitu penurunan sejumlah RM463.30 juta (92.8%) berbanding dengan akhir tahun 2009. Manakala, Akaun Pembatalan Bayaran EFT menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 hingga 2011 dan telah berkurangan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, pada akhir tahun 2014, baki Akaun Pembatalan Bayaran EFT meningkat kepada RM123.79 juta. **Carta 2.18** menunjukkan baki Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal Dan Akaun Pembatalan Bayaran EFT pada akhir tahun 2014 dan 5 tahun sebelumnya.

CARTA 2.18
BAKI AKAUN DEPOSIT PELARASAN CEK TERBATAL
DAN AKAUN PEMBATALAN BAYARAN EFT
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2009 HINGGA 2014



- b. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada akhir tahun 2014, sebanyak 308 cek terbatal berjumlah RM0.39 juta dan 49 EFT terbatal berjumlah RM0.02 juta melibatkan sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman perumahan masih belum diganti. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.45
CEK/EFT TERBATAL MELIBATKAN SUMBANGAN BERKANUN DAN
BAYARAN BALIK PINJAMAN PERUMAHAN YANG BELUM DIGANTI
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2014

AGENSI	JUMLAH (RM Juta)		
	CEK TERBATAL	EFT TERBATAL	JUMLAH KESELURUHAN
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	0.200	0.011	0.211
ANGKASA	0.060	-	0.060
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	0.110	0.006	0.116
Lembaga Tabung Haji (LTH)	0.005	-	0.005
Bahagian Pinjaman Perumahan (BPP)	0.015	0.002	0.017
JUMLAH	0.390	0.019	0.409

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 8 Jun 2015

Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan tindakan telah diambil oleh Pejabat Perakaunan dengan mengemukakan surat arahan penggantian bayaran kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan memastikan pembayaran berkaitan sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman dilaksanakan melalui potongan gaji.

2.4.3.2. Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan

Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2014, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berbaki RM24.41 juta iaitu berkurangan sejumlah RM58.99 juta berbanding dengan akhir tahun 2013 yang berjumlah RM83.40 juta apabila sebahagian terimaan tersebut telah dipelaraskan kepada akaun hasil. Transaksi yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2014 melibatkan 14 Kementerian/Jabatan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.46
TRANSAKSI YANG BELUM DISELARASKAN
PADA 31 DISEMBER 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	PERIHAL TRANSAKSI	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	Penyelenggaraan di bawah Skim Pinjaman Perumahan	0.42
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	Tabung Bencana Negara/Simfoni Tani/MAHA	3.49
Kementerian Kewangan Malaysia	Terimaan Deposit untuk Mahkamah Seremban	6.88
	Lain-lain terimaan	0.38

KEMENTERIAN/JABATAN	PERIHAL TRANSAKSI	JUMLAH (RM Juta)
Kementerian Kerja Raya	Jaminan Bank bagi Wang Pendahuluan Kontraktor	9.90
Pelbagai Kementerian/Jabatan	Pelbagai terimaan	3.34
JUMLAH		24.41

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mei 2015

Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan sebahagian amaun Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan tidak dapat dikosongkan antaranya disebabkan pindaan kepada Surat Ikatan Amanah belum dimuktamadkan, tempoh pegangan tidak diketahui, tiada maklumat nombor kes dan projek masih dalam pelaksanaan.

2.4.3.3. Mewartakan Deposit Yang Tidak Dituntut

Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada Akaun Hasil Disatukan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM107.73 juta deposit bagi tempoh 1986 hingga 2010 yang melibatkan 16 Kementerian/Jabatan/Negeri masih belum dituntut. Sekiranya tempoh pegangan deposit tersebut telah tamat, tindakan pewartaan perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Negeri yang terlibat. Contoh deposit yang telah lama dipegang tetapi tidak diwartakan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 2.47
CONTOH DEPOSIT YANG TIDAK DIWARTAKAN
KEDUDUKAN PADA AKHIR TAHUN 2014

NAMA AKAUN DEPOSIT	BIL. KEMENTERIAN/JABATAN/NEGERI TERLIBAT	TEMPOH PEGANGAN	JUMLAH (RM Juta)
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	10	1996 - 2010	97.83
Deposit <i>Liquidated And Ascertained Damages</i>	1	2001 - 2007	6.38
Deposit Am	4	1986 - 2007	2.41
Deposit Cagaran	5	1998 - 2010	0.99
Deposit Tender	2	1999 - 2010	0.01
Deposit Lelong Harta Kerajaan	2	2005 - 2008	0.04
Deposit Kantin	5	1997 - 2010	0.06
Lain-lain Deposit	2	2004 - 2008	0.01
JUMLAH		1986 - 2010	107.73

Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mei 2015 Hingga 8 Jun 2015

Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan Kementerian/Jabatan sedang/telah melakukan semakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut. Bagaimanapun, terdapat kes deposit yang masih belum boleh diwartakan kerana masih menunggu keputusan mahkamah, kes dalam siasatan, akaun muktamad belum siap dan tempoh tanggungan kecacatan masih belum tamat. Manakala, bagi kes yang telah diwartakan, tindakan akan diambil untuk menyelaraskannya ke Akaun Hasil Disatukan.

2.5. SYOR AUDIT

2.5.1 Secara keseluruhannya telah ada peningkatan dalam prestasi pengurusan kewangan Kerajaan, hasil tindakan penambahbaikan yang dijalankan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian/Jabatan. Beberapa isu yang dibangkitkan sebelum ini seperti cek/EFT terbatal yang belum diselaraskan serta urus niaga Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah yang tidak dikenal pasti dan lama berlarutan telah berjaya dikurangkan. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian yang serius terutama berkaitan pengurusan peruntukan dan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta pengurusan akaun deposit, akaun pinjaman kenderaan, komputer, perumahan dan akaun pendahuluan yang lain.

2.5.2 Adalah disyorkan setiap Kementerian/Jabatan perlu meminimumkan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) serta mengelakkan dari berlakunya pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59. Bagi meningkatkan hasil Kerajaan, setiap Kementerian/Jabatan perlu meningkatkan usaha mengutip balik tunggakan hasil. Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, maju dan berdaya saing, setiap Kementerian/Jabatan perlu berusaha mencapai prestasi pengurusan kewangan yang cemerlang. Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah terus mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan masing-masing dengan mengambil langkah yang lebih proaktif, konsisten, berkesan dan menyeluruh. Penyediaan panduan kerja yang jelas, pemahaman mengenai piawaian perakaunan dan peraturan-peraturan kewangan yang berkaitan serta penyeliaan rapi terhadap tugas pegawai akan mewujudkan amalan dan budaya kerja yang berkualiti. Selain itu, latihan dan motivasi yang berterusan perlu diberi kepada pegawai bagi melahirkan individu yang mahir, cekap dan berintegriti dalam menerajui agenda transformasi negara.

PENGURUSAN KEWANGAN DI KEMENTERIAN/ JABATAN PERSEKUTUAN

3. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Seksyen 15(A) Akta Tatacara Kewangan, 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

3.1.2. Bagi memenuhi kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen. Sehubungan dengan itu, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan sistem penarafan berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AI) mulai tahun 2007 di Kementerian/Jabatan Persekutuan bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Pengauditan ini dijalankan secara tahunan di semua Kementerian serta 4 Jabatan pemungut hasil utama iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Mulai tahun 2013, pengauditan secara tahunan juga dijalankan di 14 Jabatan-jabatan Persekutuan yang mana Ketua Jabatannya dikategorikan sebagai Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam *Tier 1* oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manakala Jabatan-jabatan Persekutuan yang lainnya diaudit secara pusingan setiap 3 tahun.

3.1.3. Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi 8 aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut ialah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Kementerian/Jabatan Persekutuan yang mendapat tahap penarafan yang cemerlang boleh dijadikan sebagai tanda aras (role model) kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan yang lain. Secara umumnya, penarafan sesebuah Kementerian/Jabatan Persekutuan akan diberi berdasarkan markah keseluruhan seperti di jadual berikut:

JADUAL 3.1
PEMARKAHAN TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

MARKAH KESELURUHAN	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang (Sangat Baik)	
70 hingga < 90	Baik	
50 hingga < 70	Memuaskan	
kurang 50	Tidak Memuaskan	

Sumber : Jabatan Audit Negara

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 3.2.1. wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 3.2.2. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, pengurusan amanah/deposit, aset dan stor serta pengurusan kenderaan;
- 3.2.3. pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 3.2.4. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.3. SKOP PENGAUDITAN

Bagi tahun kewangan 2014, pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) telah dijalankan di kesemua 24 Kementerian serta 51 Jabatan Persekutuan. Semakan Audit merangkumi 8 elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Transaksi yang disemak meliputi tempoh bulan Januari hingga Disember 2014.

3.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di peringkat Ibu Pejabat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi dan memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 untuk menilai kedudukan prestasi kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan secara menyeluruh.

3.5. KAWALAN UTAMA

Pelaksanaan sistem penarafan bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap pengurusan kewangan mengikut 8 jenis kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Pengurusan Perolehan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

3.5.1. KAWALAN PENGURUSAN

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan diwujudkan oleh Kementerian/Jabatan Persekutuan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, jawatankuasa-jawatankuasa dan Unit Audit Dalam yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia. Butiran lanjut bagi setiap aspek kawalan adalah seperti berikut:

3.5.1.1. Struktur Organisasi

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Surat penurunan kuasa dan surat lantikan disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab juga perlu dinyatakan dengan jelas.

3.5.1.2. Sistem Dan Prosedur

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur diwujudkan, Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Proses Kerja Kewangan disediakan dengan lengkap dan dikemas kini apabila berlaku sebarang perubahan.
- b. Senarai tugas bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- c. Senarai tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu dikemaskinikan.
- d. Pemeriksaan Dalaman dilaksanakan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam. Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain yang diguna untuk menyimpan wang, setem atau barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.

3.5.1.3. Jawatankuasa-Jawatankuasa Dan Unit Audit Dalam

Kerajaan telah menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan yang perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui satu Pekeliling Perbendaharaan (1PP), arahan serta garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan jawatankuasa yang diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan “Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan”. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

- a. **Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)** ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun agensi Kerajaan. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa dilantik; bermesyuarat setiap 3 bulan; membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- b. **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK)** perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dilaksanakan. JTPK juga adalah bertanggungjawab menangani isu/masalah mengenai dasar dan strategi pelaksanaan program/projek pembangunan di bawah Dasar Wawasan Negara. Sehubungan ini, Ketua Setiausaha Kementerian adalah bertanggungjawab melantik ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sebulan sekali atau seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi serta membincangkan perkara yang telah ditetapkan.
- c. **Jawatankuasa Audit** perlu ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan untuk memantap dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Pengerusi dan ahli hendaklah dilantik mengikut surat arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Jawatankuasa ini perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun dan laporan berkaitan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di peringkat Kementerian/Jabatan Persekutuan serta Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan.
- d. **Unit Audit Dalam (UAD)** ditubuhkan di Kementerian/Jabatan untuk membantu Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan memantapkan prestasi pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan

Tahunan Audit Dalam untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam hendaklah dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia mengikut tempoh yang ditetapkan. Manakala tanggungjawab Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan. Fungsi UAD juga telah berubah selaras dengan Arahan Kabinet untuk Memperkasa Peranan UAD. Ketua UAD boleh berbincang dengan Menteri mengenai isu-isu Audit tanpa kehadiran Ketua Setiausaha Kementerian.

3.5.1.4. Pengurusan Sumber Manusia

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberi kepada mereka yang terlibat.

3.5.2. KAWALAN BAJET

Bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah menguruskan bajet dan peruntukannya dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 6 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan kerangka keberhasilan, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah peruntukan, unjuran anggaran keperluan aliran tunai, pelaporan dan analisis bajet seperti berikut:

3.5.2.1. Penyediaan Kerangka Keberhasilan

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Kementerian/Jabatan dikeluarkan melalui pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Selain itu, Arahan Perbendaharaan juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya ialah keperluan penyediaan justifikasi bagi setiap anggaran yang disediakan; ketepatan anggaran; prosedur kelulusan bajet serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Perbendaharaan Malaysia.

3.5.2.2. Pengagihan Peruntukan

Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang-pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan kemas kini dalam Buku Vot.

3.5.2.3. Kelulusan Pindah Peruntukan

Peraturan kewangan mengenai pindah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara Malaysia atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diuruskan dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia terlebih dahulu. Selain itu pindah peruntukan pembangunan hendaklah juga mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Antaranya ialah waran pindah peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal dan pindah peruntukan yang melebihi siling rancangan pembangunan 5 tahun adalah tidak dibenarkan.

3.5.2.4. Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai

Selaras dengan matlamat mewujudkan pengurusan keperluan aliran wang tunai negara yang cekap di samping memastikan pelaksanaan strategi bajet 2012 yang berkesan, Pegawai Pengawal perlu merancang perbelanjaan dengan baik dan mengelakkan pembayaran di bawah AP58(a) serta *bunching payment* pada penghujung tahun. Sehubungan itu, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan unjuran anggaran keperluan aliran tunai Kementerian/Jabatan disediakan dengan tepat dalam tempoh yang ditetapkan; dikemas kini setiap suku tahun dan disahkan oleh Pegawai Pengawal.

3.5.2.5. Pelaporan

Pegawai Pengawal dikehendaki mengemukakan Laporan Pengecualian bagi perbelanjaan yang tidak mencapai tahap varian bagi tahun sebelumnya yang disahkan olehnya kepada Perbendaharaan. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan-laporan berkenaan perlu dikemukakan kepada Pegawai Pengawal untuk disatukan.

3.5.2.6. Analisis Bajet

Bagi sesuatu tahun kewangan, Pegawai Pengawal perlu memastikan peruntukan (mengurus dan pembangunan) yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antara lainnya meliputi perbelanjaan tidak melebihi peruntukan; perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan dan peruntukan diterima telah dibelanjakan. Bagi peruntukan dan perbelanjaan pembangunan pula, perbandingan antara perbelanjaan dengan anggaran kos projek dan anggaran Rancangan Malaysia semasa juga adalah penting.

3.5.3. KAWALAN TERIMAAN

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, perakaunan terimaan/hasil dan Akaun Belum Terima. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

3.5.3.1. Kawalan Borang Hasil

Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan semua aspek kawalan terhadap pengurusan borang hasil adalah teratur, kemas kini dan disemak dari semasa ke semasa. Kawalan hendaklah diwujudkan bagi memastikan semua borang hasil direkodkan, diperiksa dan diperakui tentang ketepatan nombor siri, disimpan dengan selamat, dikawal dan digunakan secara sah selepas borang-borang hasil tersebut dikeluarkan dari stor.

3.5.3.2. Penerimaan Wang

Setiap Kementerian/Jabatan perlu memastikan pegawainya yang dipertanggungjawabkan dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan bagi penerimaan wang iaitu kebenaran/kelulusan menerima wang, keselamatan semasa menerima kutipan, penerimaan melalui mel, perakuan penerimaan wang dan perekodan borang hasil.

3.5.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank

Arahan Perbendaharaan telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai keperluan memasukkan wang ke bank dengan segera, meluluskan penyata pemungut dengan sewajarnya, menyelenggarakan rekod dengan teratur dan mematuhi proses pungutan secara *online* dengan sepenuhnya.

3.5.3.4. Perakaunan Terimaan/Hasil

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia; ketepatan Buku Tunai, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan tindakan yang diambil untuk menyelesaikan item tidak dikenal pasti dalam Penyata Penyesuaian Hasil.

3.5.3.5. Akaun Belum Terima

Dasar dan tatacara bagi menyelenggarakan Akaun Belum Terima (ABT) telah ditetapkan melalui Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan. Peraturan yang ditetapkan antaranya meliputi penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan Akaun Belum Terima yang lengkap dan kemas kini; penyerahan Laporan Akaun Belum Terima kepada Perbendaharaan dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

3.5.4. PENGURUSAN PEROLEHAN

Bagi menentukan sama ada pengurusan perolehan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perolehan iaitu kawalan am perolehan dan kaedah perolehan seperti berikut:

3.5.4.1. Kawalan Am Perolehan

Semakan Audit telah dibuat terhadap 3 aspek utama kawalan am perolehan iaitu perancangan perolehan, *Government Procurement Information System* (GPIS), dan ePerolehan. Perancangan Perolehan Tahunan perlu dikemukakan kepada Kementerian/Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan dan penyelia perlu dilantik bagi memantau pelaksanaan GPIS di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi. Semakan juga dijalankan bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan telah mengguna pakai ePerolehan dan mencapai 75% jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui ePerolehan.

3.5.4.2. Kaedah Perolehan

Semakan Audit telah dijalankan terhadap lapan (8) kaedah utama perolehan iaitu Pembelian Terus, Pengurusan Sebut Harga melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dan RM50,000 hingga RM500,000, Pengurusan Tender, Rundingan Terus, Pengurusan Kontrak, Perolehan Secara Kontrak Pusat dan Perolehan Secara Kontrak Pusat Sistem Panel. Semakan yang dijalankan adalah untuk memastikan pengurusan lapan (8) kaedah utama perolehan yang tersebut di atas mematuhi peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Selain itu, pelaksanaan *Integrity Pact* bagi kaedah perolehan sebut harga dan tender juga telah disemak.

3.5.5. KAWALAN PERBELANJAAN

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

3.5.5.1. Perakaunan

Semakan Audit dibuat untuk menentukan sejauh mana Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Kementerian/Jabatan mengikut peraturan yang ditetapkan di dalam Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

3.5.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman dari aspek had kuasa; penyelenggaraan Daftar Bil; proses bayaran; bayaran pukal; panjar wang runcit serta pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan 59.

3.5.6. PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT**3.5.6.1. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah**

Semakan Audit dijalankan terhadap pengendalian Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di Kementerian/Jabatan Persekutuan dari segi penyediaan dan penyerahan Penyata Tahunan untuk diaudit, kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun, tindakan susulan terhadap pemerhatian Audit mengenai akaun Amanah serta tindakan penutupan akaun.

3.5.6.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pendahuluan

Semakan Audit terhadap pengurusan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri/Pelbagai adalah berdasarkan Pekeliling dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan.

3.5.6.3. Pengurusan Akaun Deposit

Semakan dibuat terhadap pengurusan akaun deposit sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan.

3.5.7. PENGURUSAN ASET DAN STOR

Aset dan barangan stor yang diperolehi untuk kegunaan pejabat perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan itu, semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

3.5.7.1. Kawalan Umum

Bagi memastikan tahap kawalan umum Pengurusan Aset Dan Stor berada di tahap yang baik, semakan Audit dilakukan ke atas 3 elemen utama iaitu Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK), Unit Pengurusan Aset serta Pegawai Aset dan Stor. Antara perkara penting yang disemak adalah penubuhan JKPAK serta fungsinya dan kewujudan Unit Pengurusan Aset serta peranannya. Selain itu, semakan juga dijalankan terhadap pengurusan pelantikan pegawai aset dan pegawai stor.

3.5.7.2. Penerimaan

Seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset/bekalan pejabat/barang stor yang diperolehi. Antara lainnya, tanggungjawab Pegawai Penerima adalah untuk memastikan aset/bekalan pejabat/barang stor yang diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum mengesahkan penerimaannya. Selain itu, Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan dan Borang Laporan Terimaan Barang hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada ejen penghantaran atau syarikat pembekal sekiranya terdapat kerosakan atau perselisihan kuantiti.

3.5.7.3. Pendaftaran

Aset perlu didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini. Aset tersebut juga perlu dilabelkan dengan tanda Hak Kerajaan Malaysia dan nombor siri pendaftaran yang betul.

3.5.7.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Aset diguna hanya bagi tujuan rasmi dan mengikut tujuan asal perolehannya. Pengeluaran/penggunaan setiap aset direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset juga perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pegawai Pemeriksa Aset dan Pemverifikasi Stor dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset/stor dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun. Laporan pemeriksaan aset, stok dan stor yang lengkap perlu disediakan.

3.5.7.5. Penyenggaraan

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini; program penyenggaraan disediakan, penyenggaraan dilaksanakan seperti yang dirancang serta rekod mengenainya disimpan dengan betul dan lengkap.

3.5.7.6. Pelupusan

Bagi memastikan pelupusan aset dan stok diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa Aset dan Pemeriksa Stok dilantik dan Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang bersesuaian.
- b. Pihak Berkuasa Melulus memberi kelulusan pelupusan.
- c. kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan ia dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan (sehingga 2 Julai 2014) dan 6 bulan (mulai 3 Julai 2014) dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disedia dan dikemukakan kepada pihak yang meluluskannya. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan. Sekiranya pelanjutan tempoh masa pelupusan diperlukan, permohonan melanjutkan tempoh pelupusan perlu dikemukakan kepada Kuasa Melulus 2 minggu sebelum tamat tempoh pelupusan.

3.5.7.7. Kehilangan Dan Hapus Kira

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset dan stok diuruskan dengan teratur, setiap Kementerian/Jabatan Persekutuan hendaklah memastikan:

- a. kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyediakan Laporan Awal (Lampiran J atau KEW.PA-28) dan mengemukakannya bersama-sama dengan salinan Laporan Polis kepada Pegawai Pengawal dan Perbendaharaan (jika berkenaan) dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal juga perlu dikemukakan kepada Akauntan Negara Malaysia dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan daripada tarikh lantikan jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal.

- c. bagi stok pula, Laporan Hapus Kira Kekurangan Stok (KEW.PS-21) perlu disahkan oleh Ketua Jabatan dan diluluskan oleh Kuasa Melulus. Pihak Melulus Hapus Kira adalah Kuasa Melulus yang ditetapkan. Ringkasan Laporan Tahunan Kehilangan Dan Hapus Kira Stok (Lampiran xii) perlu dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 Mac tahun berikutnya.
- d. semua tindakan hapus kira aset/stok dibuat dengan teratur selepas kelulusan diperoleh.

3.5.8. PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

Kenderaan yang diperolehi untuk kegunaan Kementerian/Jabatan Persekutuan perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan serta disimpan selamat. Sehubungan itu, semakan Audit adalah untuk menilai tahap pematuhan Kementerian/Jabatan Persekutuan kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

3.5.8.1. Penggunaan Kenderaan

Bagi menentukan penggunaan kenderaan Kerajaan diurus dengan teratur, semakan Audit telah dijalankan terhadap perkara-perkara berikut:

a. Pegawai Kenderaan Dan Kawalan Kenderaan

Penggunaan kenderaan jabatan dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan/Kenderaan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan, menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan.

b. Kenderaan Rasmi Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA)

Pemantauan terhadap penggunaan minyak bagi kenderaan pegawai Gred JUSA dilaksanakan dengan teratur.

c. Kawalan Kad Inden

Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

d. Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) Dan SmartTag

Kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berkaitan dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

3.5.8.2. Penyenggaraan

Semakan Audit juga dijalankan terhadap Penyenggaraan Kenderaan Kerajaan selain Kereta Konsesi. Semakan ini adalah bagi menentukan sama ada peraturan mengenai penyenggaraan berjadual mengikut manual pengguna dipatuhi. Semakan juga dibuat bagi menentukan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW. PA-14).

3.6. PENEMUAN AUDIT

3.6.1. Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2014 menunjukkan penurunan berbanding 2 tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak **20 Kementerian mencapai tahap sangat baik berbanding 23 Kementerian pada tahun 2013 dan 22 Kementerian pada tahun 2012**. Namun jika dibanding dengan tahun 2010, bilangan Kementerian yang mencapai tahap prestasi sangat baik meningkat sebanyak 15.3%.


3.6.2. Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2014 pula menunjukkan peningkatan dari segi bilangan jabatan yang mendapat penarafan sangat baik berbanding tahun 2013 serta tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, **sebanyak 29 (56.9%) daripada 51 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding 21 (46.7%) daripada 45 Jabatan pada tahun 2013, 21 (53.8%) daripada 39 Jabatan pada tahun 2012**. Jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, bilangan jabatan yang diaudit pada tahun 2014 adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 51 jabatan.

3.6.3. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 secara keseluruhannya adalah seperti **Jadual 3.2** manakala pencapaian mengikut Kementerian dan Jabatan bagi tahun 2014 adalah seperti **Carta 3.1** dan **3.2**.


JADUAL 3.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN DAN JABATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014

TAHAP PENARAFAN	KEMENTERIAN					JABATAN				
	2010	2011	2012	2013	2014	2010	2011	2012	2013	2014
Sangat Baik	17	19	22	23	20	13	21	21	21	29
Baik	8	6	3	1	4	22	20	18	24	22
Memuaskan	-	-	-	-	-	-	1	-	-	-
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	25	25	25	24	24	35	42	39	45	51

CARTA 3.1
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014




CARTA 3.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN
BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014




3.6.4. Pencapaian tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 24 Kementerian dan 52 Jabatan yang dinilai pada tahun 2014 adalah seperti **Carta 3.3** dan **3.4**.

CARTA 3.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
KEMENTERIAN BAGI TAHUN 2014



CARTA 3.4
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN BAGI TAHUN 2014



3.6.5. Perbandingan prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan terhadap prestasi pengurusan kewangan. Bagaimanapun, jika perbandingan dibuat antara tahun 2013 dan 2014, didapati berlaku peningkatan prestasi bagi Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah dengan peningkatan markah antara 0.38% hingga 4.74% berbanding tahun 2013. Bagi tempoh yang sama, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi Dan Multimedia serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air mencatatkan penurunan prestasi yang ketara di mana berlaku penyusutan markah masing-masingnya sebanyak 7.58%, 4.91%, 4.42%, 4.34%, 4.27% dan 4.13% berbanding tahun 2013. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Kementerian bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 3.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2014

BIL.	KEMENTERIAN	2010		2011		2012		2013		2014	
		(%)	K	(%)	K	(%)	K	(%)	K	(%)	K
1	Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	93.53	8 / 25	97.72	1 / 25	95.83	7 / 25	96.10	6 / 24	97.77	1 / 24
2	Jabatan Perdana Menteri	91.55	12 / 25	96.47	3 / 25	93.94	12 / 25	98.61	1 / 24	97.36	2 / 24
3	Sumber Asli Dan Alam Sekitar	97.42	1 / 25	94.20	5 / 25	97.54	1 / 25	92.31	17 / 24	96.95	3 / 24
4	Kerja Raya	91.75	11 / 25	90.95	16 / 25	95.66	8 / 25	92.11	18 / 24	95.14	4 / 24
5	Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	-	-	-	-	-	-	96.26	5 / 24	94.53	5 / 24
6	Pertahanan	93.62	7 / 25	90.93	17 / 25	95.16	11 / 25	91.47	20 / 24	94.23	6 / 24
7	Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	85.58	23 / 25	92.27	10 / 25	93.89	14 / 25	93.55	15 / 24	93.93	7 / 24
8	Belia Dan Sukan	90.03	17 / 25	92.76	8 / 25	92.52	19 / 25	90.98	22 / 24	93.86	8 / 24
9	Sumber Manusia	91.97	10 / 25	87.51	21 / 25	92.78	17 / 25	96.99	3 / 24	93.42	9 / 24
10	Wilayah Persekutuan	-	-	-	-	-	-	94.83	10 / 24	93.17	10 / 24
11	Pendidikan	-	-	-	-	-	-	94.27	12 / 24	92.74	11 / 24
12	Sains, Teknologi Dan Inovasi	90.68	15 / 25	94.00	6 / 25	97.07	3 / 25	97.05	2 / 24	92.63	12 / 24
13	Kewangan	94.73	4 / 25	97.30	2 / 25	96.20	5 / 25	95.00	9 / 24	92.53	13 / 24
14	Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	85.43	25 / 25	90.64	18 / 25	97.28	2 / 25	95.42	8 / 24	92.35	14 / 24
15	Pelancongan Dan Kebudayaan	-	-	-	-	-	-	87.22	24 / 24	91.96	15 / 24
16	Dalam Negeri	87.00	20 / 25	93.29	7 / 25	90.69	22 / 25	96.36	4 / 24	91.45	16 / 24
17	Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	94.62	5 / 25	95.83	4 / 25	95.54	9 / 25	95.49	7 / 24	91.36	17 / 24
18	Pertanian Dan Industri Asas Tani	86.96	21 / 25	81.27	24 / 25	87.10	25 / 25	90.86	23 / 24	90.21	18 / 24
19	Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	87.41	19 / 25	91.16	15 / 25	95.95	6 / 25	93.80	14 / 24	90.15	19 / 24
20	Kesihatan	91.09	13 / 25	82.04	23 / 25	87.97	24 / 25	91.42	21 / 24	90.03	20 / 24
21	Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	95.17	3 / 25	90.00	19 / 25	93.91	13 / 25	93.83	13 / 24	89.49	21 / 24
22	Pengangkutan	85.45	24 / 24	91.37	13 / 25	92.60	18 / 25	91.54	19 / 24	88.59	22 / 24
23	Komunikasi Dan Multimedia	-	-	-	-	-	-	92.58	16 / 24	88.31	23 / 24
24	Luar Negeri	85.61	22 / 25	80.91	25 / 25	88.95	23 / 25	94.49	11 / 24	86.91	24 / 24
25	Penerangan, Kebudayaan Dan Komunikasi	90.17	16 / 25	91.32	14 / 25	95.19	10 / 25	-	-	-	-
26	Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar	91.03	14 / 25	83.56	22 / 25	91.82	20 / 25	-	-	-	-
27	Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	96.82	2 / 25	91.91	12 / 25	96.57	4 / 25	-	-	-	-

BIL.	KEMENTERIAN	2010		2011		2012		2013		2014	
		(%)	K	(%)	K	(%)	K	(%)	K	(%)	K
28	Pelancongan Malaysia	87.57	18 / 25	89.60	20 / 25	92.93	15 / 25	-	-	-	-
29	Pengajian Tinggi	92.89	9 / 25	92.34	11 / 25	92.91	16 / 25	-	-	-	-
30	Pelajaran Malaysia	93.79	6 / 25	92.59	9 / 25	91.54	21 / 25	-	-	-	-

Nota:

K - Kedudukan

Sangat Baik

Baik


Perubahan Nama Kementerian

Berikutan daripada pengumuman kabinet baru pada 15.05.2013, status 5 Kementerian adalah seperti berikut:


- Kementerian Penerangan, Kebudayaan Dan Komunikasi dikenali sebagai Kementerian Komunikasi Dan Multimedia.
- Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran telah dicantumkan dan dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelancongan dikenali sebagai Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan.
- Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dikenali sebagai Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
- Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan.

3.6.6. Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 24 Kementerian pada tahun 2014 mendapati **7 daripada 8 kawalan berada pada tahap sangat baik dan 1 kawalan berada pada tahap baik**. Memandangkan tahun 2014 adalah tahun pertama semakan dijalankan terhadap 8 kawalan, maka kawalan yang boleh dianalisis tahap prestasi antara tahun 2010 hingga 2014 adalah bagi 4 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah/Deposit. Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet dan Kawalan Terimaan dapat mengekalkan prestasi sangat baik bagi tempoh 5 tahun. Manakala Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah/Deposit mula mencapai tahap prestasi sangat baik pada tahun 2011 dan tahap tersebut berjaya dikekalkan sehingga tahun 2014. Tahap prestasi yang dimaksudkan adalah seperti Carta 3.5 dan 3.6.

CARTA 3.5
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
MENGIKUT KAWALAN BAGI KEMENTERIAN TAHUN 2014




CARTA 3.6
TAHAP PRESTASI 4 KAWALAN PENGURUSAN KEWANGAN
BAGI KEMENTERIAN TAHUN 2010 HINGGA 2014




3.6.7. Semakan Audit terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 51 Jabatan mendapati secara umumnya berlaku **peningkatan dan penurunan**. Semakan mendapati 3 daripada 8 kawalan berada pada tahap sangat baik dan 5 kawalan berada pada tahap baik pada tahun 2014. Memandangkan tahun 2014 adalah tahun pertama semakan dijalankan terhadap 8 kawalan, maka kawalan yang boleh dianalisis tahap prestasi antara tahun 2010 hingga 2014 adalah bagi 4 kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah/Deposit. Kawalan Terimaan mengekalkan prestasi sangat baik bagi tempoh 5 tahun dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah/Deposit pula mengekalkan tahap prestasi baik bagi tempoh 5 tahun. Kawalan Bajet berada pada tahap prestasi sangat baik bagi tempoh 2 tahun pertama dan pada tahun 2012 menurun kepada tahap prestasi baik. Bagaimanapun, tahap prestasinya terus meningkat pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 meningkat sebanyak 3.5% berbanding tahun sebelumnya. Kawalan Pengurusan pula berada pada tahap prestasi baik bagi 2 tahun pertama dan meningkat kepada tahap prestasi sangat baik pada tahun 2012. Pada tahun 2013 tahap prestasinya menurun kepada baik dan pada tahun 2014 meningkat sebanyak 3.3% berbanding tahun 2013. Tahap prestasi yang dimaksudkan adalah seperti Carta 3.7 dan 3.8.

CARTA 3.7
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2014
MENGIKUT 8 KAWALAN BAGI 51 JABATAN PERSEKUTUAN




CARTA 3.8
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2010 HINGGA 2014
MENGIKUT 4 KAWALAN BAGI 51 JABATAN PERSEKUTUAN




3.6.8. **Pencapaian pengurusan kewangan bagi Jabatan Tier 1 yang mula diaudit setiap tahun bermula tahun kewangan 2013 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan markah. Bagaimanapun, bilangan Jabatan yang berada pada tahap prestasi sangat baik meningkat sebanyak 7.1%.** Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi jabatan ini bagi tempoh tahun 2013 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 3.9
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN TIER 1
BAGI TAHUN 2013 HINGGA 2014



3.6.9. Perbandingan pencapaian pengurusan kewangan bagi 4 jabatan pemungut hasil utama yang diaudit setiap tahun iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014 menunjukkan berlaku peningkatan dan penurunan. **Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kastam Diraja Malaysia didapati menunjukkan peningkatan yang berterusan dari tahun 2010 sehingga 2013. Bagaimanapun, tahap prestasi kedua-dua jabatan tersebut menurun pada tahun 2014. Tahap prestasi Jabatan Imigresen Malaysia meningkat sebanyak 7.4% pada tahun 2011 dan menurun sebanyak 4.1% pada tahun 2013 berbanding 2012. Pada tahun 2014 tahap prestasi Jabatan Imigresen Malaysia mencatat penurunan sebanyak 2.8% berbanding tahun 2013. Polis DiRaja Malaysia (PDRM) pula menunjukkan trend prestasi yang tidak konsisten dan mencatat penurunan pada tahun 2012 berbanding tahun 2011 sebanyak 7.3%. Tahap prestasi PDRM masih menurun pada tahun 2013 sebanyak 1.1% berbanding tahun 2012. Bagaimanapun pada tahun 2014, PDRM telah mencatat kenaikan sebanyak 0.8% dan mengekalkan tahap prestasi baik sepanjang tempoh 3 tahun. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan bagi 4 jabatan ini bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti carta berikut:**


CARTA 3.10
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
4 JABATAN PEMUNGUT HASIL UTAMA BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014




3.6.10. Semakin selanjutnya terhadap prestasi pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi 4 jabatan pemungut hasil utama ini mendapati secara umumnya berlaku **peningkatan dan penurunan. Semakin terhadap 8 kawalan utama mendapati 4 kawalan berada pada tahap prestasi sangat baik dan 4 lagi berada pada tahap baik. Kawalan Bajet mencatat markah tertinggi iaitu 100%,**

diikuti Kawalan Perbelanjaan (94.8%), Kawalan Pengurusan (91%), Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit (90.3%), Kawalan Perolehan (87%), Pengurusan Aset Dan Stor (82.3%), Kawalan Terimaan (81.8%) dan Pengurusan Kenderaan (81.5%). Bagaimanapun perbandingan antara tahun 2014 dan tahun-tahun sebelumnya hanya boleh dilihat pada 4 kawalan utama sahaja memandangkan tahun 2014 adalah tahun pertama semakan dijalankan ke atas 8 kawalan. Kawalan Bajet dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit mengekalkan tahap prestasi sangat baik bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Kawalan Pengurusan dan Terimaan pula menunjukkan trend turun naik sepanjang tempoh 5 tahun. Bagaimanapun, kedua-dua kawalan tersebut berada pada tahap prestasi sangat baik dan baik sepanjang tempoh tersebut. Butiran lanjut adalah seperti Carta 3.11 dan 3.12.

CARTA 3.11
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2014
MENGIKUT KAWALAN BAGI 4 JABATAN PEMUNGUT HASIL UTAMA



CARTA 3.12
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN
4 JABATAN PEMUNGUT HASIL UTAMA BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014



3.7. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan dalam sektor awam, adalah disyorkan supaya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

3.7.1. memastikan pengetahuan dan kemahiran pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan dengan memberi latihan sewajarnya secara berterusan. Selain itu, penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan hendaklah dilakukan dari semasa ke semasa;

3.7.2. pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan sampel dan skop tertentu;

3.7.3. memastikan isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam diambil tindakan *corrective* dan *preventive*. Tujuan tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang;

3.7.4. berusaha mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik untuk mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan. Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2 boleh dijadikan rujukan; dan

3.7.5. menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terlibat dalam urusan kewangan untuk memastikan peraturan Kerajaan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi serta penglibatan secara *hands on* dalam urusan tersebut.

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA


4. JABATAN PERIKANAN MALAYSIA - PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Jabatan Perikanan Malaysia [*Department of Fisheries Malaysia* (DOF)] di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani [*Ministry of Agriculture And Agro Based Industry* (MOA)] merupakan peneraju utama pembangunan dan pemodenan sektor perikanan negara. DOF juga berperanan dalam mengurus dan membangunkan sektor perikanan negara secara mampan, dinamik dan berdaya saing berasaskan maklumat saintifik dan perkhidmatan berkualiti. DOF diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh 2 Timbalan Ketua Pengarah masing-masing dalam bidang pengurusan dan pembangunan. Antara bahagian utama di DOF adalah Bahagian Khidmat Pengurusan; Bahagian Biosekuriti Perikanan; Bahagian Penyelidikan; Bahagian Pembangunan Akuakultur dan Akademi Perikanan Malaysia. DOF beroperasi di setiap negeri kecuali di Negeri Sabah di mana kawal seliaannya adalah di bawah Kerajaan Negeri Sabah.

4.1.2. Pada tahun 2014, DOF telah diberikan peruntukan mengurus dan pembangunan masing-masing berjumlah RM153.07 juta dan RM56.14 juta di mana sejumlah RM152.80 juta (99.8%) dan RM54.18 juta (96.5%) telah dibelanjakan. Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan DOF pada tahun 2014 adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.1
PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2014



4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi terhadap tahap pengurusan kewangan DOF, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 4.2.1. wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 4.2.2. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan bajet, pungutan hasil, perolehan, perbelanjaan, pengurusan amanah/deposit, pengurusan aset dan stor serta kenderaan;
- 4.2.3. pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 4.2.4. rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

4.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat DOF dan 13 DOF Negeri termasuk Wilayah Persekutuan (W.P.) Labuan terhadap 8 elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan. Semakan Audit dilakukan terhadap transaksi pengurusan kewangan bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2014.

4.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen pengurusan kewangan berdasarkan sampel. Temu bual dengan pegawai kanan di DOF termasuk pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap elemen kawalan pengurusan kewangan turut dibuat untuk mendapat dan mengesahkan maklumat yang diperolehi. Selain itu, pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan terhadap aset yang dimiliki dan di bawah kawalan DOF. *Exit Conference* bersama Ketua Pengarah DOF telah diadakan pada 28 Mei 2015.

4.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di Ibu Pejabat DOF dan 13 DOF Negeri antara bulan Januari hingga April 2015 mendapati prestasi pengurusan kewangan Ibu Pejabat DOF bagi tahun 2014 berada pada **tahap sangat baik iaitu dengan markah pmatuhan sebanyak 90.25%**. Manakala secara keseluruhannya dengan mengambil kira prestasi pengurusan kewangan semua negeri termasuk Ibu Pejabat DOF secara pro-rata berada pada **tahap baik (75.01%)**. Analisis prestasi terhadap setiap DOF Negeri mendapati W.P. Labuan mencatatkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap sangat baik (96.26%) manakala 6 DOF Negeri iaitu Sarawak, Kelantan, Melaka, Perak, Negeri Sembilan dan Selangor berada pada tahap baik (antara 73.45% hingga 87.47%).

Bagaimanapun, 6 DOF Negeri yang lainnya iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu, Johor dan Pahang hanya berada pada tahap yang memuaskan (antara 59.58% hingga 69.72%). Prestasi mengikut elemen kawalan pula menunjukkan Kawalan Bajet dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit berada pada tahap sangat baik diikuti Kawalan Pengurusan, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Kawalan Perolehan yang berada pada tahap baik. Manakala Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan berada pada tahap memuaskan. Analisis prestasi pengurusan kewangan DOF tahun 2014 secara keseluruhannya adalah seperti **Jadual 4.1**. Manakala tahap prestasi pengurusan kewangan DOF mengikut negeri dan elemen kawalan adalah seperti **Carta 4.2** dan **4.3**.

JADUAL 4.1
ANALISIS PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA KESELURUHAN
DI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA PADA TAHUN 2014

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA	TAHAP PRESTASI								KESELURUHAN MENGIKUT PEJABAT
	a	b	c	d	e	f	g	h	
Ibu Pejabat	SB	SB	SB	B	B	B	B	SB	SB (90.25%)
Perlis	M	TB	B	M	B	TB	B	M	M (67.84%)
Kedah	B	TB	B	M	B	TB	M	M	M (69.72%)
Pulau Pinang	M	TB	M	M	SB	B	M	TM	M (67.67%)
Perak	M	TB	SB	B	B	TB	M	M	B (74.55%)
Selangor	B	TB	SB	B	SB	TB	M	TM	B (73.45%)
Negeri Sembilan	B	TB	M	B	B	TB	M	M	B (73.99%)
Melaka	B	TB	SB	B	SB	TB	B	M	B (81.71%)
Johor	B	TB	SB	TM	B	TB	TM	TM	M (60.64%)
Pahang	M	TB	B	M	M	TB	M	TM	M (59.58%)
Terengganu	B	TB	M	M	B	TB	M	M	B (64.59%)
Kelantan	B	TB	SB	B	B	SB	B	B	B (82.37%)
Sarawak	B	TB	SB	SB	SB	TB	SB	TM	B (87.47%)
W.P. Labuan	SB	TB	SB	SB	SB	SB	SB	SB	SB (96.26%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN BERDASARKAN ELEMEN	B (77.54%)	SB (100%)	B (83.35%)	B (73.89%)	B (86.47%)	SB (91.43%)	M (68.37%)	M (59.09%)	B (75.01%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN DOF									


Nota :

- a. Kawalan Pengurusan
- b. Kawalan Bajet
- c. Kawalan Terimaan
- d. Kawalan Perolehan
- e. Kawalan Perbelanjaan
- f. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit
- g. Pengurusan Aset Dan Stor
- h. Pengurusan Kenderaan


Tahap Prestasi:

- SB - Sangat Baik
- B - Baik
- M - Memuaskan
- TM - Tidak Memuaskan
- TB - Tidak Berkenaan

CARTA 4.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2014



CARTA 4.3
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN
SECARA KESELURUHAN MENGIKUT ELEMEN KAWALAN
DI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2014



4.5.1. Kawalan Pengurusan

Semakan Audit mendapati kawalan pengurusan di DOF secara keseluruhannya berada pada **tahap baik (77.54%)**. Analisis selanjutnya mendapati DOF Ibu Pejabat dan W.P. Labuan telah berjaya mencapai tahap sangat baik manakala 8 DOF Negeri yang lainnya mencapai tahap baik. Bagaimanapun, 4 DOF Negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Perlis dan Pahang mencapai tahap memuaskan. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti **Carta 4.4**.

Beberapa tindakan penambahbaikan masih perlu diambil, khususnya dari aspek pengemaskinian proses kerja berkaitan pengurusan kewangan; pemeriksaan dalaman mengikut AP 308 dan pemeriksaan mengejut mengikut AP 309. Selain itu, didapati peraturan berkaitan pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) telah dipatuhi kecuali prestasi pelaksanaan *Government Procurement Information System* (GPIS) tidak dibincangkan dalam mesyuarat di semua DOF Negeri termasuk di Ibu Pejabat. Ringkasan kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama Kawalan Pengurusan adalah seperti **Jadual 4.2** hingga **4.4**. Pencapaian DOF berkaitan Kawalan Pengurusan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.4
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN



JADUAL 4.2
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	STRUKTUR ORGANISASI						
	CARTA ORGANISASI				PENURUNAN KUASA / SURAT LANTIKAN		
	a	b	c	d	e	f	g
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	X	✓	X	✓	✓	✓
Kedah	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perak	✓	✓	✓	X	X	✓	X
Selangor	✓	✓	X	X	✓	X	✓
Negeri Sembilan	✓	X	X	X	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Pahang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Terengganu	✓	✓	X	X	X	X	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Sarawak	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi

- Carta organisasi disediakan*
- Carta organisasi lengkap dan kemas kini*
- Carta organisasi dipamerkan*
- Carta organisasi dipamerkan lengkap dan kemas kini*
- Semua pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan diberikan kuasa/dilantik secara bertulis*
- Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam kutipan*
- Penurunan kuasa secara khusus diberikan kepada pegawai yang terlibat dalam bayaran*

JADUAL 4.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	SISTEM DAN PROSEDUR											
	PROSES KERJA		SENARAI TUGAS			PEMERIKSAAN DALAMAN/MENGEJUT						
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	✓	✓	✓
Perlis	X	X	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X
Kedah	X	X	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	X	X	✓	X	✓	X	X	X	X	X	X	X
Perak	X	X	X	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	✓	X	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
Melaka	X	X	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	✓
Johor	X	X	✓	✓	✓	X	X	X	X	✓	X	✓
Pahang	X	X	X	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Terengganu	X	X	✓	X	✓	X	X	X	X	✓	X	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi

- Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan disediakan*
- Proses kerja berkaitan pengurusan kewangan adalah kemas kini*
- Senarai tugas disediakan*

- d. Senarai tugas menunjukkan dengan jelas hubung kait pegawai atasan, pegawai bawahan dan rakan sejawat
e. Senarai tugas sentiasa dikemas kini jika melibatkan pertukaran jenis tugas

Pemeriksaan Dalam Mengikut AP308

- f. Pemeriksaan dijalankan oleh ketua jabatan atau wakil yang dilantik
g. Pemeriksaan dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam
h. Direkodkan dalam daftar pemeriksaan mengejut

Pemeriksaan Mengejut Mengikut AP309

- i. Pemeriksaan mengejut dijalankan oleh Ketua Jabatan
j. Pemeriksaan mengejut meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga
k. Dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali
l. Direkodkan dalam daftar pemeriksaan mengejut dengan lengkap

JADUAL 4.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	JAWATANKUASA-JAWATANKUASA DAN UNIT AUDIT DALAM											
	JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)											
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	✓	X	X	X	X	✓	✓	X	X	X	X
Kedah	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	✓
Perak	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	X	X	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	TB	TB	TB
Pahang	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	X
Terengganu	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Sarawak	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- a. JPKA ditubuhkan
b. Keahlian JPKA adalah seperti yang ditetapkan oleh pekeling
c. JPKA bermesyuarat 3 bulan sekali
d. Minit mesyuarat disediakan
e. Bincang perkara ditetapkan mengikut pekeling
f. Laporan Suku Tahun ditandatangani oleh pengerusi mesyuarat dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia/Kementerian dalam tempoh yang ditetapkan
g. Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas
h. Rekod/Daftar pertanyaan Audit diselenggarakan
i. Rekod/Daftar pertanyaan Audit diselenggarakan dengan kemas kini
j. Pertanyaan Audit telah dijawab
k. Pertanyaan Audit dijawab dalam tempoh ditetapkan
l. Teguran Audit telah diambil tindakan

4.5.2. Kawalan Bajet

Bajet merupakan satu mekanisme yang digunakan oleh organisasi untuk mengenal pasti keperluan sumber-sumber kewangan, pengagihan dan penggunaan peruntukan yang diterima. Kawalan Bajet menekankan pengurusan pengagihan serta mengakaunkan peruntukan yang diterima supaya peruntukan tahunan Jabatan

diurus dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan. Bagi tahun 2014, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya Kawalan Bajet di Ibu Pejabat DOF adalah pada tahap **sangat baik (100%)**. Cadangan bajet disediakan berdasarkan input daripada semua peringkat termasuk negeri dan Waran Peruntukan Kecil bagi perbelanjaan mengurus telah dikeluarkan dengan segera kepada semua DOF Negeri sebaik sahaja waran peruntukan diterima daripada Kementerian.

4.5.3. Kawalan Terimaan

Kawalan terimaan adalah untuk memastikan penerimaan, pungutan, perbankan wang dan cek dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang berkaitan. Pematuhan DOF terhadap peraturan kewangan berkaitan kawalan terimaan secara keseluruhannya adalah pada tahap **baik (83.35%)**. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan perlu diambil dari segi semakan terhadap borang hasil yang dikeluarkan daripada stok oleh pemungut atau wakilnya untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh. Selain itu, DOF Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab menyemak Buku Tunai dengan Resit Rasmi setiap hari. Bagi perakaunan terimaan, penambahbaikan terhadap penyediaan dan penyemakan Akaun Tunai Bulanan dan Penyata Penyesuaian Hasil hendaklah dibuat bagi memastikan segala pungutan yang diserahkan ke bank telah diambil kira oleh Pejabat Perakaunan. Pelarasan juga perlu dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan. Pengauditan selanjutnya mendapati pengurusan Akaun Belum Terima di peringkat Ibu Pejabat adalah teratur. Ringkasan kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama Kawalan Terimaan adalah seperti **Jadual 4.5** hingga **4.6**. Pencapaian DOF berkaitan Kawalan Terimaan adalah seperti **Carta 4.5**.

JADUAL 4.5
PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN TERIMAAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAWALAN TERIMAAN																	
	PENGUNAAN BORANG HASIL							PENERIMAAN WANG										
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Perlis	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	X	✓
Kedah	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	TB	TB	TB	X	X
Perak	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	X	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Melaka	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	✓	TB	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
Pahang	✓	✓	✓	✓	✓	TB	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	X
Terengganu	X	X	X	✓	✓	TB	TB	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	X	X	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAWALAN TERIMAAN																	
	PENGUNAAN BORANG HASIL							PENERIMAAN WANG										
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Borang Hasil direkodkan dengan kemas kini dalam Daftar Borang Hasil (Kew. 67)
- Borang Hasil dikeluarkan mengikut susunan nombor yang betul
- Baki stok Borang Hasil didaftar bersamaan dengan baki sebenar
- Borang Hasil yang belum dan sedang digunakan disimpan dengan selamat
- Borang Hasil yang diterima telah disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor siri
- Senarai stok Borang Hasil dinyatakan dalam surat pemberi alih/pengambil alih yang disediakan semasa pertukaran pemungut
- Borang Hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pemungut atau wakilnya untuk memastikan Borang Hasil yang belum digunakan masih utuh
- Pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan
- Hasil yang dikutip adalah mengikut kadar yang dibenarkan
- Ciri-ciri keselamatan wujud di ruang tempat kasyer membuat kutipan hasil
- Notis pemberitahuan kepada orang awam untuk meminta resit dipaparkan di tempat yang mudah dilihat
- Ciri-ciri keselamatan wujud bagi kutipan yang dibuat secara mesin beresit/secara elektronik
- Resit dikeluarkan dengan segera bagi semua kutipan
- Resit yang dipinda (amaun) mesti dibatalkan
- Resit yang dibatalkan berserta salinannya hendaklah dikemukakan untuk diaudit
- Resit rasmi dibatalkan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis
- Pegawai yang bertanggungjawab menyemak buku tunai dengan resit rasmi setiap hari
- Semua kutipan direkodkan dengan betul dan tepat dalam Sistem e-Terimaan


JADUAL 4.6
PEMATUHAN TERHADAP KEDUDUKAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN TERIMAAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAWALAN TERIMAAN							
	KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK			PENYATA PENYESUAIAN HASIL				
	a	b	c	d	e	f	g	h
Ibu Pejabat	X	X	✓	X	✓	✓	TB	TB
Perlis	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
Kedah	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB
Pulau Pinang	X	X	✓	X	X	✓	TB	TB
Perak	✓	✓	X	X	✓	✓	TB	TB
Selangor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
Johor	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB
Pahang	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
Terengganu	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
Kelantan	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB
Sarawak	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Pungutan telah dimasukkan dengan segera dan diakui terima oleh bank
- Penyata Pemungut disediakan tanpa kelewatan
- Penyata Pemungut diluluskan dengan segera oleh Pelulus II
- Akaun Tunai Bulanan diserahkan kepada Pejabat Perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan
- Laporan Terperinci Hasil Bulanan (C330) yang diterima dari Pejabat Perakaunan disesuaikan dengan Buku Tunai Manual/Elektronik untuk menentukan segala pungutan yang diserahkan ke bank telah diambil kira oleh Pejabat Perakaunan
- Penyata Penyesuaian Hasil disediakan dengan tepat
- Pelarasan dibuat terhadap item yang tidak dapat disesuaikan
- Tindakan diambil untuk menyelesaikan item yang tidak dikenal pasti dan berlarutan dalam Penyata Penyesuaian Hasil


CARTA 4.5
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKATAN MALAYSIA
BERKAITAN KAWALAN TERIMAAN



4.5.4. Kawalan Perolehan

Kawalan Perolehan dilaksanakan bagi menentukan sama ada semua jenis perolehan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati kawalan perolehan di DOF secara keseluruhannya berada pada **tahap baik (73.89%)**. Bagi kawalan am perolehan, berlaku kelemahan dari aspek perancangan perolehan di DOF Negeri manakala penggunaan sistem GPIS bagi merekodkan semua perolehan Kerajaan tidak dilaksanakan di DOF Ibu Pejabat dan Negeri. Selain itu bagi pengurusan pembelian terus, semakan Audit mendapati sebut harga bagi perolehan melebihi RM20,000 tidak dilaksanakan; rekod pembelian terus tidak dikemukakan kepada Pegawai Pengawal serta kajian pasaran tidak dilaksanakan. Bagi pengurusan sebut harga melebihi RM50,000 hingga RM500,000 pula, adalah didapati pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dipatuhi oleh DOF Ibu Pejabat dan Negeri. Manakala bagi pengurusan kontrak, daftar/rekod pembayaran kontrak tidak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran; klausa Pencegahan Rasuah tidak dimasukkan dalam kontrak dan kontrak ditandatangani melebihi 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Kelemahan perolehan secara kontrak sistem panel berlaku di 3 DOF Negeri iaitu Perlis, Kedah dan Pahang. Bagi pelaksanaan ePerolehan (eP), DOF Ibu Pejabat telah menubuhkan Pasukan Pelaksana Agensi untuk memantau pelaksanaan eP. Bagaimanapun, 8 DOF Negeri masih tidak mencapai 75% daripada jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui eP. Ringkasan kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama Kawalan Perolehan adalah seperti **Jadual 4.7** hingga **4.9**. Pencapaian DOF berkaitan Kawalan Perolehan adalah seperti carta berikut:

CARTA 4.6
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERKAITAN KAWALAN PEROLEHAN



JADUAL 4.7
KEDUDUKAN PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN DENGAN KAWALAN AM PEROLEHAN

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA	KAWALAN AM PEROLEHAN							
	PERANCANGAN PEROLEHAN			GPIS				ePEROLEHAN
	a	b	c	d	e	f	g	h
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	X	X	X	X	✓
Perlis	X	X	X	X	X	X	X	X
Kedah	X	X	X	X	X	X	X	X
Pulau Pinang	X	X	X	X	X	X	X	X
Perak	X	X	X	X	X	X	X	X
Selangor	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
Negeri Sembilan	X	X	X	X	X	X	X	✓
Melaka	X	X	X	X	X	X	X	✓
Johor	X	X	X	X	X	X	X	X
Pahang	X	X	X	X	X	X	X	X
Terengganu	X	X	X	X	X	X	X	X
Kelantan	X	X	X	X	X	X	✓	✓
Sarawak	✓	✓	✓	X	X	X	X	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi

- Jadual umum disediakan untuk semua urusan tender/sebut harga yang hendak dilaksanakan
- Perancangan Perolehan Tahunan dibuat mengikut format yang ditetapkan
- Perancangan Perolehan Tahunan dikemukakan kepada Kementerian/Perbendaharaan Malaysia dalam tempoh yang ditetapkan
- GPIS telah dilaksanakan di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi
- Semua kategori perolehan telah didaftarkan di dalam GPIS
- Penyelia dilantik di peringkat Kementerian/Jabatan/PTJ untuk memantau GPIS
- Laporan perolehan dikemukakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun mengikut tempoh ditetapkan
- Kementerian/Jabatan telah mencapai 75% daripada jumlah perbelanjaan tahunan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan melalui ePerolehan

JADUAL 4.8
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN PEROLEHAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAEDAH PEROLEHAN																						
	PEMBELIAN TERUS							PENGURUSAN SEBUT HARGA MELEBIHI RM20,000 - RM50,000					PENGURUSAN SEBUT HARGA MELEBIHI RM50,000 - RM500,000										
a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o	p	q	r	s	t	u	v	w	
Ibu Pejabat	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Kedah	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Perak	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
Selangor	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Negeri Sembilan	X	TB	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	TB	✓	✓	X	✓	X	X	X	X	X	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	✓	X	✓
Pahang	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Terengganu	✓	TB	✓	✓	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kelantan	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkenaan

- Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan tidak melebihi RM20,000 setahun
- Pembelian terus dibuat bagi kerja requisition yang menggunakan Jadual Kadar Harga tidak melebihi RM50,000 setahun
- Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima
- Pesanan Kerajaan diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa
- Satu rekod mengenai pembelian terus dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga bulan
- Borang Pesanan Kerajaan dicatat dengan lengkap
- Kajian pasaran dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga tawaran harga daripada pembekal tempatan
- Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 hingga RM50,000 dibuat dengan mempelawa sebut harga.
- Sebut harga dibuat dengan mempelawa daripada sekurang-kurangnya tiga pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia.
- Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga sekurang-kurangnya tiga orang ahli dilantik oleh Ketua Jabatan
- Pelaksanaannya dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang telah dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan
- Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dibuat dengan mempelawa sebut harga
- Sebut harga dibuat dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia
- Jawatankuasa Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal
- Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian
- Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan sebut harga
- Borang Jadual Sebut Harga diisi dengan lengkap
- Pelaksanaan integrity pact dipatuhi
- Pelaksanaan sebut harga dibuat oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang telah dilantik secara bertulis
- Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga ditandatangani oleh Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga
- Maklumat lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan sebut harga disimpan oleh urus setia sebut harga
- Minit Mesyuarat keputusan sebut harga disediakan/difaikan
- Keputusan muktamad sebut harga dipamerkan di papan kenyataan/laman web agensi

JADUAL 4.9
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN PEROLEHAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAEDAH PEROLEHAN									
	PENGURUSAN KONTRAK							PEROLEHAN SECARA KONTRAK PUSAT		PEROLEHAN SECARA SISTEM PUSAT KONTRAK PANEL
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	TB	TB
Perlis	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB	X
Kedah	X	X	✓	X	✓	✓	✓	TB	TB	X
Pulau Pinang	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	TB	✓
Perak	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	TB	TB	TB
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Melaka	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	TB
Johor	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓
Pahang	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	TB	X
Terengganu	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
Kelantan	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	TB	TB	TB
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB


Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Semua kontrak didaftarkan
- Daftar/Rekod pembayaran kontrak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran
- Kontrak dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973)
- Syarat perjanjian kontrak disemak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-undang Jabatan/Agensi.
- Klausula pencegahan rasuah dimasukkan dalam kontrak
- Kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluarnya surat setuju terima
- Tiada perolehan/bekalan melebihi nilai kontrak yang ditetapkan dalam kontrak terlibat
- Perolehan secara kontrak pusat dibuat melalui pembekal yang ditetapkan
- Kebenaran Perbendaharaan Malaysia diperolehi terlebih dahulu bagi pembelian yang dibuat luar dari kontrak pusat
- Perolehan melalui kontrak pusat sistem panel mematuhi kaedah perolehan yang ditetapkan

4.5.5. Kawalan Perbelanjaan

Pengurusan Perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan berhemat serta rekod perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Prestasi kawalan perbelanjaan DOF secara keseluruhannya adalah pada **tahap baik (86.47%)**. Analisis selanjutnya terhadap setiap DOF mendapati 5 DOF Negeri berjaya mencapai tahap sangat baik; DOF Ibu Pejabat dan 7 DOF Negeri mencapai tahap baik manakala DOF Negeri Pahang di tahap memuaskan. Pencapaian kawalan perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti **Carta 4.7** manakala penemuan Audit terhadap 2 aspek utama Kawalan Perbelanjaan iaitu perakaunan dan pengurusan bayaran adalah seperti di perenggan berikutnya.

CARTA 4.7
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKATAN MALAYSIA
BERKAITAN KAWALAN PERBELANJAAN



4.5.5.1. Perakaunan

Semakan Audit mendapati peraturan berkaitan perakaunan masih tidak dipatuhi sepenuhnya kecuali bagi DOF Negeri Melaka, Johor, Pahang dan Sarawak. Ini kerana masih terdapat kes Buku Vot tidak diperiksa oleh penyelia sekali sebulan. Selain itu, berlaku juga pembayaran invois tanpa Pesanan Tempatan dibuat untuk jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan. Semakan selanjutnya terhadap Penyata Penyesuaian Perbelanjaan pula mendapati pelarasan tidak dilaksanakan; tindakan tidak diambil bagi kes transaksi yang berlarutan dan tidak dapat dikenal pasti serta Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama perakaunan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.10
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN PERBELANJAAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PERAKAUNAN					
	a	b	c	d	e	f
Ibu Pejabat	✓	X	✓	✓	TB	✓
Perlis	✓	X	✓	✓	TB	✓
Kedah	X	✓	✓	✓	TB	✓
Pulau Pinang	✓	X	✓	X	X	✓
Perak	✓	X	✓	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	✓	TB	X
Negeri Sembilan	✓	X	✓	✓	✓	X
Melaka	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Johor	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Pahang	✓	✓	✓	✓	TB	✓
Terengganu	✓	X	✓	X	X	✓
Kelantan	X	X	✓	X	X	✓

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PERAKAUNAN					
	a	b	c	d	e	f
Sarawak	✓	✓	✓	✓	TB	✓
W.P. Labuan	✓	X	✓	✓	TB	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Bayaran bagi invois tanpa pesanan tempatan hanya untuk jenis perbelanjaan yang dibenarkan
- Buku vot diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia
- Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan
- Pelarasan dibuat terhadap item penyesuaian
- Tindakan Telah diambil bagi kes transaksi yang berlarutan dan tidak dikenal pasti
- Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dikemukakan kepada Pejabat Perakaunan

4.5.5.2. Pengurusan Bayaran

Semakan Audit mendapati ada kelemahan dalam pengurusan bayaran di DOF antaranya had kuasa berbelanja yang dikunci masuk dalam eSPKB berbeza dengan perwakilan kuasa; capaian dalam sistem tidak dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara; pengasingan tugas tidak dilaksanakan; Daftar Bil tidak dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab; kelemahan kawalan dalaman proses bayaran; tiada bukti laporan bayaran pukal (BP21) disemak dengan bil asal dan penggunaan panjar wang runcit tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama pengurusan bayaran adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.11
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN KAWALAN PERBELANJAAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGURUSAN BAYARAN														
	HAD KUASA			PENGASINGAN TUGAS	DAFTAR BIL		KAWALAN DALAMAN				BAYARAN PUKAL			PANJAR WANG RUNCIT	
	a	b	c		e	f	g	h	i	j	k	l	m	n	o
Ibu Pejabat	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Perlis	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Kedah	X	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	TB	✓	✓	✓
Pulau Pinang	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓
Perak	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Selangor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓
Johor	X	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Pahang	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	X	X	X	✓
Terengganu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓
Kelantan	X	✓	✓	X	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam eSPKB adalah selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan
- Capaian dalam sistem telah dibatalkan bagi pegawai yang bertukar/berhenti/bersara
- Kad pintar tidak digunakan semasa ketiadaan pegawai/pegawai tidak bertugas
- Pengasingan tugas untuk bayaran diwujudkan
- Daftar bil diselenggarakan dengan kemas kini
- Daftar bil dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali sebulan dan ditandatangani ringkas

- g. *Baucar bayaran disokong dengan dokumen sokongan asal, lengkap dan sempurna*
- h. *Peraturan kewangan dipatuhi*
- i. *Pembayaran dibuat dengan betul*
- j. *Penjenisan pembayaran direkodkan dengan betul*
- k. *Terdapat bukti Laporan Pukal (BP21) disemak dengan bil asal*
- l. *Tindakan pembedaan diambil ke atas kesilapan/perbezaan antara Laporan BP21 dengan bil*
- m. *Semua bil pukal dibayar melalui sistem bayaran pukal*
- n. *Wang panjar digunakan untuk tujuan pembayaran kecil yang segera dan perbelanjaan runcit kecuali tuntutan perjalanan*
- o. *Baki wang tunai di tangan sama dengan baki pada Buku Tunai Wang Runcit*


4.5.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit di DOF secara keseluruhannya berjaya mencapai tahap **sangat baik (91.43%)**. Analisis selanjutnya terhadap pencapaian 4 DOF yang terlibat mendapati 2 DOF Negeri iaitu Kelantan dan W.P. Labuan berjaya mencapai tahap sangat baik (100%) manakala DOF Ibu Pejabat dan Pulau Pinang mencapai tahap baik iaitu 80% dan 85.71% masing-masing. Secara keseluruhannya, penekanan perlu diberikan terhadap pengurusan deposit dan Pendahuluan Diri di mana pihak Audit mendapati DOF Negeri Pulau Pinang tidak mengemukakan Senarai Baki Pendeposit bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 kepada Jabatan Audit Negara sebelum 31 Mac 2015 manakala DOF Ibu Pejabat tidak mengemukakan Ringkasan Pendahuluan Diri tahun 2014 kepada Kementerian pada setiap 6 bulan dan pegawai yang menerima Pendahuluan Diri lewat membuat bayaran balik.

4.5.7. Pengurusan Aset Dan Stor

Pengurusan Aset dan Stor di DOF secara keseluruhannya hanya mencapai tahap **memuaskan (68.37%)**. Analisis selanjutnya terhadap pencapaian setiap DOF mendapati hanya DOF Negeri Sarawak dan DOF W.P. Labuan berjaya mencapai tahap sangat baik; DOF Ibu Pejabat dan 3 DOF Negeri mencapai tahap baik; 7 DOF Negeri di tahap memuaskan manakala DOF Negeri Johor berada pada tahap tidak memuaskan. Tahap pencapaian setiap DOF berkaitan dengan Pengurusan Aset dan Stor adalah seperti **Carta 4.8**. Secara keseluruhannya, penekanan perlu diberikan terhadap pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) di mana keanggotaan mesyuarat hendaklah dipatuhi, agenda mesyuarat yang ditetapkan perlu dibincangkan serta hasil mesyuarat dilaporkan dalam Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun (JPKA). Selain itu, penerimaan aset di setiap PTJ hendaklah dibuat hanya oleh Pegawai Penerima yang dilantik dan bagi penerimaan barang stor, Pegawai Penerima perlu menyediakan Borang Terimaan Barang-Barang (KEW.PS-1) dan diperakukan oleh pegawai pengesah. DOF perlu memastikan semua harta modal dan inventori didaftarkan dengan lengkap dalam tempoh 14 hari dan dibuat pengesahan pendaftaran ke atas punca maklumat serta diberikan tanda pengenalan "Hak Kerajaan Malaysia" dan nombor siri pendaftaran. Manakala barang stor perlu direkodkan dalam Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) dengan lengkap dan kemas kini. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi kawalan umum, penerimaan, pendaftaran dan pelabelan aset adalah seperti **Jadual 4.12** dan **4.13**.

CARTA 4.8
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKATAN MALAYSIA
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR



JADUAL 4.12
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	KAWALAN UMUM										
	PENGURUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK)							UNIT PENGURUSAN ASET		PEGAWAI ASET DAN STOR	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedah	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓
Perak	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	X	X
Selangor	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X
Negeri Sembilan	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pahang	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Terengganu	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kelantan	✓	✓	X	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkenaan

- JKPAK ditubuhkan
- Keanggotaan JKPAK dipatuhi
- Bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan
- Mesyuarat dipengerusikan oleh pengerusi yang dilantik mengikut pekeliling
- Agenda mesyuarat yang ditetapkan dibincangkan
- Hasil mesyuarat dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)
- Tindakan susulan diambil terhadap keputusan mesyuarat yang lepas
- Unit Pengurusan Aset diwujudkan
- Struktur organisasi Pengurusan Aset Kerajaan di bahagian/seksyen/unit hendaklah mempunyai 2 fungsi berasingan iaitu Pengurusan Aset Alih/Hidup Dan Pengurusan Stor
- Setiap PTJ mempunyai Pegawai Aset
- Pegawai stor diberi tanggungjawab untuk menguruskan stor

JADUAL 4.13
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENERIMAAN			PENDAFTARAN				PELABELAN ASET	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	TB	✓	X	X	X	✓	✓	✓
Kedah	X	TB	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	X	TB	✓	X	X	X	✓	X	X
Perak	X	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓
Selangor	X	TB	X	X	✓	✓	✓	✓	X
Negeri Sembilan	X	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	X	X	X	✓	✓	X	X	✓	✓
Pahang	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Terengganu	X	✓	X	X	X	X	X	X	X
Kelantan	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Sarawak	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkenaan

- Setiap PTJ mempunyai Pegawai Penerima (PP) yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset/barang-barang stor yang diterima
- Pegawai bertauliah menjalankan pemeriksaan teknikal aset/barang-barang stor
- Bagi penerimaan barang-barang dari pembekal di stor pusat/utama, Borang Terimaan Barang-Barang (BTB) KEW.PS-1 disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah
- Semua harta modal dan inventori didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan
- Semua harta modal dan inventori didaftarkan dengan lengkap
- Pengesahan pendaftaran telah dibuat ke atas punca maklumat
- Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Aset diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia
- Semua aset ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul

4.5.7.1. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset

Semakan Audit mendapati peraturan mengenai penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset tidak dipatuhi di semua DOF Negeri kecuali Sarawak dan di peringkat DOF Ibu Pejabat. Penambahbaikan perlu diambil antaranya pemeriksaan ke atas semua aset perlu dijalankan sekurang-kurangnya sekali setahun dan Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Inventori (KEW.PA-11) juga hendaklah disediakan dengan lengkap oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik untuk dikemukakan kepada Ketua Jabatan. Bagi aset yang rosak, aduan perlu dibuat menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9) dan tindakan susulan juga perlu diambil terhadap aset tersebut. Manakala, aset yang memerlukan penyenggaraan berjadual perlu disenaraikan dalam KEW.PA-13 dan program penyenggaraan disediakan supaya penyenggaraan aset dapat dilaksanakan mengikut jadual dan seterusnya merekodkan penyenggaraan yang dibuat dalam Daftar Penyenggaraan (KEW.PA-14). Penambahbaikan juga perlu dilakukan terhadap pengurusan stor di mana Pegawai Stor hendaklah melaksanakan pengiraan stok secara terus

menerus sepanjang tahun dan mengemas kini KEW.PS-4. Pemeriksa Stor yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pemeriksaan stok. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset adalah seperti **Jadual 4.14** dan **4.15**.

JADUAL 4.14
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGUNAAN, PENYIMPANAN DAN PEMERIKSAAN ASET								
	PENGUNAAN				PENYIMPANAN		PEMERIKSAAN ASET		
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓
Kedah	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pulau Pinang	X	X	X	✓	✓	✓	X	X	✓
Perak	X	✓	X	X	X	X	✓	✓	✓
Selangor	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Negeri Sembilan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
Melaka	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	TB	TB	X	✓	✓	✓	✓	✓
Pahang	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X
Terengganu	X	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓
Kelantan	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	X	X
Sarawak	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Aset yang dibeli digunakan
- Kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset (KEW.PA-9).
- Tindakan susulan diambil terhadap aset yang rosak
- Pengeluaran barang-barang stor adalah teratur
- Aset dan barang-barang stor yang sangat menarik/bernilai tinggi disimpan di tempat yang berasingan
- Tempat menyimpan aset dan barang-barang stor yang sangat menarik/bernilai tinggi mempunyai kawalan keselamatan yang lebih ketat
- Semua aset diperiksa sekurang-kurangnya 1 kali setahun
- Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) yang lengkap disediakan oleh Pegawai Pemeriksa
- Laporan Pemeriksaan Harta Modal (KEW.PA-10) dan Laporan Pemeriksaan Inventori (KEW.PA-11) dikemukakan kepada Ketua Jabatan

JADUAL 4.15
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGUNAAN, PENYIMPANAN DAN PEMERIKSAAN ASET								
	PENGIRAAN STOK		PEMERIKSAAN STOK			PENYENGKARAAN			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	X	X
Kedah	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	✓
Pulau Pinang	X	X	✓	X	X	X	X	X	X
Perak	X	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGUNAAN, PENYIMPANAN DAN PEMERIKSAAN ASET								
	PENGIRAAN STOK		PEMERIKSAAN STOK			PENYENGKARAAN			
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Selangor	✓	✓	X	✓	✓	X	X	X	X
Negeri Sembilan	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
Johor	X	X	X	✓	X	X	X	X	X
Pahang	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
Terengganu	X	X	X	✓	✓	X	X	X	X
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
Sarawak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi

- Pengiraan stok dilaksanakan di stor utama dan stor unit secara terus menerus sepanjang tahun apabila berlaku transaksi penerimaan dan pengeluaran
- Pegawai Stor melaksanakan pengiraan stok, mengemas kini kad petak (KEW.PS-4), membuat satu garisan merah dan menurunkan tandatangan serta tarikh pada akhir transaksi Kad Petak semasa pengiraan stok dijalankan
- Pemeriksaan stok dilaksanakan oleh pegawai yang dilantik Ketua Jabatan secara bertulis
- Pemeriksaan dilaksanakan di Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun kewangan yang diaudit
- Satu garisan merah dibuat pada akhir transaksi di kad kawalan stok dan ditandatangani dan ditarikahkan oleh Pegawai Pemeriksa
- Senarai Aset Yang Memerlukan Penyenggaraan (KEW.PA-13) dikenal pasti dan disenaraikan
- Program Penyenggaraan disediakan (Penyenggaraan Pencegahan)
- Program Penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan
- Penyenggaraan yang dilaksanakan (penyenggaraan pencegahan dan pembaikan) direkodkan dalam Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14) atau Rekod Penyenggaraan Aset Alih Bernilai Rendah [KEW.PA-14(A)]

4.5.7.2. Pengurusan Pelupusan, Kehilangan Dan Hapus Kira

a. Pelupusan

Semakan Audit mendapati pelupusan aset dan stok telah dilaksanakan di DOF Ibu Pejabat dan 7 DOF Negeri. Manakala, tiada pelupusan aset dan stok dilaksanakan pada tahun 2014 di DOF Negeri Perlis, Kedah, Perak, Johor, Terengganu dan W.P. Labuan. Bagi 3 DOF Negeri iaitu Melaka, Pahang dan Kelantan didapati prosedur pelupusan adalah teratur. Manakala, DOF Ibu Pejabat dan 4 DOF Negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak didapati gagal mematuhi prosedur pelupusan yang ditetapkan antaranya Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Alih tidak dilantik; aset yang hendak dilupuskan tidak disenaraikan dalam borang Laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17); pemeriksaan aset tidak dijalankan dalam tempoh satu bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan; Laporan KEW.PA-17 tidak ditandatangani oleh Lembaga Pemeriksa dan pelupusan tidak dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan bagi pelupusan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 4.16
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOK

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PELUPUSAN				
	a	B	c	d	e
Ibu Pejabat	X	X	X	X	✓
Pulau Pinang	X	X	✓	X	TB
Selangor	✓	✓	X	✓	TB
Negeri Sembilan	X	X	✓	✓	✓
Melaka	✓	✓	✓	✓	TB
Pahang	✓	X	✓	✓	✓
Kelantan	✓	✓	✓	✓	✓
Sarawak	✓	X	✓	✓	X

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- (*) - *Tiada pelupusan aset dan stok dilaksanakan pada tahun 2014 di DOF Negeri Perlis, Kedah, Perak, Johor, Terengganu dan W.P. Labuan*
- Pelantikan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Aset Alih adalah teratur bagi aset dan stok yang dilupuskan*
 - Aset yang perlu dilupuskan telah disenaraikan di dalam Borang KEW.PA-17*
 - Pemeriksaan aset dijalankan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan*
 - Lembaga Pemeriksa menandatangani laporan Lembaga Pemeriksa (KEW.PA-17)*
 - Pelupusan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan (sehingga 2 Julai 2014) dan 6 bulan (mulai 3 Julai 2014) selepas mendapat kelulusan*

b. Kehilangan Dan Hapus Kira


Adalah didapati pada tahun 2014 berlaku kes kehilangan aset di DOF Negeri Pulau Pinang dan Selangor. Penambahbaikan perlu dilakukan terhadap pengurusan kehilangan dan hapus kira di 2 DOF Negeri tersebut iaitu melaporkan kehilangan dengan serta merta kepada Ketua Jabatan dan Polis; menyediakan Laporan Awal dan mengemukakan laporan berkenaan bersama salinan laporan Polis kepada Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 hari bekerja dan menjalankan penyiasatan dalam tempoh yang ditetapkan.

4.5.8. Pengurusan Kenderaan

Pengurusan Kenderaan di DOF secara keseluruhannya hanya mencapai tahap **memuaskan (59.09%)**. Analisis selanjutnya mendapati DOF Ibu Pejabat dan DOF W.P. Labuan berjaya mencapai tahap sangat baik, DOF Negeri Kelantan mencapai tahap baik, 6 DOF Negeri di tahap memuaskan manakala 5 DOF Negeri berada pada tahap tidak memuaskan. Tahap pencapaian setiap DOF berkaitan dengan Pengurusan Kenderaan adalah seperti **Carta 4.9**. Tindakan penambahbaikan perlu diambil oleh DOF Negeri terutamanya dalam kawalan penggunaan kenderaan. Semakan Audit mendapati kenderaan Jabatan digunakan tanpa kelulusan; Buku Log kenderaan Jabatan tidak diselenggarakan dengan lengkap; saman tertunggak masih belum dijelaskan dan peringatan bertulis tidak diberikan kepada pegawai yang bertanggungjawab oleh Ketua Jabatan. Bagi kawalan Kad Inden Minyak, didapati penekanan perlu diberikan kepada semua DOF Negeri. Kad Inden Minyak sepatutnya disimpan oleh Pegawai Kenderaan dan Buku Rekod Pergerakan Kad

Inden perlu diisi dengan lengkap dan kemas kini serta diperiksa oleh Ketua Jabatan. Selain itu, penyata pembelian/penyata kad perlu disemak dengan salinan resit dan disahkan oleh Pemegang Kad sebelum bayaran dilakukan. Manakala, bagi kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) dan *SmartTag*, DOF Negeri perlu mendaftarkan *SmartTag* sebagai inventori Kerajaan; Buku Rekod Pergerakan Dan Penggunaan KSBTTR perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, semakan perlu dibuat terhadap penyata penggunaan KSBTTR yang diterima daripada syarikat pembekal KSBTTR. Bagi kawalan penyenggaraan kenderaan, didapati DOF Negeri tidak menyenggara kenderaan secara berjadual dan pelaksanaan penyenggaraan juga tidak direkodkan dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14). Kedudukan pematuan terhadap peraturan kewangan bagi aspek utama Pengurusan Kenderaan Jabatan adalah seperti **Jadual 4.17** dan **4.18**.

CARTA 4.9
KEDUDUKAN PENCAPAIAN JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERKAITAN PENGURUSAN KENDERAAN



JADUAL 4.17
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN KENDERAAN

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA	PENGUNAAN KENDERAAN JABATAN							
	PEGAWAI KENDERAAN				KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN			
	a	b	c	d	e	f	g	h
Ibu Pejabat	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	X
Kedah	✓	TB	✓	✓	X	X	X	X
Pulau Pinang	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	X
Perak	✓	TB	✓	X	✓	X	X	✓
Selangor	X	TB	✓	✓	X	X	✓	X
Negeri Sembilan	✓	TB	X	✓	✓	X	X	TB
Melaka	✓	TB	✓	✓	✓	X	✓	X

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGUNAAN KENDERAAN JABATAN							
	PEGAWAI KENDERAAN				KAWALAN PENGGUNAAN KENDERAAN			
	a	b	c	d	e	f	g	h
Johor	X	TB	✓	X	X	X	✓	X
Pahang	✓	TB	X	X	X	X	X	X
Terengganu	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Kelantan	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	X
Sarawak	X	TB	✓	X	X	X	X	TB
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkenaan

- Pegawai yang menjaga kenderaan (Pegawai Kenderaan) dilantik/dinyatakan dalam senarai tugas
- Pemeriksaan bagi kenderaan yang baru diterima dibuat oleh waksyop Kerajaan
- Kenderaan Kerajaan kecuali kereta rasmi jawatan mempamerkan nama/logo Kementerian/Jabatan
- Semua set kunci disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa semasa kenderaan tidak digunakan
- Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Kenderaan
- Buku log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Salinan asal butir-butir penggunaan kenderaan disimpan di pejabat
- Penyelesaian saman tertunggak diberi peringatan bertulis oleh Ketua Jabatan

JADUAL 4.18
KEDUDUKAN PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
BERKAITAN PENGURUSAN KENDERAAN

JABATAN PERIKATAN MALAYSIA	PENGUNAAN KENDERAAN JABATAN							PENYENGGARAAN KENDERAAN	
	KAD INDEN				KSBTTR & SMARTTAG				
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Ibu Pejabat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perlis	✓	X	X	X	X	X	X	✓	X
Kedah	✓	X	X	X	X	✓	X	X	✓
Pulau Pinang	X	X	X	X	X	✓	X	X	X
Perak	X	X	X	✓	✓	X	X	✓	✓
Selangor	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Negeri Sembilan	✓	X	✓	X	X	X	X	✓	X
Melaka	✓	X	X	X	X	X	X	✓	✓
Johor	X	X	X	X	X	X	X	X	X
Pahang	X	X	X	X	TB	TB	TB	X	X
Terengganu	X	X	X	X	X	X	X	X	✓
Kelantan	✓	X	X	X	✓	X	X	X	✓
Sarawak	X	X	X	X	X	X	X	✓	✓
W.P. Labuan	✓	✓	✓	✓	TB	TB	TB	✓	✓

Nota: ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkenaan

- Kad Inden disimpan oleh Pegawai Kenderaan (pemegang kad) setiap masa (kecuali Kad Inden Pegawai gred JUSA C dan ke atas) melainkan ada keperluan mengisi minyak
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa
- Penyata Pembelian/Penyata Kad disemak silang dengan salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan
- SmartTag direkodkan sebagai inventori Kerajaan
- Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diselenggarakan oleh Pegawai Kenderaan dan pemandu dengan lengkap
- Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada syarikat pembekal KSBTTR dan semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan
- Semua kenderaan Kerajaan disenggara secara berjadual mengikut Manual Pengguna
- Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14)

4.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan DOF berada pada tahap baik. Tindakan penambahbaikan perlu diambil terutama terhadap kawalan perolehan; pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan. Sehubungan itu, adalah disyorkan DOF memberi pertimbangan sewajarnya terhadap perkara berikut:

- 4.6.1. Ketua Jabatan perlu memastikan pengurusan kewangan dibuat mengikut pekeliling dan peraturan kewangan yang berkaitan dan memastikan peraturan tersebut dipatuhi;
- 4.6.2. memastikan peraturan perolehan terutama sekali yang melibatkan unsur pecah kecil sebut harga, kajian pasaran, pelaksanaan *Integrity Pact* dan klausa pencegahan rasuah dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya. Sebarang ketidakaturan serius hendaklah disiasat dengan menyeluruh;
- 4.6.3. penyeliaan yang lebih rapi dan latihan yang mencukupi diberikan kepada semua pegawai terutamanya pegawai yang terlibat dalam pengurusan perolehan, aset dan stor serta kenderaan Jabatan;
- 4.6.4. memastikan semua aset didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini serta pemeriksaan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun terhadap keseluruhan aset dan stor. Ini adalah supaya kedudukan aset dilaporkan dengan tepat dan betul ke arah pelaksanaan perakaunan asas akruan; dan
- 4.6.5. penyelenggaraan dokumen dan daftar berkaitan pengurusan kewangan perlu diperkemas dalam memastikan rekod sentiasa lengkap dan kemas kini.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5. PENGURUSAN KEWANGAN INDEKS AKAUNTABILITI HOSPITAL-HOSPITAL UTAMA NEGERI

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Pada masa kini Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) mempunyai 137 hospital yang beroperasi di seluruh negara. Hospital-hospital ini adalah merupakan pusat tanggungjawab di bawah Kementerian yang diketuai oleh Pengarah Hospital Gred JUSA B/C dan dibantu oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Perubatan, Klinikal dan lain-lain. Antara bahagian utama di hospital adalah bahagian pentadbiran; sumber manusia; kewangan; farmasi serta bekalan dan aset. Bagi tujuan pengauditan pengurusan kewangan indeks akauntabiliti tahun 2014, sebanyak 14 hospital-hospital utama (hospital) di setiap negeri telah diaudit seperti jadual berikut:

JADUAL 5.1
SENARAI HOSPITAL-HOSPITAL UTAMA NEGERI YANG DIAUDIT

BIL.	NEGERI	HOSPITAL
1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Hospital Kuala Lumpur (HKL)
2	Perlis	Hospital Tuanku Fauziah (HTF)
3	Kedah	Hospital Sultanah Bahiyah (HSB)
4	Pulau Pinang	Hospital Pulau Pinang (HPP)
5	Perak	Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB)
6	Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)
7	Melaka	Hospital Melaka (HM)
8	Negeri Sembilan	Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ)
9	Johor	Hospital Sultanah Aminah (HSA)
10	Pahang	Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)
11	Terengganu	Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ)
12	Kelantan	Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ)
13	Sarawak	Hospital Umum Kuching (HUK)
14	Sabah	Hospital Queen Elizabeth (HQE)

5.1.2. Peruntukan mengurus dan pembangunan hospital disalurkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) kecuali Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kategori 1. Pada tahun 2014, peruntukan mengurus bagi 14 hospital adalah berjumlah RM5.724 billion dan bilangan pegawai dan kakitangan hospital adalah seramai 1,995 hingga 10,194 orang manakala bilangan katil antara 404 hingga 2,172 katil.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan hospital, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

- 5.2.1. wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- 5.2.2. wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan bajet, pungutan hasil, perbelanjaan, pengurusan perolehan, amanah/deposit, aset dan stor serta kenderaan kerajaan;
- 5.2.3. segala akaun dan rekod yang berkaitan disenggarakan dengan sepatutnya dan tepat serta lengkap dan kemas kini; dan
- 5.2.4. peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 serta mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkaitan dengan wang atau simpanan telah dipatuhi.

5.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di 14 hospital utama negeri termasuk HKL dengan memberi tumpuan terhadap 8 elemen kawalan iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan. Semakan Audit dilakukan terhadap transaksi kewangan di hospital tersebut untuk tempoh transaksi bulan Januari hingga Disember 2014.

5.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di 14 hospital utama negeri. Pengauditan ini dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara di negeri masing-masing kecuali bagi HKL telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara, Cawangan Audit Kesihatan. Temu bual juga telah dilakukan dengan pegawai yang bertanggungjawab bagi setiap elemen kawalan pengurusan kewangan. Temu bual tersebut bertujuan untuk mendapatkan maklumat serta mengesahkan maklumat yang diperolehi. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga telah dilakukan terhadap aset yang dimiliki dan di bawah kawalan setiap hospital yang diaudit. Sesi *Exit Conference* telah diadakan antara Pengarah Audit Negeri dengan Pengarah Hospital di negeri-negeri yang terlibat. Manakala bagi HKL sesi *Exit Conference* diadakan di antara Pengarah Sektor Audit Persekutuan dengan Pengarah HKL dan rumusan penemuan pengauditan juga telah dibentangkan kepada Ketua Setiausaha Kementerian pada 13 Mei 2015.

5.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Mac 2015 mendapati **pada keseluruhannya prestasi pengurusan kewangan hospital utama negeri bagi tahun 2014 berada pada tahap baik (87.6%)**. HKL, HQE, HRPZ dan HRPB mencatatkan prestasi pengurusan kewangan pada tahap sangat baik, manakala 10 hospital lain berada pada tahap baik. Analisis prestasi pengurusan kewangan hospital secara keseluruhannya adalah seperti **Jadual 5.2** dan **Carta 5.1**. Tahap prestasi mengikut tiap-tiap elemen kawalan menunjukkan Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan dan Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit berada pada tahap cemerlang, manakala Kawalan Pengurusan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Aset Dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan adalah pada tahap baik.

JADUAL 5.2
TAHAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN SECARA KESELURUHAN
HOSPITAL-HOSPITAL UTAMA NEGERI BAGI TAHUN 2014


HOSPITAL UTAMA NEGERI	TAHAP PRESTASI ELEMEN PENGURUSAN KEWANGAN								
	a	b	c	d	e	f	g	h	KESELURUHAN
Hospital Kuala Lumpur (HKL)	SB	SB	SB	SB	SB	SB	SB	SB	SB (97.92%)
Hospital Tuanku Fauziah (HTF)	B	TB	SB	B	SB	B	B	B	B (85.96%)
Hospital Sultanah Bahiyah (HSB)	B	TB	SB	SB	SB	SB	B	B	B (88.79%)
Hospital Pulau Pinang (HPP)	B	TB	SB	SB	SB	SB	B	B	B (89.81%)
Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB)	B	TB	SB	SB	SB	B	SB	B	SB (90.16%)
Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR)	B	TB	SB	B	SB	SB	B	B	B (89.81%)
Hospital Melaka (HM)	B	TB	B	SB	SB	B	SB	B	B (89.49%)
Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ)	B	TB	B	M	SB	B	M	B	B (78.17%)
Hospital Sultanah Aminah (HSA)	SB	TB	B	B	B	B	B	M	B (75.97%)
Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)	SB	TB	SB	SB	SB	SB	M	M	B (88.14%)
Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ)	B	TB	SB	B	SB	SB	M	M	B (80.47%)
Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ)	SB	TB	SB	SB	SB	SB	SB	B	SB (95.00%)
Hospital Umum Kuching (HUK)	B	TB	B	SB	SB	SB	TM	B	B (81.87%)
Hospital Queen Elizabeth (HQE)	SB	TB	SB	SB	SB	SB	SB	B	SB (95.45%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN ELEMEN	B (88.2%)	C (100%)	C (92.9%)	B (89.8%)	C (94.6%)	C (93.0%)	B (80.9%)	B (76.3%)	B (87.6%)
TAHAP PRESTASI KESELURUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI									

Nota :

- a. Kawalan Pengurusan
- b. Kawalan Bajet
- c. Kawalan Terimaan
- d. Kawalan Perolehan
- e. Kawalan Perbelanjaan
- f. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit
- g. Pengurusan Aset Dan Stor
- h. Pengurusan Kenderaan

- Tahap Prestasi:**
- SB - Sangat Baik
 - B - Baik
 - M - Memuaskan
 - TM - Tidak Memuaskan
 - TB - Tidak Berkenaan


CARTA 5.1
KEDUDUKAN PENCAPAIAN PRESTASI KEWANGAN
HOSPITAL-HOSPITAL UTAMA NEGERI



5.5.1. Kawalan Pengurusan

- a. Secara keseluruhannya, semakan Audit mendapati kawalan pengurusan di hospital utama negeri berada pada tahap baik (88.2%). Sebanyak **5 hospital telah berjaya mencapai tahap cemerlang iaitu HQE, HTAA, HRPZ, HKL dan HSA**. Manakala baki 9 hospital lagi mencapai tahap baik. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.2
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN KAWALAN PENGURUSAN



- b. Didapati beberapa penambahbaikan perlu dibuat khususnya berkenaan dengan penyediaan carta organisasi; penurunan kuasa secara khusus kepada pegawai; pemeriksaan dalaman (AP308) dan pemeriksaan mengejut (AP309); pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA); pelaksanaan pusingan tugas serta latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan. Ringkasan kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi indikator utama kawalan pengurusan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.3
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP
PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN KAWALAN PENGURUSAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	STRUKTUR ORGANISASI		SISTEM DAN PROSEDUR KERJA					JAWATANKUASA DAN UNIT AUDIT DALAM	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	
	a	b	c	d	e	f	g		i	j
HKL	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
HTF	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	✓	✓
HSB	✓	✓	X	X	X	✓	X	X	X	X
HPP	✓	✓	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓
HRPB	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	X	✓
HTAR	✓	✓	X	X	X	✓	✓	X	✓	X
HM	X	✓	X	X	X	X	X	X	X	X
HTJ	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	X
HSA	X	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
HTAA	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓

HOSPITAL UTAMA NEGERI	STRUKTUR ORGANISASI		SISTEM DAN PROSEDUR KERJA					JAWATANKUASA DAN UNIT AUDIT DALAM	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	
	a	b	c	d	e	f	g		i	j
HSNZ	X	✓	X	X	X	X	X	X	✓	X
HRPZ	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
HUK	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	X	X
HQE	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓

Nota : ☒ - Mematuhi ☐ - Tidak Mematuhi

- Carta organisasi dipamerkan lengkap dan kemas kini
- Semua pegawai terlibat dengan pengurusan kewangan diberikan kuasa/dilantik secara bertulis
- Pemeriksaan dalaman (AP308) dijalankan oleh Ketua Jabatan atau wakil yang dilantik
- Pemeriksaan dalaman (AP308) dijalankan terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam
- Pemeriksaan dalaman (AP308) direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut
- Pemeriksaan mengejut (AP309) dijalankan oleh Ketua Jabatan
- Pemeriksaan mengejut (AP309) dijalankan sekurang-kurangnya setiap enam bulan sekali
- Mesyuarat JPKA membincang perkara ditetapkan mengikut pekeliling
- Pusingan tugas dilaksanakan
- Setiap pegawai dilatih sekurang-kurangnya 7 hari dalam setahun


5.5.2. Kawalan Bajet

- Bajet adalah mekanisme yang digunakan oleh organisasi bagi mengenal pasti keperluan sumber kewangan dan peruntukan yang diterima bagi melaksanakan program dan aktiviti dengan berhemat. Kawalan Bajet menekankan pengurusan pengagihan serta mengakaunkan peruntukan yang diterima supaya peruntukan tahunan organisasi diurus dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan.
- Semakan Audit mendapati pengurusan bajet di 13 hospital utama negeri bagi indikator penyediaan kerangka keberhasilan dan pindah peruntukan di bawah Objek Am 10000 dan Dasar Baru/One-Off/Sedia ada adalah di bawah tanggungjawab JKN masing-masing kecuali bagi HKL di bawah tanggungjawab Ketua Aktiviti/Program di Kementerian. Adalah didapati pada tahun 2014 tiada pindah peruntukan di HKL bagi Objek Am 10000 dan Dasar Baru/One-Off/Sedia Ada.

5.5.3. Kawalan Terimaan

- Kawalan terimaan adalah untuk memastikan penerimaan, pungutan, perbankan wang dan cek dilaksanakan mengikut peraturan kewangan dan Arahan Perbendaharaan (AP) yang berkaitan. Semakan Audit mendapati kawalan terimaan di 14 hospital utama negeri secara keseluruhannya berada pada tahap sangat baik (92.9%) iaitu 10 hospital mencapai tahap pematuhan sangat baik manakala 4 lagi hospital mencapai tahap baik. Pencapaian mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.3
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN KAWALAN TERIMAAN



- b. Semakan terhadap indikator utama kawalan terimaan iaitu Kawalan Borang Hasil, Penerimaan Wang, Kemasukan Pungutan Ke Bank, Perakaunan Terimaan/Hasil dan Akaun Belum Terima mendapati beberapa penambahbaikan perlu dibuat seperti borang hasil yang diterima dan dikeluarkan daripada stok hendaklah disemak ketepatan dan keutuhannya; resit hendaklah dikeluarkan pada hari yang sama; pungutan dimasukkan ke bank dan penyata pemungut disediakan dengan segera serta cek tak laku diganti dengan segera dan laporan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal mengikut tempoh yang ditetapkan. Ringkasan pematuhan bagi kawalan terimaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.4
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP
PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN KAWALAN TERIMAAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	KAWALAN BORANG HASIL		PENERIMAAN WANG				KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK		PERAKAUNAN TERIMAAN/HASIL		AKAUN BELUM TERIMA
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	
HKL	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HTF	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
HSB	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
HPP	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	✓
HRPB	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB	✓
HTAR	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
HM	X	TB	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	X
HTJ	✓	X	✓	✓	✓	X	X	X	✓	TB	✓
HSA	X	X	X	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB	X
HTAA	X	X	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X

HOSPITAL UTAMA NEGERI	KAWALAN BORANG HASIL		PENERIMAAN WANG				KEMASUKAN PUNGUTAN KE BANK		PERAKAUNAN TERIMAAN/HASIL		AKAUN BELUM TERIMA
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
HSNZ	X	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	TB	✓
HRPZ	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	TB	✓
HUK	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
HQE	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	TB	TB	✓


Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Borang hasil yang diterima telah disemak dan diperakui betul tentang ketepatan nombor sirinya
- Borang hasil yang dikeluarkan daripada stok disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pemungut atau wakilnya untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh
- Pengasingan tugas untuk terimaan diwujudkan
- Ciri-ciri keselamatan wujud di ruang tempat kasyer membuat kutipan hasil
- Ciri-ciri keselamatan wujud bagi kutipan yang dibuat secara mesin beresit/secara elektronik
- Resit dikeluarkan pada hari yang sama bagi terimaan melalui mel
- Pungutan telah dimasukkan dengan segera dan diakui terima oleh bank
- Penyata Pemungut disediakan tanpa kelewatan
- Cek tak laku telah diganti atau telah diambil tindakan untuk mendapatkan amaun gantian cek dengan segera
- Senarai cek tak laku yang belum diganti disediakan dan dihantar kepada Pegawai Pengawal pada akhir tahun
- Akaun Belum Terima dilaporkan dengan tepat

5.5.4. Pengurusan Perolehan

- Prestasi kawalan perolehan di hospital utama negeri secara keseluruhannya adalah pada tahap baik (89.8%). Sebanyak 9 hospital berjaya mencapai tahap sangat baik dan 4 hospital mencapai tahap baik. Bagaimanapun, **HTJ hanya mencapai tahap memuaskan**. Pencapaian kawalan perolehan mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.4
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN PENGURUSAN PEROLEHAN



- b. Penemuan Audit mendapati beberapa indikator pengurusan perolehan perlu ditambahbaik khususnya berkenaan pendaftaran perolehan di dalam GPIS, pematuhan terhadap had perolehan yang ditetapkan dan penyelenggaraan daftar/rekod bayaran kontrak. Ringkasan kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi indikator utama pengurusan perolehan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.5
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP
PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	KAWALAN AM PEROLEHAN		GOVERNMENT PROCUREMENT INFORMATION SYSTEM (GPIS)			PEMBELIAN TERUS	SEBUTHARGA MELEBIHI RM50,000 HINGGA RM500,000				PENGURUSAN KONTRAK		
	a	b	c	d	e		g	h	i	j	k	l	m
HKL	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
HTF	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓
HSB	✓	TB	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
HPP	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	X
HRPB	X	TB	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓
HTAR	X	TB	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	X	X
HM	✓	TB	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
HTJ	X	TB	X	X	X	X	X	✓	X	✓	✓	X	✓
HSA	X	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓
HTAA	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
HSNZ	X	TB	X	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
HRPZ	X	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓
HUK	✓	TB	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
HQE	✓	TB	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓


Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- a. Jadual Umum disediakan untuk semua urusan tender/sebut harga yang hendak dilaksanakan
- b. Jadual Pelaksanaan Khusus untuk setiap tender/sebut harga disediakan
- c. Semua kategori perolehan telah didaftarkan di dalam GPIS
- d. Penyelia dilantik di peringkat Kementerian/Jabatan/PTJ untuk memantau GPIS
- e. Laporan Perolehan dikemukakan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun mengikut tempoh yang ditetapkan
- f. Pembelian terus dibuat bagi bekalan setiap jenis item/perkhidmatan tidak melebihi RM20,000 setahun
- g. Perolehan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dibuat dengan mempelawa sebut harga
- h. Sebut harga dibuat dengan mempelawa sekurang-kurangnya lima (5) pembekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia
- i. Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan Sebut Harga
- j. Pelaksanaan Integrity Pact dipatuhi
- k. Semua kontrak didaftarkan
- l. Daftar/Rekod pembayaran kontrak diselenggarakan untuk rujukan dan pemantauan bayaran
- m. Kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh keluar Surat Setuju Terima

5.5.5. Kawalan Perbelanjaan

- a. Kawalan perbelanjaan yang baik antara lainnya bertujuan untuk memastikan perbelanjaan diuruskan secara telus dan berhemat; perolehan dibuat mengikut peraturan serta rekod perbelanjaan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan baik. Prestasi kawalan perbelanjaan hospital utama negeri secara keseluruhannya adalah pada tahap sangat baik (94.6%). Analisis selanjutnya mendapati 13 hospital berjaya mencapai tahap cemerlang kecuali **HSA** mencapai tahap baik. Pencapaian kawalan perbelanjaan mengikut negeri adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.5
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN KAWALAN PERBELANJAAN



- b. Adalah didapati beberapa indikator utama kawalan perbelanjaan masih perlu ditambahbaik khususnya berkenaan pemeriksaan buku vot, daftar bil dan Laporan BP21; penetapan had kuasa berbelanja; pematuhan terhadap peraturan kewangan seperti pembekalan barangan mengikut tempoh yang ditetapkan dan panjar wang runcit digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan sahaja. Ringkasan kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi indikator utama kawalan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.6
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP
PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN KAWALAN PERBELANJAAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	PERAKAUNAN	PENGURUSAN BAYARAN							
		HAD KUASA	PENGASINGAN TUGAS	DAFTAR BIL		KAWALAN DALAMAN PROSES BAYARAN	BAYARAN PUKAL		PANJAR WANG RUNCIT
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
HKL	X	X	✓	✓	X	✓	X	✓	✓
HTF	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	TB	✓
HSB	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	TB	✓
HPP	✓	✓	X	X	X	✓	✓	TB	✓
HRPB	✓	✓	X	X	X	✓	✓	TB	✓
HTAR	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	TB	✓
HM	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	TB	X
HTJ	X	X	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓
HSA	X	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	✓
HTAA	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HSNZ	X	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓
HRPZ	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	TB	✓
HUK	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	✓
HQE	X	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓


Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- Buku Vot hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh penyelia
- Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem adalah selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan
- Pengasingan tugas untuk bayaran diwujudkan
- Daftar Bil diselenggara dengan kemas kini
- Daftar Bil dicetak dan disemak oleh pegawai bertanggungjawab sekurang-kurangnya sekali sebulan dan ditandatangani ringkas
- Peraturan kewangan dipatuhi
- Terdapat bukti Laporan BP21 disemak dengan bil asal
- Tindakan pembetulan diambil ke atas kesilapan/perbezaan antara Laporan BP21 dengan bil.
- Wang Panjar digunakan untuk tujuan pembayaran kecil yang segera dan perbelanjaan runcit

5.5.6. Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit

- Secara umumnya, prestasi Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit adalah berada pada tahap sangat baik (93%). Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan dan juga pencapaian hospital utama negeri bagi aspek Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.6
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI BERKAITAN
PENGURUSAN AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT



- b. Adalah didapati hospital-hospital utama negeri telah mengemukakan Penyata Terimaan Dan Bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan dan deposit telah diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima serta berbaki kredit. Bagaimanapun, terdapat beberapa kriteria yang tidak dipatuhi dan perlu diperbetulkan iaitu baki deposit dalam daftar/rekod kecil hendaklah sama dengan akaun utama deposit, deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan diwartakan dan deposit dikreditkan ke akaun hasil sekiranya tidak dituntut selepas 3 bulan diwartakan. Kedudukan pematuhan terhadap kriteria semakan berkaitan pengurusan akaun amanah/kumpulan wang amanah dan deposit adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.7
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP
PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN AKAUN
AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH DAN DEPOSIT

HOSPITAL UTAMA NEGERI	AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH	DEPOSIT AM								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
HKL	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HTF	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	X	X
HSB	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB	TB
HPP	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HRPB	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X
HTAR	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HM	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	X	X	X
HTJ	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	TB	TB
HSA	✓	✓	X	X	X	X	✓	✓	X	X
HTAA	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	TB	TB

HOSPITAL UTAMA NEGERI	AKAUN AMANAH/KUMPULAN WANG AMANAH	DEPOSIT AM								
		a	b	c	d	e	f	g	h	i
HSNZ	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	TB	TB
HRPZ	✓	✓	TB	TB	✓	✓	✓	✓	TB	TB
HUK	✓	X	TB	TB	✓	X	X	✓	✓	✓
HQE	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	TB	TB

Nota : ✓ - Mematuhi

X - Tidak Mematuhi


TB - Tidak Berkenaan

- Penyata Terimaan Dan Bayaran (PTB) dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara mengikut Surat Arahan Akaun Amanah/Surat Ikatan Amanah sebelum atau pada 31 Mac tahun kewangan berikutnya
- Deposit hendaklah diakaunkan mengikut jenis deposit yang diterima
- Daftar/Rekod kecil diselenggarakan sekiranya banyak bilangan deposit yang sama jenisnya
- Baki dalam daftar/rekod kecil hendaklah bersamaan dengan Akaun Utama Deposit bagi setiap bulan
- Akaun deposit individu berbaki kredit
- Senarai baki pendeposit bagi tahun berakhir 31 Disember dihantar kepada Jabatan Akauntan Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun kewangan berikutnya
- Senarai baki pendeposit bagi tahun berakhir 31 Disember dihantar kepada Jabatan Audit Negara pada atau sebelum 31 Mac tahun kewangan berikutnya
- Bayaran balik deposit mengikut peraturan yang ditetapkan
- Deposit yang tidak dituntut melebihi 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan (serta tidak diperlukan) diwartakan
- Deposit yang tidak dituntut 3 bulan selepas diwartakan dikredit ke akaun hasil

5.5.7. Pengurusan Aset Dan Stor

- Pengurusan aset dan stor di hospital utama negeri secara keseluruhannya berada pada tahap baik (80.9%). Sebanyak 5 hospital iaitu **HRPB, HKL, HQE, HRPZ dan HM** mencapai tahap sangat baik dan 5 hospital mencapai tahap baik, 3 hospital hanya mencapai tahap memuaskan iaitu **HSNZ, HTAA dan HTJ** manakala **HUK** mendapat markah terendah iaitu **49.23%**. Tahap pencapaian setiap hospital utama negeri berkaitan dengan pengurusan aset dan stor adalah seperti carta berikut:

CARTA 5.7
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN PENGURUSAN ASET DAN STOR



- b. Semakan Audit terhadap 7 indikator utama kawalan pengurusan aset dan stor iaitu kawalan umum; penerimaan; pendaftaran; penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset; penyenggaraan; pelupusan; kehilangan dan hapus kira mendapati perkara seperti berikut:

i. Kawalan Umum, Penerimaan, Pendaftaran, Pelabelan, Penggunaan Dan Penyimpanan Aset Dan Barang Stor

Beberapa aspek utama pengurusan aset dan stor masih perlu dibuat penambahbaikan khususnya berkenaan dengan pendaftaran harta modal, pelabelan aset, penggunaan dan penyimpanan aset dan barang-barang stor. Ringkasan kedudukan pematuhan peraturan kewangan berkaitan kawalan umum, penerimaan, pendaftaran, pelabelan, penggunaan dan penyimpanan aset dan barang stor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.8
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN DENGAN KAWALAN UMUM, PENERIMAAN, PENDAFTARAN, PELABELAN, PENGGUNAAN DAN PENYIMPANAN ASET DAN BARANG STOR

HOSPITAL UTAMA NEGERI	KAWALAN UMUM		PENERIMAAN		URUSAN PENDAFTARAN			PELABELAN ASET		PENGGUNAAN		PENYIMPANAN	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
HKL	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HTF	✓	✓	X	X	✓	X	X	X	X	X	X	X	✓
HSB	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓
HPP	✓	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HRPB	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓	✓
HTAR	✓	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓	✓	X	✓	✓
HM	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HTJ	✓	✓	X	X	✓	X	X	X	X	✓	X	✓	✓
HSA	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X	X
HTAA	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	✓	✓
HSNZ	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	X	X
HRPZ	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	✓	✓
HUK	✓	✓	X	X	X	X	X	X	X	✓	✓	X	✓
HQE	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota : ☒ - Mematuhi ☐ - Tidak Mematuhi

- Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 bulan
- Mesyuarat JKPAK dipengerusikan oleh pengerusi yang dilantik mengikut Pekeliling
- Setiap PTJ mempunyai Pegawai Penerima (PP) yang diberi tanggungjawab untuk menerima dan mengesahkan aset/barang-barang stor yang diterima.
- Bagi penerimaan barang-barang dari pembekal di Stor Pusat/Utama, Borang Terimaan Barang-barang (BTB) KEW.PS-1 disediakan oleh Pegawai Penerima dan diperakukan oleh Pegawai Pengesah.
- Semua harta modal dan inventori hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan
- Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) dan Daftar Inventori (KEW.PA-3) diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4) diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Aset diberi tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia
- Semua aset ditandakan dengan nombor siri pendaftaran yang betul
- Aset yang dibeli digunakan
- Pengeluaran barang-barang stor adalah teratur
- Aset dan barang-barang stor disimpan di tempat yang selamat dan sesuai
- Aset dan barang-barang stor yang sangat menarik/bernilai tinggi disimpan di tempat yang berasingan

ii. Pemeriksaan Aset Dan Stor Serta Pengurusan Kehilangan Dan Hapus Kira

Adalah didapati aset di 6 daripada 14 (42.9%) hospital utama negeri tidak diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun. Selain itu, peraturan berkenaan pengiraan dan pemeriksaan stok tidak dilaksanakan sepenuhnya. Antara ketidakpatuhan yang berlaku adalah pegawai stor tidak melaksanakan pengiraan stok dan tidak mengemas kini Kad Petak (KEW.PS-4), baki fizikal barang-barang stor berbeza dengan baki terakhir di kad petak dan perbezaan baki stok tidak dikemas kini dalam Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan KEW.PS-4. Semakan Audit mendapati berlaku kehilangan aset di 8 hospital dan peraturan berkaitan pengurusan kehilangan tidak dipatuhi di 5 daripada 8 (62.5%) hospital tersebut. Antara peraturan yang tidak dipatuhi adalah pegawai yang bertanggungjawab tidak melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis tidak dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Kedudukan pematuhan terhadap kriteria semakan berkaitan dengan pemeriksaan aset dan stok serta pengurusan kehilangan dan hapus kira adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.9
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA
NEGERI TERHADAP PERATURAN KEWANGAN BERKAITAN
DENGAN PEMERIKSAAN ASET DAN STOR DAN KEHILANGAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	PEMERIKSAAN ASET	PENGIRAAN STOK				PEMERIKSAAN STOK		KEHILANGAN		HAPUS KIRA	
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k
HKL	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	TB
HTF	X	✓	✓	✓	TB	X	X	TB	TB	TB	TB
HSB	✓	✓	✓	✓	TB	X	X	TB	TB	TB	TB
HPP	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	TB
HRPB	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	TB	TB	TB	TB
HTAR	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	X	TB
HM	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	X	TB	TB
HTJ	X	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	X	X
HSA	✓	X	X	X	X	✓	X	X	X	✓	TB
HTAA	✓	X	X	X	X	X	X	TB	TB	TB	TB
HSNZ	X	X	X	X	X	✓	✓	TB	TB	TB	TB
HRPZ	✓	✓	X	✓	TB	X	X	TB	TB	TB	TB
HUK	X	X	X	X	X	✓	✓	X	✓	TB	TB
HQE	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	✓	✓	✓	✓

Nota : ☒ - Mematuhi

☒ - Tidak Mematuhi

☒ - Tidak Berkenaan


- a. Semua aset diperiksa sekurang-kurangnya sekali setahun
- b. Pengiraan stok dilaksanakan di Stor Pusat, Stor Utama dan Stor Unit secara terus menerus sepanjang tahun apabila berlaku transaksi penerimaan dan pengeluaran
- c. Pegawai Stor melaksanakan pengiraan stok, mengemas kini Kad Petak (KEW.PS-4), membuat satu garisan merah, menurunkan tandatangan dan tarikh pada akhir transaksi kad petak semasa pengiraan stok dijalankan
- d. Baki fizikal barang-barang stor adalah sama dengan baki terakhir di kad petak
- e. Perbezaan baki stok dikemas kini dalam Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) dan Kad Petak (KEW.PS-4)
- f. Pemeriksaan dilaksanakan di Stor Pusat dan Stor Utama sekali setahun ke atas semua stok secara 100% mulai 1 Oktober tahun kewangan yang diaudit

- g. Satu garisan merah dibuat pada akhir transaksi di Kad Kawalan Stok dan ditandatangani dan ditarikahkan oleh Pegawai Pemeriksa
- h. Pegawai yang bertanggungjawab melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta
- i. Ketua Jabatan/Pegawai bertanggungjawab membuat Laporan Polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan
- j. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal
- k. Laporan Akhir (KEW.PA-30/Lampiran K) dikemukakan kepada Kuasa Melulus dalam tempoh 2 bulan dari tarikh Laporan Awal dikemukakan

5.5.8. Pengurusan Kenderaan

- a. Secara keseluruhannya, tahap pengurusan kenderaan di hospital utama negeri adalah baik **kecuali di HSA, HSNZ dan HTAA** yang hanya mencapai tahap memuaskan. Pencapaian hospital berkaitan pengurusan kenderaan adalah seperti **Carta 5.8** manakala kedudukan pematuhan terhadap kriteria yang disemak adalah seperti **Jadual 5.10**.

CARTA 5.8
KEDUDUKAN PENCAPAIAN HOSPITAL UTAMA NEGERI
BERKAITAN PENGURUSAN KENDERAAN



- b. Didapati pengurusan rekod berkenaan penggunaan dan penyenggaraan kenderaan serta kawalan kad inden minyak perlu dipertingkatkan supaya kenderaan Kerajaan digunakan hanya untuk tujuan rasmi dan tidak berlaku ketirisan di dalam perbelanjaan. Ringkasan kedudukan pematuhan peraturan kewangan bagi indikator utama pengurusan kenderaan Kerajaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 5.10
KEDUDUKAN PEMATUHAN HOSPITAL UTAMA NEGERI TERHADAP PERATURAN
KEWANGAN BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

HOSPITAL UTAMA NEGERI	PEGAWAI KENDERAAN		PENGUNAAN KENDERAAN			KENDERAAN RASMI JAWATAN (JUSA)		KAWALAN KAD INDEN MINYAK			KAWALAN KAD SISTEM BAYARAN TOL TANPA RESIT (KSBTTR) & SMARTTAG			PENYENGKARAAN KENDERAAN
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m	n
HKL	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
HTF	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	X
HSB	✓	✓	X	X	TB	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	X
HPP	X	X	X	X	TB	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓	X
HRPB	✓	✓	✓	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	✓	✓	X
HTAR	X	✓	✓	X	X	✓	✓	X	✓	✓	X	✓	X	X
HM	X	X	✓	✓	TB	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓	X
HTJ	✓	✓	✓	X	X	✓	✓	X	X	✓	✓	✓	✓	X
HSA	✓	X	✓	X	✓	✓	X	X	X	X	X	X	✓	X
HTAA	X	X	✓	X	X	✓	✓	X	X	X	X	X	✓	✓
HSNZ	✓	✓	X	X	X	X	✓	X	X	X	X	X	✓	X
HRPZ	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓	X
HUK	✓	X	X	X	✓	✓	X	X	X	X	TB	TB	TB	✓
HQE	✓	✓	✓	✓	TB	✓	✓	X	X	X	TB	TB	TB	X

Nota : ☒ - Mematuhi

☒ - Tidak Mematuhi

☒ - Tidak Berkenaan

- Pegawai Kenderaan/Pengangkutan dilantik
- Semua set kunci disimpan oleh Pegawai Kenderaan atau pegawai yang diberi kuasa semasa kenderaan tidak digunakan
- Kenderaan digunakan dengan kelulusan Pegawai Kenderaan
- Buku Log diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Peringatan bertulis dikeluarkan oleh Ketua Jabatan kepada pemandu/pegawai bagi menyelesaikan saman tertunggak
- Kelulusan had penggunaan bahan api adalah betul
- Kad Inden Minyak disimpan oleh Pegawai Kenderaan (pemegang kad) setiap masa (kecuali Kad Inden Pegawai Gred JUSA C dan ke atas) melainkan ada keperluan mengisi minyak
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa
- Penyata Pembelian/Penyata Kad disemak kepada salinan resit dan disahkan oleh pemegang kad sebelum bayaran dilakukan
- Buku Rekod Pergerakan dan Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan jabatan diselenggarakan oleh Pegawai Kenderaan dan pemandu dengan lengkap
- Penyata Penggunaan KSBTTR bagi kenderaan Jabatan diterima daripada pembekal dan semakan dilaksanakan oleh Pegawai Kenderaan
- KSBTTR diguna pakai untuk tujuan rasmi
- Penyenggaraan pencegahan dan pembaikan yang dilaksanakan direkod dalam Buku Log dan Daftar Penyenggaraan Harta Modal (KEW.PA-14)

5.6 SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di hospital-hospital utama negeri berada pada tahap baik. Walaupun begitu, tindakan penambahbaikan adalah perlu terutamanya terhadap pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan. Sehubungan itu, adalah disyorkan setiap hospital memberi pertimbangan sewajarnya terhadap perkara berikut:

- 5.6.1. Ketua Jabatan perlu memastikan pengurusan kewangan dibuat mengikut pekeliling dan peraturan kewangan yang berkaitan dan memastikan peraturan tersebut dipatuhi;
- 5.6.2. perolehan Kerajaan perlu dibuat dengan teratur dan mematuhi had perolehan yang ditetapkan serta disokong dengan daftar/rekod pembayaran yang lengkap;
- 5.6.3. pegawai yang terlibat dalam pengurusan aset dan stor diberi pendedahan yang mencukupi berkaitan pengurusan aset dan stor seperti penyelenggaraan dokumen aset dan stor, pendaftaran aset, kehilangan dan hapus kira aset;
- 5.6.4. memastikan semua aset didaftarkan dengan lengkap dan kemas kini serta pemeriksaan dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun terhadap keseluruhan aset dan stor;
- 5.6.5. Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak Kerajaan hendaklah dikemas kini, dijaga dengan baik dan diperiksa oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa; dan
- 5.6.6. penyelenggaraan dokumen dan daftar berkaitan pengurusan kewangan perlu diperkemas dalam memastikan rekod sentiasa lengkap dan kemas kini.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

6. PENGURUSAN KEWANGAN PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERA

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Kementerian Luar Negeri (KLN) adalah bertanggungjawab untuk memelihara, mengukuh dan mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dengan negara luar. Ia merangkumi pelbagai bidang iaitu politik dan keselamatan; perdagangan dan pelaburan; kebudayaan dan sosial; sains dan teknologi; pelancongan; dan pendidikan. Untuk tujuan ini, Kementerian telah menubuhkan 106 pejabat perwakilan di 82 buah negara. Semua pejabat tersebut diketuai sama ada oleh Duta Besar, Wakil Tetap, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul Jeneral atau Konsul. Berdasarkan rekod Jabatan Akauntan Negara (JANM) perbelanjaan mengurus bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM413.76 juta.

6.1.2. Mulai tahun 2013, Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) telah mula digunakan secara berperingkat oleh pejabat perwakilan Malaysia di luar negara. Semua transaksi terimaan dan bayaran yang dilaksanakan melalui SPLN di luar negara dapat dikemas kini secara automatik ke dalam *Government Financial Management and Accounting System* (GFMAS) setiap hari berbanding purata 2 bulan kelewatan yang lazimnya berlaku semasa menggunakan kaedah manual. Rekod kewangan yang melibatkan transaksi bayaran; terimaan; deposit dan pendahuluan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan; Buku Tunai; Penyata Terimaan dan Bayaran; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan; Senarai Kedudukan Pendahuluan; Lejar dan Penyata Baki Individu Akaun Deposit juga boleh dijana daripada SPLN. Dengan itu, SPLN dapat memudahkan proses kerja dan mengurangkan risiko kesilapan perekodan. Bagi transaksi bayaran, terdapat 2 kemudahan yang boleh diguna oleh pejabat perwakilan iaitu secara *Telegraphic Transfer* (TT) dan Panjar 3/12. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 99 (93.4%) daripada 106 pejabat perwakilan telah melaksanakan SPLN.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara melaksanakan pengurusan kewangan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan memberi tumpuan terhadap 5 elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan pengurusan; kawalan terimaan; kawalan perbelanjaan; pengurusan deposit/pendahuluan; serta pengurusan aset dan stor. Transaksi yang disemak adalah transaksi yang berlaku pada tahun 2014 meliputi bulan setakat lawatan Audit dibuat. Selain itu, semakan juga dilaksanakan terhadap pengurusan SPLN. Pengauditan telah dijalankan di 10 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara seperti jadual berikut:

JADUAL 6.1
PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA
YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2014

PEJABAT PERWAKILAN	BULAN PELAKSANAAN SPLN	BULAN LAWATAN AUDIT
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	Jun 2013	Mac 2014
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	Mei 2014	Jun 2014
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	Jun 2013	Jun 2014
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	April 2013	Jun 2014
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	Jun 2013	Ogos 2014
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	Jun 2013	September 2014
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	Mac 2013	Jun 2014
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	April 2013	Mac 2014
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	Jun 2013	Ogos 2014
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	April 2013	Jun 2014

6.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati. Selain itu, lawatan, pemeriksaan dan temu bual dengan pegawai berkaitan telah dijalankan di pejabat berkenaan. *Exit Conference* bersama Duta Besar Malaysia/Pesuruhjaya Tinggi/Konsulat Jeneral/Perwakilan Tetap di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara telah diadakan selepas tugas pengauditan selesai.

6.5. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara pada tahun 2014 mendapati secara umumnya tahap prestasi pengurusan kewangan pejabat perwakilan berkenaan adalah baik. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

6.5.1. Kawalan Pengurusan

Pengauditan terhadap aspek kawalan pengurusan meliputi Manual Prosedur Kerja (MPK), Fail Meja, fungsi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA), penurunan kuasa, tindakan susulan terhadap teguran Audit yang dibangkitkan dan pemeriksaan menjejut.

6.5.1.1. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan pengurusan bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah baik kecuali di Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Bagaimanapun urusan bagi pemeriksaan mengejut, penyediaan MPK, Fail Meja serta penurunan kuasa perlu diberikan perhatian bagi memantapkan lagi kawalan pengurusan di pejabat perwakilan berkenaan. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.2
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PENGURUSAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PENGURUSAN						
	a	b	c	d	e	f	g
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	X	X	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	X	X	✓	✓	X
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓	✓	✓	X	X
PERATUS PEMATUHAN (%)	70.0	80.0	90.0	80.0	90.0	90.0	70.0

Nota : ☒ - Mematuhi ☐ - Tidak Mematuhi

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- b. Fail Meja disediakan dengan lengkap dan kemas kini
- c. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah melaksanakan fungsi yang ditetapkan
- d. Penurunan Kuasa dibuat dengan teratur
- e. Teguran Jabatan Audit Negara dijawab dan tindakan susulan diambil
- f. Teguran Unit Audit Dalam dijawab dan tindakan susulan diambil
- g. Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan mengikut ketetapan

6.5.1.2. Berdasarkan maklum balas daripada semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati, tindakan penambahbaikan telah diambil sebagaimana yang disyorkan.

6.5.2. Kawalan Terimaan

Pengauditan terhadap aspek kawalan terimaan meliputi perekodan transaksi terimaan, penyelenggaraan Buku Tunai dan Borang Hasil serta kemasukan pungutan ke bank.

6.5.2.1. Pada umumnya, transaksi terimaan secara elektronik telah direkod dengan teratur dan dokumen kewangan seperti Buku Tunai; Resit; Penyata Pemungut; Penyata Terimaan dan Serahan serta Penyata Terimaan dan

Bayaran telah dijana seperti mana yang ditetapkan dalam modul SPLN. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan dalam kawalan terimaan seperti penyelenggaraan borang hasil dan penyemakan terhadap Buku Tunai di Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terimaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.3
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN TERIMAAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN TERIMAAN		
	a	b	c
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	TB	TB	TB
PERATUS PEMATUHAN (%)	88.9	88.9	100.0

Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☐ - Tidak Berkaitan

- a. *Borang hasil (resit/lesen/permit) yang dikeluarkan disimpan dengan selamat dan diselenggara dengan teratur*
- b. *Buku Tunai disemak dan dikemukakan kepada Kementerian dalam tempoh ditetapkan*
- c. *Semua kutipan dibankkan dengan segera dan tepat serta keselamatan dijaga*

6.5.2.2. Berdasarkan maklum balas daripada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh pejabat perwakilan yang berkenaan.

6.5.3. Kawalan Perbelanjaan

Pengauditan terhadap aspek kawalan perbelanjaan meliputi transaksi perbelanjaan yang direkodkan secara elektronik dan dokumen kewangan seperti Baucar Bayaran; Buku Vot; Laporan Bulanan serta Penyata Terimaan dan Bayaran yang dijana daripada SPLN.

6.5.3.1. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan perbelanjaan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah memuaskan kecuali Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia. Pengurusan perbelanjaan bagi 8 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara masih perlu dipertingkatkan terutama berkaitan penyemakan Buku Vot dan Daftar Bil; pematuhan terhadap proses pembayaran serta penyemakan dan

penghantaran Laporan Perbelanjaan kepada Ibu Pejabat. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.4
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM KAWALAN PERBELANJAAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN PERBELANJAAN			
	a	b	c	d
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	X	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	✓	✓	X	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	X	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	X	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	X	X	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	X	✓	X
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	X	X	X	X
PERATUS PEMATUHAN (%)	60.0	60.0	60.0	80.0

Nota : ☒ Mematuhi ☒ Tidak Mematuhi

- a. *Buku Vot telah disemak*
- b. *Daftar Bil telah disemak sewajarnya*
- c. *Bayaran dibuat dengan betul dan tepat selaras dengan undang-undang dan peraturan serta direkodkan dengan sempurna*
- d. *Laporan Perbelanjaan disemak dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat dalam tempoh yang ditetapkan*

6.5.3.2. Berdasarkan maklum balas daripada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati, tindakan penambahbaikan telah diambil sebagaimana yang disyorkan.

6.5.3.3. Semakan selanjutnya terhadap peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2014 bagi pejabat perwakilan Malaysia di luar negara mendapati ada perbezaan jumlah peruntukan dan perbelanjaan antara rekod di JANM dan KLN. Mengikut rekod JANM (Laporan A499), peruntukan yang diluluskan untuk keseluruhan 106 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah berjumlah RM386.93 juta dan perbelanjaan berjumlah RM413.76 juta (106.9%). Manakala mengikut rekod di KLN, jumlah peruntukan dan perbelanjaan keseluruhan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah RM401.41 juta dan RM378.58 juta masing-masingnya. Perbezaan peruntukan dan perbelanjaan tersebut adalah RM14.48 juta (3.7%) bagi jumlah peruntukan dan RM35.18 juta (8.5%) bagi jumlah perbelanjaan. Maklumat lanjut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.5
PERBANDINGAN JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS
PEJABAT PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2014

MENGIKUT REKOD	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	
Jabatan Akauntan Negara Malaysia (A499)	386.93	413.76	106.9
Kementerian Luar Negeri	401.41	378.58	94.3
JUMLAH PERBEZAAN	(14.48)	35.18	

6.5.3.4. Berdasarkan maklum balas daripada KLN, perbezaan rekod ini adalah kerana laporan yang disediakan oleh KLN diperolehi daripada kesemua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang mana berkemungkinan terdapat maklumat yang kurang tepat. Bagaimanapun, KLN merujuk kepada laporan JANM bagi tujuan rekod sebenar perbelanjaan.

6.5.3.5. Semakan terhadap Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2014 mendapati peruntukan mengurus bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah berjumlah RM55.50 juta dan perbelanjaannya pula berjumlah RM53.88 juta (97.1%). Maklumat peruntukan dan perbelanjaan mengurus bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara tersebut adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.6
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS PEJABAT PERWAKILAN
MALAYSIA DI LUAR NEGARA YANG DILAWATI BAGI TAHUN 2014

PEJABAT PERWAKILAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	5.45	5.36	98.3
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	4.21	3.97	94.3
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	1.64	1.57	95.7
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	5.29	5.29	100.0
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	9.56	9.25	96.8
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	9.71	9.38	96.6
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	8.88	8.80	99.1
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	3.02	2.62	86.8
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	4.65	4.65	100.0
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	3.09	2.99	96.8
JUMLAH	55.50	53.88	97.1

Sumber : Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2014

6.5.4. Pengurusan Deposit/Pendahuluan

Secara umumnya, prestasi pengurusan deposit/pendahuluan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah sangat baik. Tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan deposit/pendahuluan bagi 10 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.7
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM PENGURUSAN DEPOSIT/PENDAHULUAN

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN DEPOSIT		
	a	b	c
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	✓	✓
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	✓	✓	✓
PERATUS PEMATUHAN (%)	100.0	100.0	100.0

Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi

- a. *Rekod subsidiari diselenggarakan bagi deposit/pendahuluan*
b. *Rekod subsidiari/deposit/pendahuluan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini*
c. *Bayaran balik deposit/pendahuluan dibuat sewajarnya*

6.5.5. Pengurusan Aset Dan Stor

6.5.5.1. Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap pengurusan aset dan stor bagi semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah memuaskan. Bagaimanapun, kesemua pejabat perwakilan ini masih belum mematuhi sepenuhnya peraturan berkaitan urusan pendaftaran aset, pelabelan aset, pemeriksaan aset, penyelenggaraan Buku Log kenderaan rasmi dan pelupusan. Tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset dan stor adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 6.8
TAHAP PEMATUHAN PERATURAN KEWANGAN
DALAM PENGURUSAN ASET DAN STOR

PEJABAT PERWAKILAN	KAWALAN ASET DAN STOR							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Kedutaan Besar Malaysia di Bern, Switzerland	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina	✓	✓	✓	X	✓	✓	X	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia	✓	X	✓	X	✓	X	X	X
Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia	✓	X	✓	✓	✓	✓	X	TB
Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat	✓	✓	X	X	✓	X	✓	✓
Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia	✓	X	X	X	✓	✓	✓	TB
Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	✓	X	✓	X	✓	✓	✓	✓
Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu	X	X	X	X	✓	X	X	X
Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	TB
Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia	✓	X	X	✓	✓	X	X	TB
PERATUS PEMATUHAN (%)	90.0	40.0	60.0	40.0	100.0	50.0	50.0	60.0

Nota : ☒ - Mematuhi ☒ - Tidak Mematuhi ☒ - Tidak Berkenaan

- a. *Pegawai Aset dilantik dengan menentukan tugas dan tanggungjawab beliau sewajarnya*
b. *Pegawai Penerima Aset dilantik dengan tugas dan tanggungjawab yang ditetapkan*

- c. *Aset didaftar sewajarnya dalam format yang betul*
- d. *Aset dilabelkan sewajarnya*
- e. *Aset disimpan dan diguna dengan teratur*
- f. *Aset diperiksa dan stok di verifikasi mengikut kekerapan yang ditetapkan*
- g. *Buku Log Kenderaan diselenggarakan dengan teratur*
- h. *Pelupusan aset dilaksanakan dengan sempurna*

6.5.5.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati aset yang telah rosak/tidak boleh digunakan masih belum dilupuskan dan terdapat aset yang tidak didaftarkan di Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia. Selain itu, terdapat aset tidak dilabelkan dengan nombor siri pendaftaran serta label Hak Kerajaan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina. Selain itu, 15 komputer berusia melebihi 7 tahun masih digunakan walaupun kerap menjejaskan kelancaran operasi harian di Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.1




*Kedutaan Besar Malaysia Di Moscow, Rusia
- Aset Yang Rosak/Tidak Digunakan
(22.09.2014)*

GAMBAR 6.2



*Kedutaan Besar Malaysia Di Moscow, Rusia
- Aset Yang Tidak Didaftarkan
(22.09.2014)*



GAMBAR 6.3

*Konsulat Jeneral Malaysia Di New York,
Amerika Syarikat
- Usia Aset Yang Telah Melebihi 7 Tahun
(13.08.2014)*

6.5.5.3. Berdasarkan maklum balas daripada semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati, tindakan penambahbaikan telah diambil sebagaimana yang disyorkan. Bagi komputer yang telah berusia melebihi 7 tahun, Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat telah mengemukakan permohonan pembelian komputer baru kepada KLN pada 21 Oktober 2014.

6.5.5.4. Kawalan Keselamatan Pejabat Perwakilan

- a. Lawatan Audit ke Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia pada 22 September 2014 mendapati peralatan yang tidak digunakan turut disimpan di dalam bilik server. Keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan kepada peralatan server kerana terdedah kepada habuk dan risiko kebakaran. Kabel/wayar juga tidak disenggara dengan baik. Selain itu, pemeriksaan mengejut Audit turut mendapati pintu bilik server tidak berkunci. Ini boleh mendedahkan peralatan server kepada risiko pencerobohan. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.4



GAMBAR 6.5



*Kedutaan Besar Malaysia Di Moscow, Rusia
- Bilik Server Tidak Disenggara Dengan Baik
(22.09.2014)*

- b. Semakan Audit mendapati alat pemadam api di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia; Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat; Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina dan Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia telah luput tarikh pemeriksaan. Manakala tiada alat pemadam api di Bangunan Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Penyenggaraan dan penjagaan terhadap peralatan tersebut perlu diberi perhatian agar ia dapat digunakan pada waktu kecemasan. Butirannya adalah seperti gambar berikut:



GAMBAR 6.6


*Kedutaan Besar Malaysia Di Washington,
Amerika Syarikat
- Alat Pemadam Api Yang Telah Luput Tarikh
Diletakkan Di Tangga
(19.08.2014)*

- c. Lawatan Audit mendapati *Closed Circuit Television* (CCTV) di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia; Kedutaan Besar Malaysia di

Washington, Amerika Syarikat; Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina; Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia dan Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu tidak berfungsi seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.7

*Konsulat Jeneral Malaysia Di Dubai,
Emiriah Arab Bersatu
- CCTV Tidak Berfungsi
(30.03.2014)*

GAMBAR 6.8

*Kedutaan Besar Malaysia Di Washington,
Amerika Syarikat
- Dua Daripada Tiga CCTV Tidak Berfungsi
(19.08.2014)*

Pada pendapat Audit, kebolegunaan peralatan/fasiliti keselamatan bangunan secara sepenuhnya dan pada bila-bila masa adalah satu aspek keselamatan yang sentiasa perlu dititik beratkan.

6.5.5.5. Pengurusan Hartanah

- a. Semakan Audit mendapati Bangunan Annex 1 dan 2 yang masing-masingnya telah dibeli pada tahun 1979 dan 1984 dengan kos RM1.45 juta dan RM1.05 juta telah terbiar kosong sejak tahun 2002 apabila semua Pejabat Perwakilan Malaysia di Washington, Amerika Syarikat berpindah ke Bangunan Canseri yang diduduki sekarang. Pemeriksaan Audit pada 19 Ogos 2014 mendapati bangunan tersebut telah mula dibaik pulih pada tahun 2010 dan siap pada tahun 2012 dengan kos RM14.17 juta. Bagaimanapun, ia belum diduduki dan masih terbiar kosong. Selain itu, tempoh jaminan kecacatan bangunan telah tamat pada 29 Jun 2013. Pejabat Kedutaan Besar Malaysia juga menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan yang berjumlah antara USD2,000 hingga USD3,000 sebulan. Butirannya adalah seperti gambar berikut:

GAMBAR 6.9




*Kedutaan Besar Malaysia Di Washington,
Amerika Syarikat
- Bangunan Annex 1 Yang Belum
Diduduki Sejak Tahun 2002
(19.08.2014)*

GAMBAR 6.10



*Kedutaan Besar Malaysia Di Washington,
Amerika Syarikat
- Bangunan Annex 2 Yang Belum
Diduduki Sejak Tahun 2002
(19.08.2014)*



GAMBAR 6.11

*Kedutaan Besar Malaysia Di Washington,
Amerika Syarikat
- Bangunan Annex
(19.08.2014)*

- b. Semakan Audit di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia mendapati maklumat mengenai status tanah sama ada pegangan bebas atau pajakan tidak diperolehi kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Selain itu, Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura tidak mempunyai Daftar Premis Aset yang perlu didaftarkan dalam Kad Pengenalan Aset Tak Alih (JKR.PATA.F6/8) seperti yang ditetapkan dalam Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Bangunan Annex 1 dan 2 di Washington, Amerika Syarikat yang telah diubahsuai tetapi masih belum digunakan adalah satu pembaziran. Kerajaan Malaysia juga perlu terus menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan. Selain itu, tempoh jaminan kecacatan yang telah tamat dan jika berlaku kerosakan sama ada sebelum atau selepas bangunan diduduki tidak boleh dituntut daripada kontraktor.

6.5.6. Pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri

6.5.6.1. Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) mengandungi 8 modul iaitu *Winadmin*; *Admin*; Kawalan Data; Sekuriti; PTJ Kewangan; Lejar Am; Sistem Lejar Akaun Subsidiari dan *Management Information System* (MIS). Di peringkat pejabat perwakilan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 2 modul utama SPLN iaitu PTJ Kewangan dan Sistem Lejar Akaun Subsidiari meliputi perkara seperti jadual berikut:

JADUAL 6.9
ASPEK YANG DILIPUTI BAGI SEMAKAN TERHADAP
PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN LUAR NEGERI

MODUL SPLN	FUNGSI MODUL	SUB MODUL YANG DILIPUTI
PTJ Kewangan	Merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran (Panjar 3/12 dan TT) yang dilakukan oleh PTJ luar negara	Pembayaran Melalui <i>Telegraphic Transfer</i> (TT) • Waran Peruntukan • Baucar Bayaran Panjar 3/12 • Apungan (jika berkaitan) • Baki Awal Panjar • Bayaran • Terimaan • Penyata Pemungut • Deposit • Rekupmen • Penyesuaian Bank • Proses Bulanan
Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Mengakaunkan transaksi pendahuluan bagi kakitangan Kerajaan	• Penyelenggaraan Akaun Subsidiari • Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui TT • Proses Kerja Pendahuluan - Bayaran Melalui Panjar 3/12

6.5.6.2. Semakan Audit terhadap pengurusan SPLN di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapati SPLN telah mula dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Secara umumnya, SPLN telah membantu memudahkan proses kerja; mengurangkan kadar kesilapan perekodan dan berupaya mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang disalurkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi penambahbaikan SPLN seperti berikut:

- maklum balas yang diterima daripada *Helpdesk* SPLN kerap kali lewat dan tidak menjawab pertanyaan yang dikemukakan dengan tepat;
- laporan vot mengikut kod objek tidak dapat dijana secara elektronik sebaliknya perlu dijana secara manual; dan
- gangguan rangkaian komputer (networking).

6.5.6.3. Semakan selanjutnya terhadap transaksi dalam SPLN mendapati perkara seperti berikut:

- a. Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat - laporan penyata penyesuaian bank yang dijana daripada SPLN mendapati dua urus niaga yang berlaku pada tahun 2009 dan 2010 masih ditunjukkan dalam Penyata Penyesuaian Bank dan belum diselaraskan.
- b. Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia - had kuasa berbelanja tidak ditetapkan dan pegawai yang telah bertukar masih berstatus Aktif dalam SPLN.

6.6. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, adalah disyorkan supaya KLN mengambil tindakan seperti perkara berikut:

- 6.6.1. memastikan wujudnya mekanisme pemantauan yang teratur di peringkat pejabat perwakilan untuk memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan. Bagi tujuan tersebut, KLN perlu menetapkan semua pegawai yang terlibat diberi latihan secara berkesan sebelum bertugas di luar negara;
- 6.6.2. memastikan setiap pejabat perwakilan mematuhi aspek penting berhubung pengurusan aset dan stor seperti mendaftar dan melabel aset, melaksanakan pemeriksaan aset dan menyelenggarakan Buku Log Kenderaan dengan lengkap dan kemas kini serta pelupusan dilaksanakan dengan sempurna;
- 6.6.3. memastikan bangunan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara hak milik Kerajaan Malaysia dilengkapi dengan kawalan keselamatan sewajarnya dan diberi penjagaan yang sebaiknya. Perkara ini perlu diambil tindakan segera bagi menjaga keselamatan pejabat Kerajaan Malaysia di luar negara;
- 6.6.4. memastikan Bangunan Annex 1 dan 2 di Washington, Amerika Syarikat yang telah dibaik pulih digunakan serta dimanfaatkan sewajarnya bagi mengelakkan pembaziran; dan
- 6.6.5. masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi membolehkan tindakan penambahbaikan diambil sewajarnya agar keberkesanan sistem tidak terjejas.

PENGAUDITAN SECARA MENGEJUT

7.1. LATAR BELAKANG

Pengauditan mengejut dilaksanakan selaras dengan kehendak Seksyen 6(a) Akta Audit 1957 yang menyatakan bahawa Ketua Audit Negara hendaklah dalam pengauditannya membuat apa-apa pemeriksaan yang difikirkannya perlu untuk menentukan sama ada segala langkah berjaga-jaga yang munasabah telah diambil untuk melindungi pemungutan dan penjagaan wang awam atau wang lain yang tertakluk kepada pengauditannya. Pengauditan mengejut merupakan satu pendekatan pengauditan yang dilaksanakan tanpa memaklumkan terlebih dahulu tarikh sebenar lawatan kepada pihak Auditi. Semakan dijalankan terhadap borang hasil, wang awam, harta awam, barang berharga yang disimpan oleh Pejabat/Agensi Kerajaan supaya diuruskan dengan teratur mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan mengejut adalah untuk menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam dan barang berharga di bawah jagaan/seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab telah diuruskan dengan teratur dan mematuhi segala peraturan kewangan.

7.3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2015 terhadap penerimaan wang, wang panjar, setem/mesin *franking*/setem hasil, borang hasil, wang yang diterima untuk dibahagi-bahagikan, barang-barang berharga, sijil pelaburan, kad pintar bayaran, barang individu tahanan sementara, barangan sensitif/keselamatan dan kawalan perbelanjaan. Pengauditan secara mengejut telah dijalankan di 244 Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pusat Kos (PK) di bawah 19 Kementerian/Jabatan Persekutuan seluruh negara. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.1
PENGAUDITAN MENGEJUT YANG DIJALANKAN PADA TAHUN 2014

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PTJ/PK YANG DIAUDIT
Kementerian Dalam Negeri	49
Kementerian Kesihatan Malaysia	35
Jabatan Perdana Menteri	33
Kementerian Pendidikan Malaysia	30

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PTJ/PK YANG DIAUDIT
Kementerian Kewangan Malaysia	14
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	10
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	10
Kementerian Pengangkutan	10
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	9
Kementerian Belia Dan Sukan	8
Kementerian Sumber Manusia	7
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	7
Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	6
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	4
Kementerian Pertahanan	4
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	3
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	2
Kementerian Kerja Raya	2
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1
JUMLAH	244

Sumber : *Jabatan Audit Negara*

Nota: *PTJ - Pusat Tanggungjawab*

PK - Pusat Kos

7.4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Metodologi pengauditan mengejut meliputi pemeriksaan fizikal terhadap wang tunai, harta awam dan barang-barang berharga, penyemakan serta analisis terhadap dokumen dan rekod kewangan, temu bual dengan pihak Auditi, pengamatan keadaan di pejabat Auditi seperti kawalan keselamatan ke atas kaunter kutipan, pegawai keselamatan bertugas, keadaan/kandungan peti besi serta pemeriksaan mengejut di lokasi operasi/penyimpanan/stor. Perbincangan dengan Ketua Kementerian/Ketua Jabatan telah diadakan bagi setiap pemeriksaan mengejut yang dijalankan.

7.5. PENEMUAN AUDIT

7.5.1. Pemeriksaan secara mengejut yang dijalankan mendapati secara keseluruhannya sebanyak 60 pejabat (24.6%) daripada 244 pejabat telah mematuhi kesemua peraturan dan prosedur utama yang ditetapkan, manakala sebanyak 184 pejabat (75.4%) lagi masih tidak mematuhi semua peraturan. Antara kelemahan dan ketidakpatuhan peraturan kewangan berkaitan dengan pengurusan wang awam, harta awam, barang berharga dan pengurusan bayaran adalah seperti berikut:

- i. wang kutipan dan barang berharga tidak disimpan dengan selamat di dalam peti besi atau bilik kebal; wang kutipan lewat dibankkan dan lewat direkod ke dalam Buku Tunai; dan Penyata Pemungut tidak disemak oleh pegawai bertanggungjawab;

- ii. Daftar Mel tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- iii. tiada bukti Resit Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia diterima untuk jumlah yang dibankkan; stok buku resit tidak disimpan di tempat yang selamat dan baki rekod tidak bersamaan dengan baki sebenar disemak. Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap terimaan, tidak dikeluarkan secara bersiri dan tiada perakuan dibuat di belakang helaian pertama buku resit bahawa semakan telah dijalankan;
- iv. Daftar Borang Hasil tidak diselenggara dengan kemas kini;
- v. Notis Pemberitahuan Kepada Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat;
- vi. Buku Panjar Wang Runcit (PWR) tidak dikemas kini; surat kelulusan PWR tidak dikemukakan dan tiada pengesahan kelulusan bagi baucar PWR oleh Ketua Jabatan;
- vii. Daftar Pembayaran wang untuk dibahagi-bahagikan tidak disediakan, tidak dikemas kini dan tidak disemak oleh Ketua Pejabat atau wakilnya;
- viii. Daftar Barang Berharga/Barang Ekshibit tidak diselenggarakan/tidak dikemas kini dan terdapat perbezaan antara semakan rekod dan fizikal;
- ix. Surat Penurunan Kuasa untuk pemungut hasil tidak disediakan dengan kemas kini dan kad akses/kata laluan untuk kemasukan ke sistem berkomputer bagi pegawai yang bertukar/berhenti belum dibatalkan;
- x. Daftar Setem tidak diselenggara dengan kemas kini dan stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem;
- xi. seorang pegawai sahaja yang terlibat dengan mesin *franking* (membuat penaksiran dan mengutip) dan mesin *franking* diset semula tanpa penyeliaan oleh pegawai yang bertanggungjawab;
- xii. surat penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan nombor kombinasi atau kod kombinasi; peti besi tidak dikejut pada rangka bina bangunan dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama;
- xiii. Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak disediakan dan pemeriksaan mengejut tidak dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam peraturan; dan
- xiv. pegawai meluluskan baucar bayaran melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan, baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap, pembelian dilakukan sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan; terdapat bil tidak dicap tarikh terima, bil dibayar melebihi tempoh 14 hari, daftar bil tidak lengkap dan tidak kemas kini serta buku vot tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia.

7.5.2. Butirannya adalah seperti jadual berikut:

JADUAL 7.2
PENEMUAN AUDIT

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
1.	WANG KUTIPAN			
1.1	Wang kutipan dan barang berharga tidak disimpan dengan selamat di dalam peti besi atau bilik kebal [AP 126(a)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	4
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	2
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	5
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		v.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vi.	Kementerian Belia Dan Sukan	1
		vii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2
		viii.	Kementerian Sumber Manusia	2
		ix.	Kementerian Pengangkutan	2
		x.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
1.2	Wang kutipan lewat dibankkan [AP 78(a)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	4
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		v.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2
		vi.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
1.3	Kutipan lewat direkod ke dalam Buku Tunai (AP 72).	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	8
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	1
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		v.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
1.4	Pegawai yang bertanggungjawab tidak menyemak cetakan di slip bayar masuk bank/penyata pemungut [AP 80(d)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	2
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	4
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
2.	DAFTAR MEL			
2.1	Daftar mel tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.	i.	Jabatan Perdana Menteri	2
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	1
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		iv.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
3.	RESIT RASMI			
3.1	Tiada bukti menunjukkan Resit Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia diterima untuk jumlah yang dibankkan [AP 80(e)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	1
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	1
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	3
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
		vi.	Kementerian Pengangkutan	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
3.2	Stok buku resit tidak disimpan di tempat yang selamat [AP 126(a)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	6
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		vi.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vii.	Kementerian Pengangkutan	1
		viii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
3.3	Resit Rasmi tidak dikeluarkan bagi setiap terimaan [AP 60(i)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	1
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		iv.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
3.4	Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri [AP 66(c)].	i.	Kementerian Dalam Negeri	2
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
3.5	Tiada perakuan dibuat di belakang helaian pertama buku resit bahawa semakan telah dijalankan [AP 66(a)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	5
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	7
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	3
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6
		vi.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vii.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		viii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2
		ix.	Kementerian Pengangkutan	1
3.6	Baki stok hasil tidak bersamaan dengan baki sebenar [AP 67].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	8
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		vi.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		vii.	Kementerian Sumber Manusia	1
		viii.	Kementerian Pengangkutan	1
4.	DAFTAR BORANG HASIL (KEW. 67-PIN. 1/84)			
4.1	Daftar Borang Hasil tidak diselenggara dengan kemas kini bagi merekodkan stok resit, lesen dan borang akuan terimaan lain yang diterima atau dikeluarkan (AP 67).	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	9
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	3
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	4
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		vi.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		viii.	Kementerian Sumber Manusia	1
		ix.	Kementerian Pengangkutan	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
5.	NOTIS PEMBERITAHUAN KEPADA ORANG AWAM			
5.1	Notis Pemberitahuan Kepada Orang Awam untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan di tempat yang mudah dilihat (AP 61).	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	4
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	2
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	9
		iv.	Kementerian Sumber Manusia	2
		v.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		vi.	Kementerian Pengangkutan	1
6.	PANJAR WANG RUNCIT (PWR)			
6.1	Buku Tunai Panjar Wang Runcit tidak lengkap dan kemas kini. Baki fizikal wang PWR berbeza dengan baki Buku Tunai PWR.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	5
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iv.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	2
		v.	Kementerian Pengangkutan	2
		vi.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
		vii.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1
		viii.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
6.2	Surat kelulusan apungan Panjar Wang Runcit tidak dikemukakan.	i.	Jabatan Perdana Menteri	7
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	5
		iii.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	3
		vi.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		vii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		viii.	Kementerian Pengangkutan	1
		ix.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
		x.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
		xi.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1
6.3	Baucar bayaran PWR tidak direkodkan dengan lengkap dalam Buku Tunai PWR.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	6
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	4
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		vi.	Kementerian Kerja Raya	1
		vii.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		viii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		ix.	Kementerian Pengangkutan	1
		x.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		xi.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
6.4	Tiada pengesahan kelulusan bagi baucar bayaran PWR oleh Ketua Jabatan.	i.	Jabatan Perdana Menteri	4
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	3
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		iv.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
6.5	Tuntutan rekupmen lewat diterima.	i.	Jabatan Perdana Menteri	1
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
7.	WANG UNTUK DIBAHAGI-BAHAGIKAN			
7.1	Daftar pembayaran tidak disediakan, tidak dikemas kini dan tidak disemak oleh Ketua Pejabat/wakilnya [AP 98(b)].	i.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		ii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
7.2	Bank draf/slip bayar masuk bank/penyata pemungut tidak diperoleh bagi membuktikan bahawa baki wang yang tidak dapat diagihkan telah dimasukkan semula ke dalam akaun [AP 96(c)].	i.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
8.	BARANG BERHARGA/BARANG EKSHIBIT			
8.1	Daftar Barang Berharga/Barang Ekshibit tidak diselenggara atau tidak dikemas kini.	i.	Kementerian Dalam Negeri	5
		ii.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		iii.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
8.2	Terdapat perbezaan antara semakan rekod dengan fizikal.	i.	Kementerian Dalam Negeri	2
		ii.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		iii.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
		iv.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
8.3	Barang-barang berharga tidak disimpan di tempat yang selamat [AP98(b)].	i.	Kementerian Dalam Negeri	5
9.	PERWAKILAN KUASA			
9.1	Surat Penurunan Kuasa untuk pemungut hasil tidak kemas kini (AP 69).	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	7
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	2
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	8
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		v.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vi.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		vii.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
		viii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
9.2	Kad akses/kata laluan untuk kemasukan ke sistem berkomputer bagi pegawai yang bertukar/berhenti belum dibatalkan.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		iii.	Kementerian Belia Dan Sukan	1
		iv.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
10.	SETEM POS/MESIN FRANKING			
10.1	Daftar Setem tidak diselenggara dengan kemas kini. Stok setem fizikal berbeza dengan Daftar Setem.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	3
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	5
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	5
		vi.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		vii.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		viii.	Kementerian Belia Dan Sukan	2
		ix.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1
		x.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		xi.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		xii.	Kementerian Sumber Manusia	2
		xiii.	Kementerian Pertahanan	1
		xiv.	Kementerian Pengangkutan	2
		xv.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
		xvi.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
10.2	Terdapat penerimaan dan pengeluaran setem tidak direkodkan. Baki setem di daftar tidak disahkan oleh Ketua Pejabat.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	3
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	5
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	9
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	8
		vi.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vii.	Kementerian Belia Dan Sukan	3
		viii.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1
		ix.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		x.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		xi.	Kementerian Sumber Manusia	2
		xii.	Kementerian Pertahanan	1
		xiii.	Kementerian Pengangkutan	4
		xiv.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	2
11.	SETEM HASIL/MESIN FRANKING			
11.1	Seorang pegawai sahaja yang terlibat dengan mesin <i>franking</i> (membuat penaksiran dan mengutip).	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
11.2	Alat memeteri mesin <i>franking</i> tidak disimpan oleh pegawai penyelia.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
11.3	Mesin <i>franking</i> ditetapkan semula tanpa penyeliaan pegawai yang bertanggungjawab.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
11.4	Tiada catatan dibuat oleh pegawai penyelia sebaik sahaja mesin <i>franking</i> ditetapkan semula, bagi bacaan mesin <i>franking</i> semasa, jumlah kutipan bagi hari tersebut dan <i>frank-frank</i> yang dibatalkan.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
11.5	Buku daftar utama (PDS BD 1, 2 dan 3) tidak disemak/ditandatangani ringkas setiap hari dengan buku tunai oleh pegawai penyelia.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
12.	PETI BESI			
12.1	Penurunan kuasa tidak diberikan kepada pegawai yang memegang anak kunci dan nombor kombinasi atau kod kombinasi dan anak kunci peti besi/bilik kebal dipegang pegawai yang sama [AP 125].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	8
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	9
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	12
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	13
		vi.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	5
		vii.	Kementerian Kewangan Malaysia	6
		viii.	Kementerian Belia Dan Sukan	1
		ix.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1
		x.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3
		xi.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	5
		xii.	Kementerian Sumber Manusia	1
		xiii.	Kementerian Pertahanan	1
		xiv.	Kementerian Pengangkutan	1
		xv.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		xvi.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
12.2	Peti besi tidak dikejut pada rangka bina bangunan (AP 127).	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	5
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	9
		iii.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	5
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
		vi.	Kementerian Kewangan Malaysia	2
		vii.	Kementerian Kerja Raya	1
		viii.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	3
		ix.	Kementerian Sumber Manusia	1
		x.	Kementerian Pertahanan	1
		xi.	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	1
		xii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
12.3	Pejabat yang tidak mempunyai kemudahan peti besi/bilik kebal tidak memasukkan tunai/cek yang tidak sempat dibankkan ke dalam karung berkunci untuk disimpan di balai polis [AP 126(b)].	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
		ii.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
13.	PEMERIKSAAN MENGEJUT			
13.1	Ketua Jabatan tidak melakukan Pemeriksaan Mengejut tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan [AP 309(a)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	13
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	7
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	11
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	2
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	9
		vi.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	4
		vii.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		viii.	Kementerian Belia Dan Sukan	4
		ix.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		x.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	3
		xi.	Kementerian Sumber Manusia	3
		xii.	Kementerian Pengangkutan	3
		xiii.	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	2
		xiv.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		xv.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	4
		xvi.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	1
13.2	Hasil Pemeriksaan Mengejut yang dilakukan tidak direkodkan ke dalam buku yang disimpan [AP 309(b)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	9
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	3
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	7
		iv.	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	1
		v.	Kementerian Pendidikan Malaysia	6
		vi.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		vii.	Kementerian Belia Dan Sukan	4
		viii.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		ix.	Kementerian Sumber Manusia	1
		x.	Kementerian Pengangkutan	3
		xi.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		xii.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
14.	KAWALAN PERBELANJAAN			
14.1	Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa menandatangani baucar yang diluluskan [AP 11, AP 101 dan Laporan BV141 (eSPKB)].	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	3
		iv.	Kementerian Kewangan Malaysia	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
14.2	Baucar bayaran diluluskan melebihi had kuasa berbelanja yang dibenarkan.	i.	Kementerian Dalam Negeri	1
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
		iii.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
14.3	Surat kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang melakukan pesanan.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	1
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	3
		iii.	Kementerian Sumber Manusia	1
14.4	Baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap [AP 99 (a)].	i.	Jabatan Perdana Menteri	1
		ii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		iii.	Kementerian Pengangkutan	1
		iv.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
14.5	Pembelian dilakukan sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan [AP 176].	i.	Kementerian Dalam Negeri	2
		ii.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		iii.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	1
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	1
14.6	Terdapat Baucar bayaran/dokumen sokongan yang telah dibayar tidak ditebuk/cap "TELAH BAYAR".	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	2
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	1
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	3
		iv.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		v.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		vi.	Kementerian Pengangkutan	1
		vii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
14.7	Terdapat bil dibayar melebihi tempoh 14 hari [AP 103 (a)].	i.	Jabatan Perdana Menteri	1
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	2
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		iv.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		v.	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar	1
		vi.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	1
14.8	Terdapat bil yang diterima tidak di cap 'TARIKH TERIMA' bagi tujuan pemantauan bayaran.	i.	Kementerian Kesihatan Malaysia	1
		ii.	Jabatan Perdana Menteri	2
		iii.	Kementerian Dalam Negeri	4
		iv.	Kementerian Pendidikan Malaysia	2
		v.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	1
		vi.	Kementerian Belia Dan Sukan	1
		vii.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	1
		viii.	Kementerian Sumber Manusia	1
14.9	Daftar bil tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	i.	Jabatan Perdana Menteri	1
		ii.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2
		iii.	Kementerian Kewangan Malaysia	1

BIL.	PENEMUAN AUDIT	KEMENTERIAN/JABATAN		BILANGAN PTJ/PK TERLIBAT
14.10	Buku Vot/Buku Vot elektronik tidak disemak sekurang-kurangnya sekali setiap bulan oleh penyelia [AP 95(e)].	i.	Jabatan Perdana Menteri	1
		ii.	Kementerian Dalam Negeri	7
		iii.	Kementerian Pendidikan Malaysia	3
		iv.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	2
		v.	Kementerian Kewangan Malaysia	1
		vi.	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani	1
		vii.	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan	1
		ix.	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia	2
		x.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	1
14.11	Tanggungan dan perbelanjaan tidak dicatat dengan betul di dalam Buku Vot [AP 95 (a)] (Jika tidak menggunakan sistem elektronik).	i.	Jabatan Perdana Menteri	1

Sumber: Jabatan Audit Negara

7.5.3. Ketua Jabatan PTJ/PK yang berkenaan telah dimaklumkan berkenaan perkara yang dibangkitkan dan tindakan penambahbaikan telah diambil seperti meningkatkan kawalan dalaman serta memberi peringatan kepada pegawai supaya mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

7.6. SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati tahap pematuhan terhadap kesemua peraturan dan prosedur utama perlu dipertingkatkan. Bagi mengelakkan kelemahan yang dibangkitkan berulang, disyorkan supaya Ketua Kementerian/Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

7.6.1. memastikan perkara yang dibangkitkan diambil tindakan pembetulan (corrective) dan pencegahan (preventive) dengan segera;

7.6.2. mempertingkatkan seliaan terhadap kerja yang dilakukan oleh pegawai bawahan;

7.6.3. memberikan latihan secara berterusan kepada pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan kewangan berkaitan;

7.6.4. melaksanakan pusingan tugas terutamanya tugas yang mempunyai risiko tinggi; dan

7.6.5. Ketua Jabatan perlu mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

BAHAGIAN III
PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA
DALAM PENILAIAN KHAS KE ARAH
MENINGKATKAN AKAUNTABILITI
PENGURUSAN WANG AWAM

BAHAGIAN III

PENGLIBATAN JABATAN AUDIT NEGARA DALAM PENILAIAN KHAS KE ARAH MENINGKATKAN AKAUNTABILITI PENGURUSAN WANG AWAM

Selain menjalankan pengauditan bagi memenuhi kehendak undang-undang, Jabatan Audit Negara telah menjalankan penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi bagi memenuhi permintaan daripada Kementerian Kewangan. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam perkara ini adalah seperti berikut:

8. PENILAIAN KHAS TERHADAP PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara telah membuat penilaian khas terhadap prestasi pengurusan kewangan Kementerian/ Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah untuk tujuan pengesahan jawatan mereka. Bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Julai 2015, penilaian telah dibuat terhadap pengurusan kewangan di bawah kawalan 43 Ketua Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi. Penglibatan Jabatan Audit Negara membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada pengukuhan pengurusan kewangan Kerajaan memandangkan pegawai yang dinilai itu akan memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka dibuat dengan lebih berakauntabiliti dan berintegriti.

BAHAGIAN IV

PERKARA AM



BAHAGIAN IV

PERKARA AM

9. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2013 SERTA AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2013 DAN 2014

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di Parlimen. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen pada setiap kali Parlimen bersidang atau pun 3 kali setahun selaras dengan Program Transformasi Kerajaan 2.0 bagi inisiatif Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) untuk membanteras rasuah. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 7 April 2014 dan Tahun 2013 Siri 2 pada 16 Jun 2014. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2013 Siri 3 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Tahun 2013 telah dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2014 Siri 1 telah dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015 manakala Tahun 2014 Siri 2 telah dibentangkan pada 15 Jun 2015.

10. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sepanjang tahun 2014, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah mengadakan sebanyak 44 kali mesyuarat dan 2 kali lawatan projek seperti **Jadual 10.1**. Bagi tempoh bulan Januari hingga Julai 2015 pula, sebanyak 32 kali mesyuarat telah diadakan seperti **Jadual 10.2**.

JADUAL 10.1
PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
SEPANJANG TAHUN 2014

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
1.	16.01.2014	Projek Pembinaan <i>Kuala Lumpur International Airport 2</i> (KLIA 2)	Kementerian Pengangkutan

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
2.	22.01.2014	Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS Yang Tidak Memuaskan Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 - Pengesahan Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
3.	23.01.2014	- Pengurusan Loji <i>Insinerator</i> - Peralatan Operasi Yang Tidak Digunakan <i>Cobra Cutting Extinguisher</i>	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
4.	26.02.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
5.	27.02.2014	Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan	Kementerian Dalam Negeri - Polis DiRaja Malaysia
6.	12.03.2014	Persediaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Untuk Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
7.	13.03.2014	Lawatan Kerja Ahli-ahli PAC ke Projek Pembinaan <i>Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2)</i>	Kementerian Pengangkutan
8.	19.03.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
9.	26.03.2014	Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan	Kementerian Dalam Negeri - Polis DiRaja Malaysia
10.	01.04.2014	Projek Pembinaan <i>Kuala Lumpur International Airport 2 (KLIA 2)</i>	Kementerian Pengangkutan Malaysia Airport Holdings Berhad
11.	02.04.2014	- Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Institusi Pendidikan/Sekolah - Pengurusan Perolehan Kapal Penyelidikan Dan Latihan RV <i>Discovery</i> oleh Universiti Malaysia Terengganu	Kementerian Pendidikan Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) Jabatan Laut Malaysia
12.	07.04.2014	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 1	Jabatan Audit Negara
13.	28.04.2014	- <i>Kuala Lumpur International Airport 2</i> : Perancangan dan Pelaksanaan Operasi AirAsia Berhad - <i>Kota Kinabalu International Airport</i> : Pemindahan Operasi AirAsia Berhad dari Terminal 2 ke Terminal 1	AirAsia Berhad
14.	07.05.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
15.	08.05.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
16.	14.05.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
17.	15.05.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
18.	20.05.2014	Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS Yang Tidak Memuaskan Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 - Pengesahan Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Badan Berkanun Persekutuan	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
19.	10.06.2014	Pengurusan Pembinaan Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	Kementerian Pendidikan
20.	11.06.2014	Pengurusan Pelaburan Hartanah Luar Negara	Kementerian Kewangan Malaysia Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
21.	16.06.2014	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 2	Jabatan Audit Negara
22.	17.06.2014	Projek Lebuhraya Pantai Timur 2	Kementerian Kerja Raya
23.	18.06.2014	Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
24.	19.06.2014	Penyelewengan Dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
25.	09.07.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
26.	17.07.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
27.	02.09.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
28.	03.09.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
29.	09.09.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
30.	10.09.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara	Jabatan Audit Negara
31.	24.09.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara Dan Agensi	Jabatan Audit Negara
32.	30.09.2014	Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA ke KLIA 2	Kementerian Pengangkutan
33.	08.10.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara Dan Agensi	Jabatan Audit Negara
34.	14.10.2014	Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul	Kementerian Dalam Negeri Kementerian Kerja Raya
35.	15.10.2014	Lawatan Kerja ke Pusat Pemprosesan GST, Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kelana Jaya, Selangor	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
36.	16.10.2014	Pengurusan Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
37.	27.10.2014	Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu	Kontraktor JAKS Resources Berhad
38.	28.10.2014	Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo	Kementerian Kewangan Malaysia Jabatan Kastam Diraja Malaysia
39.	29.10.2014	Pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur	Kementerian Wilayah Persekutuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
40.	03.11.2014	Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	Kementerian Kewangan Malaysia Lembaga Penyatuan & Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
41.	05.11.2014	Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan	Kementerian Pengangkutan Jabatan Pengangkutan Jalan
42.	10.11.2014	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 Siri 3	Jabatan Audit Negara
43.	10.11.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara Dan Agensi	Jabatan Audit Negara
44.	11.11.2014	Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
45.	17.11.2014	Prosedur Pemantauan Dan Pelesenan Syarikat Kawalan Keselamatan Serta Pengawal Keselamatan	Kementerian Dalam Negeri
46.	17.11.2014	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara Dan Agensi	Jabatan Audit Negara

JADUAL 10.2
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA JULAI 2015

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
1.	26.11.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Projek Pembangunan Empangan Paya Peda, Besut, Terengganu	Jabatan Audit Negara
2.	27.11.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sentul, Kuala Lumpur	Jabatan Audit Negara
3.	28.11.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Pengurusan Perolehan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Jabatan Audit Negara
4.	17.03.2015	Perkhidmatan 1BestariNet	Kementerian Pendidikan
5.	18.03.2015	Prosedur Kawalan Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	Kementerian Kewangan Malaysia
6.	19.03.2015	Pengurusan Permohonan Kelulusan Ejen Cukai	Kementerian Kewangan Malaysia Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
7.	24.03.2015	Program 1Azam	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
8.	25.03.2015	Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu	Kementerian Komunikasi Dan Multimedia
9.	26.03.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan FINAS Yang Tidak Memuaskan	Jabatan Audit Negara

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
10.	30.03.2015	Pengurusan Peruntukan Kewangan Bencana Banjir	Kementerian Kewangan Malaysia Majlis Keselamatan Negara
11.	31.03.2015	Program Subsidi Benih Padi Sah	Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
12.	01.04.2015	Pengurusan Projek Pembinaan Hospital Shah Alam	Kementerian Kesihatan
13.	02.04.2015	Projek Pengalihan Operasi Keretapi Tanah Melayu Berhad Dari Tanjong Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura dan Kempas Baru (Depoh), Johor Bahru, Johor	Kementerian Pengangkutan
14.	06.04.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Pengurusan Mesin Pengimbas Kargo - Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan	Jabatan Audit Negara
15.	06.04.2015	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1	Jabatan Audit Negara
16.	07.04.2015	Pengurusan Pengendalian Acara	Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan
17.	08.04.2015	Prosedur Kawalan Penyewaan Tanah Persekutuan	Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
18.	30.04.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Penyambungan Laluan ERL Dari KLIA Ke KLIA2	Jabatan Audit Negara
19.	19.05.2015	Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	Kementerian Kewangan Malaysia Unit Perancang Ekonomi
20.	25.05.2015	Program 1Azam	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
21.	25.05.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Prosedur Kawalan Pengurusan Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd.	Jabatan Audit Negara
22.	26.05.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu	Jabatan Audit Negara
23.	27.05.2015	Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan - Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)	Lembaga Penyatuan Dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)
24.	28.05.2015	- Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur - Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara (KTU) Di Kapal Batas, Kedah - Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur	Kementerian Pertahanan
25.	10.06.2015	Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	Kementerian Kewangan Malaysia Deloitte Malaysia (Juruaudit kepada 1MDB)

BIL.	TARIKH MESYUARAT	TAJUK MESYUARAT	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
26.	11.06.2015	- Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor	Kementerian Dalam Negeri Polis DiRaja Malaysia
		- Pengurusan Kuarters Polis DiRaja Malaysia	Kementerian Dalam Negeri - Jabatan Imigresen Malaysia
27.	15.06.2015	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2	Jabatan Audit Negara
28.	15.06.2015	Mesyuarat YB Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Bersama Jabatan Audit Negara - Projek Lebuhraya Pantai Timur 2	Jabatan Audit Negara
29.	16.06.2015	- Pengurusan Syarikat ESPEK Sdn. Bhd. - Pengurusan Syarikat ESPEK Plantations Sdn. Bhd. - Pengurusan Syarikat ESPEK Livestock Sdn. Bhd.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
30.	16.06.2015	Perkhidmatan 1BestariNet	Kementerian Pendidikan
31.	17.06.2015	Kawalan Pengurusan Urus Tadbir 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	Kementerian Kewangan Malaysia KPMG (Juruaudit kepada 1MDB)
32.	09.07.2015 dan 10.07.2015	Pembentangan Laporan Awal Kawalan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	Jabatan Audit Negara

PENUTUP



PENUTUP

Pada umumnya, tahap prestasi pengurusan kewangan di peringkat Kementerian bagi tahun kewangan 2014 menunjukkan sedikit penurunan berbanding dua tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak 20 Kementerian mencapai tahap sangat baik berbanding 23 Kementerian pada tahun 2013 dan 22 Kementerian pada tahun 2012. Namun jika dibandingkan dengan tahun 2010, bilangan Kementerian yang berjaya mencapai tahap sangat baik telah meningkat sehingga 15.3%.

Prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan bagi tahun 2014 pula menunjukkan peningkatan dari segi bilangan jabatan yang mendapat penarafan sangat baik berbanding tahun 2013 serta tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2014, sebanyak 29 (56.9%) daripada 51 Jabatan berada di tahap sangat baik berbanding 21 (46.7%) daripada 45 Jabatan pada tahun 2013 dan 21 (53.9%) daripada 39 Jabatan pada tahun 2012. Prestasi pengurusan kewangan ini masih boleh dipertingkatkan sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan itu, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan Kementerian/Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan di Jabatan serta Pusat Tanggungjawab di bawah kawalannya untuk memastikan tindakan pembetulan diambil sekiranya berlaku kelemahan yang sama seperti dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu sahaja;
- b. bagi memperbaiki lagi tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut;
- c. Kementerian/Jabatan perlu memperkasakan peranan Unit Audit Dalam (UAD) antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan perlu disediakan dengan teliti supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalaman malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak dan *outcome* kepada organisasi;

- d. isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara hendaklah dibincangkan dengan terperinci dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mesyuarat juga hendaklah membincangkan tindakan *corrective* dan *preventive* yang akan diambil bagi memastikan isu yang sama tidak berulang;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah mempengerusikan setiap *Exit Conference* bersama pegawai Jabatan Audit Negara supaya isu yang dibangkitkan diketahui lebih awal dan segera mengambil tindakan positif selain penambahbaikan;
- f. Jabatan Akauntan Negara Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memantapkan pengurusan kewangan Kerajaan iaitu dengan memastikan Unit Nazirannya menjalankan pemeriksaan di Pusat Tanggungjawab secara terancang;
- g. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance*, pemantauan yang rapi dan menjalankan pemeriksaan mengejut, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dalam bidang pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang berpengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan; dan
- h. rekod mengenai aset sentiasa dikemaskinikan oleh Kementerian/Jabatan sebagai persiapan Kerajaan Persekutuan ke arah pelaksanaan perakaunan berasaskan akruan.

Jabatan Audit Negara


Putrajaya

9 September 2015

LAMPIRAN



LAMPIRAN A1
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2014



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2014, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Prestasi Kewangan dan Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit terhadap amaun yang dilaporkan dan pendedahan mengenainya dalam penyata kewangan.

Pemilihan prosedur Audit yang akan digunakan bergantung kepada pertimbangan Juruaudit selepas melaksanakan penilaian risiko. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi menyatakan pendapat saya mengenai penyata kewangan ini.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2014 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pelaporannya adalah selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

Putrajaya

22 Jun 2015



LAMPIRAN A2

- ***PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA***
- ***PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014***
- ***PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014***
- ***PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014***
- ***PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2014***
- ***NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014***


PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2014 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2014.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2014.



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
25 Februari 2015



DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
Akauntan Negara Malaysia
25 Februari 2015

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2014

		<u>2014</u>	<u>2013</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	17,426,671,072	25,051,038,985
PELABURAN	4	23,414,668,249	24,032,546,356
		<u>40,841,339,321</u>	<u>49,083,585,341</u>
DIPEGANG BAGI :			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	39,592,120,099	26,380,357,864
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	(10,613,907,864)	10,840,100,391
		<u>40,841,339,321</u>	<u>49,083,585,341</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

		<u>2014</u>		<u>2013</u>	
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		164,204,887,589		155,952,205,546	
Hasil Bukan Cukai		52,348,131,946		50,241,306,637	
Terimaan Bukan Hasil		1,666,651,362		1,580,740,186	
Hasil Wilayah Persekutuan		855,349,863	219,075,020,760	1,378,022,570	209,152,274,939
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		108,809,141,548		111,357,188,482	
Luar Negeri		—	108,809,141,548	—	111,357,188,482
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		26,539,848		325,828	
Pinjaman Bilateral		222,744,257	249,284,105	412,326,368	412,652,196
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		1,028,450,618		1,377,968,465	
Perbezaan <i>Forex Relending Loan</i>		—		6,947,052	
Terimaan Balik Pendahuluan		60,728,977		29,508,837	
Jualan Aset Modal		42,799		87,017	
Pelbagai Terimaan Modal		5,497,682		24,919,163	
Jualan Instrumen Kewangan	4	617,878,107	1,712,598,183	717,599,227	2,157,029,761
Terimaan Amanah	7				
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		61,163,842		148,775,232	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		103,256,039		5,054,580,710	
Pelbagai		—	164,419,881	—	5,203,355,942
Jumlah Terimaan			330,010,464,477		328,282,501,320

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

		2014		2013	
	Nota	RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		66,946,934,325		61,001,190,871	
Perkhidmatan dan Bekalan		34,252,935,877		33,860,076,805	
Aset		1,681,823,151		1,414,680,060	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		112,544,254,857		110,424,046,265	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		1,064,584,574	216,490,532,784	1,052,603,153	207,752,597,154
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		37,614,004,995		40,473,294,579	
Pinjaman		1,854,590,132	39,468,595,127	1,736,506,805	42,209,801,384
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		65,861,587,665		73,030,098,558	
Luar Negeri		—	65,861,587,665	—	73,030,098,558
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		109,014,953		98,564,203	
Pinjaman Bilateral		516,480,465	625,495,418	522,458,616	621,022,819
Perbelanjaan Amanah	7				
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		349,159,690		1,212,643,573	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		2,257,167,555		3,239,193,138	
Pelbagai		12,582,294,151	15,188,621,396	4,521,930,893	8,973,767,604
Jumlah Bayaran			337,634,832,390		332,587,287,519
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			(7,624,367,913)		(4,304,786,199)
Wang Tunai Pada 1 Januari			25,051,038,985		29,355,825,184
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			17,426,671,072		25,051,038,985

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	<u>Nota</u>	<u>2014</u>		<u>2013</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
HASIL	5	225,094,429,000	220,625,673,356	213,370,213,558
<u>Tolak :</u>				
Belanja Mengurus	5	222,081,271,970	219,589,142,572	211,270,336,793
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		<u>3,013,157,030</u>	<u>1,036,530,784</u>	<u>2,099,876,765</u>
<u>Tolak :</u>				
Belanja Pembangunan	7	42,163,431,931	39,503,487,396	42,209,801,384
KURANGAN KESELURUHAN		<u>(39,150,274,901)</u>	<u>(38,466,956,612)</u>	<u>(40,109,924,619)</u>
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		37,188,086,245	39,305,562,572
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		1,113,766,045	1,569,433,042
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			165,104,322	(765,070,995)
JUMLAH PEMBIAYAAN			<u>38,466,956,612</u>	<u>40,109,924,619</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
PADA 31 DISEMBER 2014**

		<u>2014</u>	<u>2013</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		99,036,023,598	92,444,600,374
Pelaburan		29,883,017,259	29,679,137,799
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		582,828,241,281	539,857,759,215
Pelbagai Liabiliti		318,104,801	286,624,151

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia. Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah dikenakan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Wang Tunai Dalam Bank	16,479,289,901	24,150,819,417
Wang Tunai Dalam Perjalanan	943,952,421	897,494,085
Wang Tunai Dalam Tangan	3,428,750	2,725,483
JUMLAH WANG TUNAI	17,426,671,072	25,051,038,985

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Mulai tahun 2014, beberapa butiran pelaburan telah diklasifikasikan semula. Butiran Saham telah diklasifikasikan kepada Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri manakala butiran Deposit Dalam Negeri telah diklasifikasikan kepada Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3-12 Bulan dan Deposit Jangka Panjang Dalam Negeri Melebihi 12 Bulan. Angka Perbandingan bagi tahun 2013 yang terlibat dinyatakan semula mengikut klasifikasi yang baru.

Pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 Nilai Buku		2013 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	5,007,128,695	-	4,133,344,179	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,951,810,234	-	2,024,714,111	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	676,753	-	676,753	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,142,945,695	108,058	6,203,976,779
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	7,364,290,243	2,506,038,013	7,514,279,088	4,153,776,830
Pelbagai	-	1,670,558	-	1,670,558
<i>Jumlah</i>	14,764,013,983	8,650,654,266	13,673,122,189	10,359,424,167
JUMLAH PELABURAN	23,414,668,249		24,032,546,356	

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan kecuali baki terkumpul sebelum tahun 1996 berjumlah RM11,863,127,086.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014			2013	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		11,863,127,086		11,863,127,086	
HASIL					
Hasil Cukai	171,770,377,000	164,204,887,589	95.60	155,952,205,546	95.38
Hasil Bukan Cukai	51,526,705,000	53,898,784,542	104.60	54,450,479,701	100.04
Terimaan Bukan Hasil	1,152,467,000	1,666,651,362	144.62	1,589,505,741	104.16
Hasil Wilayah Persekutuan	644,880,000	855,349,863	132.64	1,378,022,570	143.31
<i>Jumlah Hasil</i>	225,094,429,000	220,625,673,356	98.01	213,370,213,558	96.80
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	66,476,153,030	66,946,934,325	100.71	61,001,190,871	98.22
Perkhidmatan dan Bekalan	35,499,389,766	34,258,880,520	96.51	33,860,076,805	98.57
Aset	1,885,255,875	1,802,125,806	95.59	1,414,680,060	95.85
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	116,722,105,786	**115,096,757,716	98.61	**113,762,343,505	96.85
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,498,367,513	1,484,444,205	99.07	1,232,045,552	98.64
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	222,081,271,970	219,589,142,572	98.88	211,270,336,793	97.52
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-	1,036,530,784	-	2,099,876,765	-
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	222,081,271,970	220,625,673,356	99.34	213,370,213,558	98.49
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		-		-	
BAKI PADA 31 DISEMBER		11,863,127,086		11,863,127,086	

Nota: (*) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang.

Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah tidak termasuk pindahan Akaun Premium Terbitan Pelaburan Kerajaan berjumlah RM1,550,000,000, pelarasan hasil bagi pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM123,101 dan pelarasan bayaran *Liquidated and Ascertained Damage (LAD)* berjumlah RM529,495.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran disemak dan di antara anggaran disemak dengan hasil sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014			2013	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI					
Cukai Pendapatan	125,413,715,000	125,234,683,000	118,995,547,439	113,300,254,972	94.36
Cukai Langsung yang Lain	7,634,528,000	7,913,560,000	7,746,944,723	7,223,221,718	103.96
Duti Kastam - Eksport	2,105,406,000	2,105,406,000	1,892,894,533	1,929,961,713	91.94
Duti Kastam - Import	2,501,864,000	2,501,864,000	2,669,683,046	2,523,811,590	104.41
Duti Eksais	9,438,440,000	9,200,940,000	8,456,105,401	8,394,673,827	96.36
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	6,241,660,000	6,241,660,000	6,130,394,771	5,626,192,917	97.09
Cukai Jualan atas Barangan Import	4,743,889,000	4,743,889,000	4,808,996,229	4,441,630,795	100.85
Cukai Perkhidmatan	6,809,619,000	6,779,619,000	6,277,600,117	5,944,248,119	96.47
Levi	150,000,000	180,000,000	216,318,553	173,029,334	115.35

(disambung)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

(sambungan)

	2014				2013	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	% Anggaran	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM		RM	
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	4,253,829,000	4,241,329,000	4,468,395,725	105.35	3,797,876,302	94.57
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,827,428,000	2,627,427,000	2,542,007,052	96.75	2,597,304,259	95.08
Jumlah Hasil Cukai	172,120,378,000	171,770,377,000	164,204,887,589	95.60	155,952,205,546	95.38
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	13,149,177,000	13,049,177,000	14,253,820,028	109.23	13,417,887,467	99.63
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,232,593,000	1,232,593,000	1,452,480,156	117.84	1,261,723,001	103.08
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	912,615,000	1,139,236,000	1,096,357,029	96.24	1,222,248,175	80.41
Sewaan	232,962,000	207,020,000	188,097,653	90.86	176,360,962	76.53
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	32,065,445,000	32,815,445,000	33,755,931,743	102.87	35,305,508,379	100.69
Denda dan Hukuman	1,063,968,000	1,063,968,000	1,117,102,950	104.99	1,077,685,416	102.91
Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	3,818,000	3,140,000	4,363,340	138.96	4,067,211	107.68
Aktiviti Carigali Minyak dan Gas MTJA	1,966,126,000	2,016,126,000	2,030,631,643	100.72	1,984,999,090	106.01
Jumlah Hasil Bukan Cukai	50,626,704,000	51,526,705,000	53,898,784,542	104.60	54,450,479,701	100.04
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	814,205,000	1,033,021,000	1,529,635,147	148.07	1,530,311,666	104.99
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	38,262,000	119,446,000	137,016,215	114.71	59,194,075	86.42
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	852,467,000	1,152,467,000	1,666,651,362	144.62	1,589,505,741	104.16
HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN						
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	423,934,000	567,656,000	731,734,325	128.90	997,870,605	157.86
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	220,946,000	77,224,000	123,615,538	160.07	380,151,965	115.39
Jumlah Hasil Wilayah Persekutuan	644,880,000	644,880,000	855,349,863	132.64	1,378,022,570	143.31
JUMLAH HASIL	224,244,429,000	225,094,429,000	220,625,673,356	98.01	213,370,213,558	96.80

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus ialah perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan yang terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM5,944,643 bagi tahun 2014 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan oleh pelbagai pelarasan urus niaga bukan tunai dari Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta.

Perbezaan perbelanjaan Aset sebanyak RM120,302,655 bagi tahun 2014 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan oleh pindahan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM2,552,502,859 bagi tahun 2014 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan oleh pelarasan bayaran balik pinjaman berjumlah RM8,000,000; pindahan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun berjumlah RM2,530,255,234 kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, pindahan-pindahan lain kepada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM13,915,000 dan pelarasan urus niaga bukan tunai dari Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta sebanyak RM332,625.

Perbezaan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain sebanyak RM419,859,631 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan pelarasan hapus kira pinjaman berjumlah RM400,129,482 dan pelarasan pulangan balik hasil berjumlah RM19,730,149.

Perbelanjaan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan yang akan dibentangkan di sesi Parlimen pada tahun berikutnya selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000	15,713,000	15,711,211	99.99
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,814,000	1,814,000	1,668,727	91.99
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	100,114,000	100,114,000	79,037,811	78.95
T. 04 Ketua Audit Negara	679,000	679,000	597,720	88.03
T. 05 Yang Dipertua Dewan Rakyat	1,250,000	1,262,500	1,262,340	99.99
T. 06 Yang Dipertua Dewan Negara	1,290,000	1,290,000	1,236,482	95.85
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	1,622,000	2,260,000	2,131,668	94.32
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan	50,000	50,000	36,493	72.99
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	10,383,000	10,383,000	5,924,132	57.06
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	3,845,000	4,035,000	3,938,766	97.62
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	1,404,000	1,754,000	1,510,131	86.10
T. 12 Perbendaharaan	5,407,780,000	5,407,780,000	5,292,172,665	97.86
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	23,185,891,000	23,185,891,000	22,588,420,197	97.42
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	14,113,636,000	16,358,854,840	16,341,889,948	99.90
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	42,843,291,000	45,091,880,340	44,335,538,291	98.32
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Parlimen	86,650,000	86,650,000	86,649,405	99.99
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,248,000	2,178,000	1,886,785	86.63
B. 03 Jabatan Audit Negara	169,087,000	165,924,000	153,563,552	92.55
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	83,032,000	82,043,000	60,442,227	73.67
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	54,140,000	52,570,000	52,565,981	99.99
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	5,869,615,000	5,764,924,420	5,646,176,534	97.94
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	2,181,617,000	2,269,617,000	2,556,651,759	112.65
B. 08 Jabatan Peguam Negara	197,384,000	193,060,000	183,074,121	94.83
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	297,510,000	291,987,000	260,941,073	89.37
B. 10 Perbendaharaan	3,266,545,000	3,475,499,000	3,387,772,709	97.48
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	34,574,370,000	36,762,558,000	36,440,519,510	99.12
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,916,949,000	3,126,949,000	**4,155,557,889	132.89
B. 13 Kementerian Luar Negeri	641,837,000	668,530,000	695,363,236	104.01
B. 20 Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi	1,318,495,000	816,995,000	811,063,938	99.27
B. 21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	4,367,380,000	4,439,597,000	4,421,855,550	99.60
B. 22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,724,380,000	5,691,102,000	5,585,058,664	98.14
B. 23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,112,097,000	1,103,618,000	1,103,551,586	99.99
B. 24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	601,078,000	597,817,000	588,065,745	98.37
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	1,131,420,000	1,130,277,000	1,045,399,993	92.49
B. 27 Kementerian Kerja Raya	2,605,544,000	2,525,893,000	1,610,113,788	63.74
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,311,071,000	1,291,852,400	1,283,267,341	99.34
B. 29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	135,748,000	131,902,000	124,908,862	94.70
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	734,791,000	724,263,110	702,131,421	96.94
B. 31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	1,219,591,000	1,214,745,000	1,197,062,192	98.54
B. 32 Kementerian Wilayah Persekutuan	504,770,000	535,920,700	529,007,361	98.71
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,837,000	16,837,000	16,071,139	95.45
B. 41 Kementerian Pendidikan	50,565,450,000	51,199,505,000	51,627,335,953	100.84
B. 42 Kementerian Kesihatan	20,498,060,000	20,498,060,000	20,695,118,557	100.96
B. 43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,371,345,000	2,345,180,000	1,566,695,349	66.80
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	579,849,000	570,644,000	564,292,147	98.89
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	847,739,000	829,086,000	829,082,239	99.99
B. 47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,452,903,000	1,438,621,000	1,420,510,728	98.74
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,052,067,000	2,052,067,000	2,037,805,624	99.31
B. 60 Kementerian Pertahanan	13,355,334,000	13,121,029,000	13,078,741,976	99.68
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	11,960,776,000	11,771,891,000	11,771,830,131	99.99
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	174,807,709,000	176,989,391,630	176,290,135,065	99.60
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	217,651,000,000	222,081,271,970	220,625,673,356	99.34

Nota: (**) - Termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM1,036,530,784

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaakun semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Pinjaman Dalam Negeri termasuk pinjaman bagi membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Bayaran faedah pinjaman dan kos-kos lain untuk mendapatkan pinjaman dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM22,588,420,197 seperti di Nota 5(b).

Perbezaan terimaan Pinjaman Bilateral sebanyak RM24,820,725 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan urus niaga bukan tunai bagi pelarasan pengeluaran pinjaman manakala perbezaan bayaran Pinjaman Bilateral sebanyak RM8,077,049 adalah disebabkan urus niaga bukan tunai bayaran balik pinjaman.

Baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun kecuali baki bersih berjumlah RM39,592,120,099.

Bantuan Luar Negeri yang belum diterima pada 31 Disember 2014 bagi membiayai projek pembangunan adalah berjumlah RM838,977,259 (2013 - RM1,320,651,597).

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM37,188,086,245 di Penyata Prestasi Kewangan untuk tahun 2014 ialah terimaan bersih tahun semasa tidak mengambil kira baki awal berjumlah RM26,380,357,864 dan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM5,400,000,000.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	26,601,885,216	28,904,795,292
Terimaan	97,309,141,548	106,957,188,482
Bayaran	(59,761,587,665)	(67,430,098,558)
Baki pada 31 Disember	64,149,439,099	68,431,885,216
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan		
Terimaan	11,500,000,000	4,400,000,000
Bayaran	(6,100,000,000)	(5,600,000,000)
Baki pada 31 Disember	5,400,000,000	(1,200,000,000)
Luar Negeri		
Terimaan	-	-
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
Jumlah Pinjaman pada 31 Disember	69,549,439,099	67,231,885,216
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral		
Baki pada 1 Januari	(98,238,375)	-
Terimaan	26,539,848	325,828
Bayaran	(109,014,953)	(98,564,203)
Baki pada 31 Disember	(180,713,480)	(98,238,375)
Pinjaman Bilateral		
Baki pada 1 Januari	(123,288,977)	-
Terimaan	247,564,982	412,326,368
Bayaran	(524,557,514)	(535,615,345)
Baki pada 31 Disember	(400,281,509)	(123,288,977)
Jumlah Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	(580,994,989)	(221,527,352)
Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember	68,968,444,110	67,010,357,864
Pindahan Ke		
Kumpulan Wang Pembangunan	(23,976,324,011)	(41,830,000,000)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	(5,400,000,000)	1,200,000,000
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	39,592,120,099	26,380,357,864

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengaika semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dengan debit berjumlah RM359,050,507,609 dan kredit berjumlah RM351,397,174,528. Akaun ini mengaika urus niaga Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun-akaun lain yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai tidak mengambil kira urus niaga bukan tunai yang melibatkan penyusunan semula di bawah Kementerian Pendidikan dan pelbagai pelarasan urus niaga bukan tunai yang lain. Pelbagai Perbelanjaan Amanah yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM12,582,294,151 merupakan baki bersih semasa Akaun Amanah tidak termasuk Kumpulan Wang Pembangunan dan pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	<i>Baki pada 01.01.2014 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2014 (Debit)/Kredit RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(40,535,070,833)	51,895,675,268	38,518,808,712	(53,911,937,389)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,324,944,951	17,710,186,413	17,624,779,113	1,239,537,651
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	29,605,216,930	372,535,693,111	366,212,812,830	23,282,336,649
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	<i>(9,604,908,952)</i>	<i>442,141,554,792</i>	<i>422,356,400,655</i>	<i>(29,390,063,089)</i>
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas	646,842,019	468,126,550	497,213,951	675,929,420
Kumpulan Wang Amanah Am	10,059,927,940	8,021,398,461	5,865,050,685	7,903,580,164
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>10,706,769,959</i>	<i>8,489,525,011</i>	<i>6,362,264,636</i>	<i>8,579,509,584</i>
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	9,465,977,654	1,868,707,084	2,373,276,848	9,970,547,418
Deposit Pelarasan	272,261,730	2,081,723,535	2,035,560,028	226,098,223
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	<i>9,738,239,384</i>	<i>3,950,430,619</i>	<i>4,408,836,876</i>	<i>10,196,645,641</i>
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	10,840,100,391	454,581,510,422	433,127,502,167	(10,613,907,864)

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaika terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Talacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengaika terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini dan pelbagai terimaan.

Terimaan Balik Pinjaman Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2014 berjumlah RM1,028,450,618 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai tidak termasuk urus niaga bukan tunai yang merupakan pelarasan pembayaran balik pinjaman sebanyak RM19,045,969.

Perbezaan Perbelanjaan Pembangunan tahun 2014 berjumlah RM34,892,269 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai disebabkan oleh urus niaga bukan tunai pengeluaran pinjaman sebanyak RM24,820,725 dan pelbagai pelarasan urus niaga bukan tunai dari Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta sebanyak RM10,071,544.

Kurangan Terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan yang berjumlah RM53,911,937,389 disebabkan baki bersih Akaun Pinjaman Disatukan belum dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	(40,535,070,833)	(43,824,579,256)
TERIMAAN		
Caruman Dari Akaun Hasil Disatukan	1,036,530,784	2,099,876,765
Pindahan Dari Akaun Pinjaman Disatukan	23,976,324,011	41,830,000,000
Terimaan Balik Pinjaman	1,047,496,587	1,500,331,052
Perbezaan <i>Forex Relending Loan</i>	-	13,697,019
Terimaan Balik Pendahuluan	60,728,977	29,508,837
Jualan Aset Modal	42,799	87,017
Pelbagai Terimaan	5,497,682	25,809,117
<i>Jumlah Terimaan</i>	26,126,620,840	45,499,309,807
BAYARAN		
Perbelanjaan Pembangunan		
Langsung	37,624,076,539	40,473,294,579
Pinjaman	1,879,410,857	1,736,506,805
<i>Jumlah Bayaran</i>	39,503,487,396	42,209,801,384
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	(13,376,866,556)	3,289,508,423
BAKI PADA 31 DISEMBER	(53,911,937,389)	(40,535,070,833)

- (ii) Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuh di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 [Akta 42] bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam, Pihak Berkuasa Tempatan serta kepada Ahli Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman. Sumber kewangan kumpulan wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulan Wang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman perumahan.

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI	1,324,944,951	1,515,520,436
TERIMAAN		
Pinjaman Perseorangan		
Bayaran Balik Pinjaman Perseorangan	1,533,029,162	1,530,464,432
Hasil Penssekuritan	58,273,033	6,727,762,560
Pembiayaan		
Pelbagai Pembiayaan	11,500,000,000	4,400,000,000
Pendapatan Faedah		
Bayaran Balik Faedah Pinjaman Perseorangan	1,403,066,372	1,380,731,300
Akaun Penssekuritan		
Kutipan Bayaran Balik Akaun Penssekuritan	2,659,660,349	2,501,037,601
Peruntukan Diskaun Penssekuritan	376,544,776	(386,424,941)
Pelbagai	108,368,161	11,665,999
<i>Jumlah Terimaan</i>	17,638,941,853	16,165,236,951

(disambung)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

(sambungan)

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
BAYARAN		
Pinjaman Perseorangan		
Pengeluaran Pinjaman Perseorangan	(9,171,503,943)	(8,145,312,053)
Pembiayaan		
Bayaran Balik Pelbagai Pembiayaan	(6,100,000,000)	(5,600,000,000)
Akaun Pensekuritan		
Serahan Kutipan Akaun Pensekuritan	(2,438,248,577)	(2,582,427,916)
Bayaran Lain Akaun Pensekuritan	(14,596,633)	(28,072,467)
<i>Jumlah Bayaran</i>	<i>(17,724,349,153)</i>	<i>(16,355,812,436)</i>
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,239,537,651	1,324,944,951

- (iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Pemiagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Yang Lain yang ditubuh di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	14,831,283	15,062,341
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	2,041,985,996	9,695,319,077
Akaun Penyelesaian Jabatan Mengakaun Sendiri	100,000,000	100,000,000
<i>Jumlah Akaun Penyelesaian</i>	<i>2,156,817,279</i>	<i>9,810,381,418</i>
AKAUN PERNIAGAAN		
Stor dan Woksyp Belum Diuntukkan	77,668,364	82,506,758
<i>Jumlah Akaun Pemiagaan</i>	<i>77,668,364</i>	<i>82,506,758</i>
AKAUN PINJAMAN		
Kontraktor	6,961,438	7,712,617
Kredit Kerjasama	15,037,189	15,037,189
Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi	105,298,941	158,813,111
Pembangunan Ekonomi Belia	6,729,018	6,311,298
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	93,149,013	105,065,042
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	137,256,413	122,577,139
Pendahuluan Pelbagai	58,414,113	58,548,445
Pendahuluan Peti Sejuk Sarawak	620,000	620,000
Pendahuluan Untuk Negeri	132,900,289	160,928,872
Pinjaman Diraja	2,522,438	2,500,000
Pinjaman Kenderaan	666,405,513	666,576,983
Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan Lain	5,879,831,188	5,189,338,781
Pinjaman Perumahan kepada Golongan Pendapatan Rendah	77,651,847	86,428,496
Rakyat Malaysia di Luar Negeri	1,117,744	1,082,529
Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	579,747,113	552,352,156
<i>Jumlah Akaun Pinjaman</i>	<i>7,763,642,257</i>	<i>7,133,892,658</i>
KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,255,624,280	1,207,799,118
<i>Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka</i>	<i>1,255,624,280</i>	<i>1,207,799,118</i>

(disambung)

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

(sambungan)

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG YANG LAIN		
Amanah Negara	9,523,070,010	7,040,478,437
Amanah Pelajar Miskin	229,607,833	428,734,551
Amanah Sukan Negara	16,938,063	25,329,695
Bantuan Bencana Negara	714,813,016	257,948,166
Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	2,753,500	251,500
Cadangan Untuk Negeri	99,731,424	248,606,008
Kebajikan dan Kemudahan bagi Penuntut di Luar Negeri	3,070,152	3,875,655
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	33,959,710	81,083,808
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	1,541,248	3,154,793
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	76,837,530	84,660,107
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	1,000,000	1,000,000
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundangan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara	2,517,487	1,689,081
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	469,191,949	634,903,284
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Banderol) untuk Rokok dan Minuman Keras	50,951,084	46,029,888
Kumpulan Wang Amanah Projek dan Pengukuran Sempadan Bersama Di antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	6,364,603	7,045,522
Kumpulan Wang Amanah Projek Pelantar Benua Malaysia	779,768	835,748
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	13,202,080	13,202,886
Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional	10,000,000	-
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	5,142,408	4,777,584
Kursi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	794	794
Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara	3,147,930	2,988,430
Penjelas Hutang	225,450,294	219,449,874
Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	49,188,440	57,561,454
Perpustakaan Negara	1,096,915	653,949
Program Perumahan Rakyat Dimiliki	258,018,140	391,444,071
Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	911,590	2,028,245
Tabung Bantuan Perubatan	30,264,250	15,530,468
Tabung Bayaran Balik Cukai	179,136,825	1,777,285,515
Tabung Inovasi Negara Berhad	19,813,116	20,002,616
Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	84,310	84,849
<i>Jumlah Pelbagai Kumpulan Wang</i>	12,028,584,469	11,370,636,978
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	23,282,336,649	29,605,216,930

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah aktanya sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta adalah Kumpulan Wang Amanah Awam yang bertujuan untuk membiayai Perbelanjaan Pembangunan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
AMANAH KHAS		
Kumpulan Wang Dilus Api	307,294,870	275,682,421
Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	227,962,538	225,789,017
Pelbagai Amanah Khas	140,672,012	145,370,581
<i>Jumlah Amanah Khas</i>	675,929,420	646,842,019
AMANAH AM		
Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta	2,958,965,467	5,097,189,238
Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	1,670,014,869	1,958,569,562
Akaun Amanah Dana Khas	890,845,481	716,580,225
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	486,453,170	471,904,192
Akaun Amanah Membangun/Menaiktaraf Sistem Pembetulan untuk Pembangunan Baru	480,911,314	526,940,287
Pelbagai Amanah Am	1,416,389,863	1,288,744,436
<i>Jumlah Amanah Am</i>	7,903,580,164	10,059,927,940
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	8,579,509,584	10,706,769,959

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 (Debit)/Kredit RM	2013 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
Kawalan Wang Tak Dituntut	3,636,888,078	3,216,434,707
Wang Jaminan Pelaksanaan	1,426,358,847	1,503,886,080
Harta Kebangkrapan	1,351,989,426	1,189,759,017
Deposit Wang Tak Dituntut	1,299,688,831	1,503,240,128
Deposit Mahkamah Tinggi	804,404,771	815,311,116
Pelbagai Deposit Am	1,451,217,465	1,237,346,606
<i>Jumlah Deposit Am</i>	<i>9,970,547,418</i>	<i>9,465,977,654</i>
DEPOSIT PELARASAN		
Pembatalan Bayaran EFT	123,788,200	94,251,189
Pembatalan Pencen Skim B	35,974,648	24,081,607
Deposit Pelarasan Cek Terbatal	35,645,852	43,528,668
Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	24,410,156	83,396,516
Pelbagai Deposit Pelarasan	6,279,367	27,003,750
<i>Jumlah Deposit Pelarasan</i>	<i>226,098,223</i>	<i>272,261,730</i>
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	10,196,645,641	9,738,239,384

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat, Perseorangan dan Pelbagai.

Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2013 berjumlah RM92,547,188,214 dinyatakan semula kepada RM92,444,600,374 untuk mengambil kira pelarasan pinjaman dalam mata wang asing kepada Ringgit Malaysia serta pengelasan semula entiti peminjam dari Badan Berkanun ke Syarikat.

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut boleh dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2014.

Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Kerajaan Negeri	16,470,077,891	15,940,499,634
Pihak Berkuasa Tempatan	451,005,221	457,717,393
Badan Berkanun	6,820,864,168	6,655,453,658
Koperasi	158,302,635	178,271,904
Syarikat	28,856,676,215	29,624,251,367
Perseorangan	44,061,429,758	36,460,363,862
Pelbagai	2,217,667,710	3,128,042,556
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	99,036,023,598	92,444,600,374

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat, badan berkanun dan agensi antarabangsa.

Maklumat terperinci Pelaburan boleh dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2014.

Pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	<i>Nilai Buku</i>	
	2014	2013
	RM	RM
Syarikat	28,625,590,154	28,421,710,694
Badan Berkanun	1,218,852,876	1,218,852,876
Agensi Antarabangsa	38,574,229	38,574,229
JUMLAH PELABURAN	29,883,017,259	29,679,137,799

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Hutang Awam diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10 *Cash Basis IPSAS*. Pada akhir tahun, hutang luar negeri dalam mata wang asing dinyatakan dalam nilai setara Ringgit Malaysia dengan menggunakan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2014.

Pegangan Bukan Permastautin bagi Pinjaman Dalam Negeri dan Sukuk Perumahan Kerajaan pada 31 Disember 2014 adalah berjumlah RM151,377,000,000.

Mulai tahun 2014, Pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan diperincikan kepada Pinjaman Berjangka dan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Maklumat terperinci Hutang Awam boleh dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2014.

Hutang Awam pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014	2013
	RM	RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Bil Perbendaharaan	4,320,000,000	4,320,000,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	185,500,000,000	172,500,000,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	329,632,319,000	305,075,000,000
	519,452,319,000	481,895,000,000
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan		
Pinjaman Berjangka	26,200,000,000	32,300,000,000
Sukuk Perumahan Kerajaan	20,400,000,000	8,900,000,000
	46,600,000,000	41,200,000,000
Luar Negeri		
Pinjaman Pasaran	11,468,925,000	10,791,300,000
Jumlah Pinjaman	577,521,244,000	533,886,300,000
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral	656,158,104	721,664,278
Pinjaman Bilateral	4,650,839,177	5,249,794,937
Jumlah Bantuan Luar Negeri	5,306,997,281	5,971,459,215
JUMLAH HUTANG AWAM	582,828,241,281	539,857,759,215

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

(b) Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
Nota Kena Bayar	280,810,997	250,336,879
Sekuriti Tak Dituntut	23,291,530	22,225,104
Akaun Depositori Pusat	14,002,274	14,062,168
JUMLAH PELBAGAI LIABILITI	318,104,801	286,624,151

10. LIABILITI LUAR JANGKA

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu. Liabiliti Luar Jangka pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

- Pinjaman badan berkanun dan syarikat milik kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM172,019,413,967 seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96].
- Simpanan pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Tabung Haji yang berjumlah RM678,015,728,835 seperti yang diperuntukkan di bawah akta penubuhan kumpulan wang berkenaan.

Maklumat terperinci Jaminan Berkanun boleh dirujuk di Lampiran 6 - Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2014.

11. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2014 berjumlah RM22,574,827,371 berdasarkan rekod Kementerian/Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan.

12. WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR

Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh balik pada 31 Disember 2014 berjumlah RM948,969,538 berdasarkan rekod Kementerian/Jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2015
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62518 Putrajaya

www.audit.gov.my